

**PEMBENTUKAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK MELALUI  
TEKS KUMPULAN CERITA SANG KANCIL**

**NOR AYUNI BINTI M. ARIS**

**C19A0403**

**UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

---

**MALAYSIA**

---

**2023**  
**KELANTAN**



**PEMBENTUKAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK  
MELALUI TEKS KUMPULAN CERITA SANG KANCIL**

**NOR AYUNI BINTI M. ARIS**

**C19A0403**

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada  
syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan  
dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

TANDATANGAN

TANDATANGAN PENYELIA



.....  
Nor Ayuni binti M. Aris  
C19A0403

Tarikh : 14/2/2023



DR. NORDIANA BINTI AB JABAR  
Jabatan Pengajian Warisan  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
nordiana.ab@umk.edu.my  
0173907819

.....  
Dr. Nordiana binti Ab. Jabar

Tarikh : 22/2/2023

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian dan syukur dipanjangkan hanya kehadiran Allah S.W.T kerana dengan Hidayat dan anugerahNya memberikan saya kekuatan dan menghilangkan segala kesulitan dalam menyiapkan tesis ini.

Pertama kalinya, setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih ikhlas diucapkan khusus buat penyelia kursus Projek Penyelidikan (CFT4134) diatas segala bimbingan, tunjuk ajar, buah fikiran serta nasihat yang telah banyak disumbangkan selama ini dan telah bersusah payah dalam membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyempurnakan tesis bertajuk *Pembentukan Sosioemosi Kanak-Kanak Melalui Teks Kumpulan Cerita Sang Kancil*. Semoga mendapat rahmat dari Allah S.W.T

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya, Puan Norhayati binti Yusuff dan Encik M. Aris bin Ibrahim kerana telah banyak memberi semangat dan sokongan yang kuat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Tanpa iringan doa dan sokongan daripada mereka, saya tidak akan sampai ke tahap ini. Tidak lupa juga kepada sahabat seperjuangan saya yang banyak membantu, menyumbangkan idea serta memberi sokongan yang kuat kepada saya. Terima kasih tidak terhingga kepada mereka yang selalu bersama dengan saya. Semoga segala kebaikan mereka diberkati oleh Allah S.W.T.

Akhir sekali, ribuan terima kasih kepada pihak Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Dewan Bahasa dan Pusta (DBP) kerana telah memberi kerjasama dengan menyalurkan bahan kajian serta rujukan kepada kami dalam menyempurnakan tesis ini. Syukur kerana Allah S.W.T telah memberi peluang kepada kami menuntut ilmu di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Bachok. Diharapkan, semoga dengan adanya kajian ini dapat diberikan contoh dan dijadikan bahan rujukan kepada pengkaji baharu.

Sekian, terima kasih.

Nor Ayuni binti M. Aris

Lot 148, Kampung Pulau Kundur,

Jalan Kuala Besar,

15350 Kota Bharu,

Kelantan.

Emel: norayuni5010@gmail.com

## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PENGESAHAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii – vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
ABSTRAK	x - xi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1 - 5
1.1 Latar belakang kajian	5 - 7
1.2 Pernyataan masalah	7 - 8
1.3 Persoalan kajian	9
1.4 Objektif kajian	9
1.5 Kepentingan kajian	
1.5.1 Individu	10
1.5.2 Masyarakat	11
1.5.3 Negara	11 - 12
1.6 Definisi konsep	
1.6.1 Sosioemosi	12 - 13

1.6.2 Kanak-kanak	13
1.6.3 Cerita binatang Kumpulan Cerita Sang Kancil	13 - 14
1.6.4 Teori Perkembangan Psikososial	14
1.7 Batasan kajian	15
1.8 Kesimpulan	16
<b>BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.0 Pengenalan	17 - 18
2.1 Pengkajian Tentang Pembentukan	18 - 20
2.2 Pengkajian Tentang Sosioemosi Kanak-kanak	20 - 28
2.3 Pengkajian Tentang Cerita Binatang (Cerita Sang Kancil)	29 - 37
2.4 Pengkajian tentang Teori Perkembangan Psikososial	37 - 41
2.5 Kesimpulan	42
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	43
3.1 Reka Bentuk Kajian	44
3.1.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif	44
3.1.1.1 Kaedah Analisis Teks	45
3.1.1.2 Kaedah Pengumpulan Data	45

3.1.1.3 Kaedah Kepustakaan	46
3.1.1.4 Kaedah Internet	46
3.1.1.5 Kaedah Soal Selidik	47
3.1.2 Penerapan Teori	47 - 48
3.1.2.1 Teori Perkembangan Psikososial	48
3.1.2.2 Peringkat Perkembangan Kanak-Kanak	49 - 50
3.2 Kesimpulan	50
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	51
4.1 Unsur-Unsur Emosi Yang Terdapat Dalam Teks Kumpulan Cerita Sang Kancil	
4.1.1 Emosi Gembira	52 - 56
4.1.2 Emosi Kasih Sayang	56 - 61
4.1.3 Emosi Marah	61 - 64
4.1.4 Emosi Takut	64 - 66
4.1.5 Unsur-Unsur Emosi dalam Teks Kumpulan Cerita Sang Kancil	67 - 68
4.2 Jenis-Jenis Pembentukan Sosioemosi Kanak-Kanak Yang Dipaparkan Dalam Teks Kumpulan Cerita Sang Kancil	

4.2.1 Pembentukan Tatacara	69
4.2.1.1 Bahasa dan Komunikasi	70 - 73
4.2.1.2 Etika dalam Pergaulan	74 - 77
4.2.2 Pembentukan Konsep Kendiri	77 - 78
4.2.2.1 Kebolehan Kendiri	78 - 81
4.2.2.2 Kawalan Diri	81 - 84
4.3 Kesan Bahan Bacaan Dalam Teks Kumpulan Cerita	85
Sang Kancil Yang Dapat Merangsang Emosi Kanak-Kanak	
4.3.1 Demografi Responden	86 - 87
4.3.2 Pengetahuan Kanak-Kanak terhadap Teks Cerita Sang Kancil	87 - 90
4.3.3 Membentuk Kerohanian dan Moral	90 - 93
4.3.4 Membentuk Personaliti Diri	93 - 96
4.3.5 Membentuk Sosial Kanak-Kanak	97 - 100
4.4 Kesimpulan	101
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	102
5.1 Perbincangan	103 - 107
5.2 Cadangan	108 - 110



5.3 Kesimpulan	111
RUJUKAN	112 - 115
LAMPIRAN	



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI RAJAH

	Mura surat
Jadual 1: Dapatan Unsur-Unsur Emosi	67
Jadual 2: Hasil Dapatan Responden	88

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI JADUAL

	Muka surat
Rajah 1: Demografi Responden (Jantina)	86
Rajah 2: Buku Cerita Sang Kancil Ini Dapat Membentuk Nilai Kerohanian Dalam Diri Saya	91
Rajah 3: Adakah Buku Cerita Tersebut Mempunyai Nilai-Nilai Murni Yang Dapat Dicontohi	92
Rajah 4: Buku Cerita Sang Kancil Ini Dapat Menjadikan Saya Lebih Baik	94
Rajah 5: Buku Cerita Ini Telah Meningkatkan Keyakinan Diri Kepada Saya Untuk Menyelesaikan Masalah	95
Rajah 6: Buku Cerita Ini Mengajar Saya Menyelesaikan Masalah Dengan Lebih Baik	96
Rajah 7: Buku Cerita Sang Kancil Ini Dapat Menjadikan Saya Banyak Bercakap Dengan Kawan-Kawan	97
Rajah 8: Buku Cerita Sang Kancil Ini Membolehkan Saya Berkomunikasi Dengan Lebih Baik	98
Rajah 9: Buku Cerita Ini Mengajar Saya Bekerjasama Dalam Menyelesaikan Masalah	99

## **Pembentukan Sosioemosi Kanak-Kanak Melalui Teks Kumpulan Cerita Sang Kancil**

### **Abstrak**

Pembentukan sosioemosi dapat dilihat daripada tahap perkembangan dan kemahiran yang terdapat pada diri kanak-kanak apabila mereka dapat berfikir secara lebih matang. Pembentukan daripada aspek ini merupakan perkara yang sangat penting dan perlu dititikberatkan pada kanak-kanak supaya dapat memberi rangsangan terhadap diri mereka melalui perkembangan sosial emosinya. Permasalahan yang dapat dikaitkan dalam kajian ini dapat disentuh daripada masalah sosial kanak-kanak pada masa kini lebih terpengaruh dengan persekitaran yang sekarang, serta bahan bacaan kanak-kanak pada hari ini lebih tertumpukan kepada bahan bacaan yang berbentuk visual berbanding dengan bahan bacaan sastera kanak-kanak. Objektif dalam kajian ini bertujuan mengenal pasti unsur-unsur emosi dan mengkaji jenis-jenis pembentukan sosioemosi kanak-kanak yang dipaparkan dalam teks Kumpulan Cerita Sang Kancil. Oleh itu, pengkaji turut menganalisis kesan bahan bacaan dalam teks Kumpulan Cerita Sang Kancil yang dapat merangsang emosi kanak-kanak. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan Teori Perkembangan Sosioemosi dari Erik Erikson. Tujuan teori ini digunakan bertujuan untuk memantapkan lagi hasil analisis kajian yang dijalankan. Dapatan kajian mendapati bahawa bahan bacaan sastera seperti Kumpulan Cerita Sang Kancil sememangnya dapat membentuk sosioemosi kanak-kanak kerana terdapatnya unsur-unsur yang dapat merangsang emosi mereka dalam pertumbuhan dan pembesarannya.

**Kata Kunci:** Pembentukan sosioemosi, Kanak-kanak, Bahan Bacaan Sastera, Emosi, Teori Perkembangan Sosioemosi

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **The Formation of Children's Socio-Emotions Through the Text of Sang Kancil's Story Group**

### **Abstract**

The formation of socio-emotions can be seen in the level of development and skills found in children when they can think more maturely. The development of this aspect is critical and should be emphasised in children so that they can stimulate themselves through their social-emotional development. The problems that can be linked in this study can be touched on in terms of the social problems of children today, who are more influenced by the current environment, as well as the fact that children's reading materials today are more focused on visual reading materials compared to children's literary reading materials. The objective of this study is to identify the emotional elements and study the types of children's socio-emotional formation displayed in the text of the Sang Kancil Story Collection. Therefore, the researcher also analysed the effect of reading materials in the text of Kumpulan Cerita Sang Kancil that can stimulate children's emotions. Next, this study also uses a qualitative design by using Erik Erikson's Socioemotional Development Theory. The goal of this theory is to strengthen the findings of the previous analysis. The findings of the study found that literary reading material such as Kumpulan Cerita Sang Kancil can indeed shape children's socioemotions because of the presence of elements that can stimulate their emotions during their growth and development.

**Keywords:** Socioemotional formation, Children, Literary reading materials, Emotions, Socioemotional development theory.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Fokus utama pembentukan sosioemosi dapat dilihat daripada tahap perkembangan dan kemahiran yang terdapat pada diri kanak-kanak apabila mereka dapat berfikir secara lebih matang. Pembentukan daripada aspek ini merupakan perkara yang sangat penting pada kanak-kanak supaya dapat melihat rangsangan terhadap diri mereka melalui tahap perkembangan mereka. Pembentukan ini tercetus dengan kebolehan yang terdapat pada diri mereka sendiri iaitu melalui pemahaman dan kawalan emosi mereka. Dengan ini, dapat dilihat sikap positif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak apabila mereka dapat mengawal emosi, berdikari dan berkeyakinan diri dalam melakukan setiap perkara tanpa bantuan oleh orang lain terutamanya kedua ibu bapanya. Justeru itu, melalui sikap positif yang ditunjukkan dapat membina kemahiran sosial dalam hidup bermasyarakat iaitu mudah mesra dengan orang lain, tolong menolong, hormat menghormati dan lain-lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, kanak-kanak ini mempunyai tahap sosial dan emosi yang sangat baik melalui bahan bacaan tersebut kerana adanya nilai-nilai murni yang dapat dijadikan contoh pada pembentukan sosioemosi kanak-kanak.

Sosial pula merujuk kepada hidup bermasyarakat, perihal masyarakat dan kemasyarakatan. Perkembangan sosial kepada kanak-kanak ini adalah satu proses kepada mereka supaya dapat berkomunikasi dengan orang luar mahupun keluarganya dengan lebih mudah. Hubungan sosial kepada golongan kanak-kanak ini merupakan perkara yang sangat penting bagi melihat pembentukan juga perkembangan psikososial oleh mereka. Emosi pula merupakan perasaan, gerak hati mahupun tindakan yang dilakukan terhadap sesuatu. Oleh itu, tindakan emosi ini terbahagi kepada dua iaitu emosi positif juga emosi negatif. Emosi positif merujuk kepada sikap yang baik ditunjukkan oleh mereka iaitu gembira dan teruja terhadap sesuatu. Manakala sikap negatif merujuk kepada sikap yang kurang baik ditunjukkan oleh mereka seperti memberontak, marah, sedih dan lain-lain. Di samping itu, emosi juga selalu dikaitkan kepada perasaan, kepribadian dan motivasi oleh seseorang itu. Emosi ini dapat dirumuskan sebagai sikap positif dan negatif yang ditunjukkan oleh individu kepada orang lain. Justeru itu, emosi juga berperanan sebagai tindak balas yang ditunjukkan oleh mereka sama ada secara senyap atau secara terbuka.

Menurut Molina S. Nijhar, kesusasteraan kanak-kanak ini merujuk kepada semua perkara sama ada penulisan secara kreatif mahupun imaginatif yang mana ia dapat merangsang pemikiran pembaca atau bahan hiburan kepada kanak-kanak. Oleh itu, kesusasteraan kanak-kanak juga berfokuskan kepada bahan bacaan yang berfaedah dan bermutu tinggi kepada tahap perkembangan kanak-kanak dengan menghayati dan memahami bahan bacaan sastera yang dihasilkan oleh para penulis. Antara bahan bacaan sastera kanak-kanak adalah cerita binatang, cerita jenaka dan banyak lagi. Melalui bahan bacaan ini, dapat memberikan pendedahan kepada kanak-kanak tentang nilai-nilai yang positif kerana bahan bacaan ini bukan hanya sebagai hiburan, malah terdapat juga pengajaran yang diterapkan kepada mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahan bacaan sastera ini dapat menarik minat mereka untuk membaca kerana terdapatnya

kekreatifan terhadap penghasilan teks tersebut berbanding dengan bahan bacaan lain. Dengan ini, dapat mempengaruhi tahap perkembangan dan pembentukan sosioemosi mereka melalui bahan bacaan seperti ini. Ini kerana, pada awal usia mereka ini dapat lagi dilentur supaya menjadi seorang yang berguna di masa akan datang dan kesan pendedahan dan pembentukan yang diterapkan pada awal usia ini biasanya akan berkekalan pada diri mereka. Frank Whitehead berpendapat bahawa “semua kanak-kanak tidak kira apapun peranan akhir hidup mereka kelak, memerlukan pengalaman dari segi sastera.. jika keperibadiaannya mahu dibaja dan berkembang sebagai gaya hidup sepenuhnya”. Justeru itu, wajarlah bahawa pendidikan dan pembentukan kanak-kanak ini perlu dilakukan pada awal usia bagi menjadikan mereka manusia yang bijak, cerdik pandai dan lebih profesional sikapnya. Dengan ini, kesusasteraan kanak-kanak ini dapat dijadikan sebagai pendorong atau alat motivasi yang berkesan pada awal pembentukan sosioemosi kanak-kanak dengan adanya nilai pengajaran untuk dicontoh oleh golongan pembacanya. Justeru itu, sosioemosi kanak-kanak ini dapat dilihat melalui bahan bacaan sastera seperti cerita binatang iaitu teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*.

Karya sastera *Kumpulan Cerita Sang Kancil* ini telah diceritakan semula oleh Amin Minhad dan telah diilustrasikan oleh Sharifah Khadijah Jamal daripada cetakan pada awalnya iaitu pada tahun 1992. Karya ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2015), dan merupakan cetakan keempat dalam penghasilan karya sastera ini. Bahan bacaan ini dapat memberikan manfaat dan pengajaran kepada golongan muda seperti kanak-kanak yang mana emosi mereka masih berada dalam proses perkembangan. Dalam karya sastera ini telah menunjukkan sikap kebijaksanaan dan cerdik pandai seekor Sang Kancil dalam menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi olehnya mahupun haiwan-haiwan lain. Bahan bacaan ini bukan sahaja dapat dijadikan hiburan kepada khalayak pembaca, malah terdapat juga pengajaran yang telah



dititikberatkan oleh para penulis kepada pembacanya. *Kumpulan Cerita Sang Kancil* ini merupakan teks yang sesuai dibaca oleh kanak-kanak kerana adanya kisah-kisah teladan yang dapat dijadikan contoh dan pengajaran kepada mereka. Oleh itu, karya sastera *Kumpulan Cerita Sang Kancil* ini juga terdapat banyak pembahagian tajuk dan jalan cerita yang lain-lain dan setiap daripadanya itu mempunyai makna dan nilai yang dapat dicontohi kepada para pembacanya. Oleh itu, *Sang Kancil* merupakan cerita binatang yang sangat popular dalam masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman. Cerita *Sang Kancil* ini telah menjadi warisan penduduk di sekitar gugusan kepulauan Melayu dalam pelbagai versi yang berlainan, antaranya di Indonesia *Sang Kancil* dikenali sebagai Si Kelinci. Pada asalnya cerita binatang ini diceritakan secara lisan dan diceritakan dari generasi ke generasi yang lain. Oleh hal yang demikian, tiada catatan tentang karyawan awal cerita-cerita *Sang Kancil* ini. Dalam *Kumpulan Cerita Sang Kancil* yang dipilih ini mengandungi kisah-kisah *Sang Kancil* yang cerdik pandai dan bijaksana dalam membela nasib dirinya dengan haiwan-haiwan yang lemah daripada haiwan yang gagah di sebuah rimba. Oleh itu, *Sang Kancil* juga merupakan seekor binatang yang berani kerana dia mempunyai satu kelebihan yang tiada pada binatang lain. Kelebihan yang ada padanya adalah akal yang cerdik lagi pintar sehingga berjaya menundukkan haiwan-haiwan yang lebih perkasa daripadanya. Di samping itu, *Sang Kancil* yang bijak dalam menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi olehnya mahupun haiwan-haiwan lain kerana mempunyai akal fikiran yang bijak. Walaupun cerita haiwan ini sudah lama diterbitkan dan diperkenalkan, malah ia masih lagi segar diingatan masyarakat kita.

Seterusnya, teori Perkembangan Psikososial adalah teori daripada Erik Erikson yang mana ia berfokuskan kepada kepentingan hubungan sosial dalam bermasyarakat perlu dititikberatkan oleh golongan kanak-kanak. Erik Erikson adalah seorang ahli psikososial yang telah membuat kajian tentang perkembangan sosioemosi kanak-kanak

mengikut tahap dan peringkat umur mereka. Menurut beliau, tahap perkembangan kanak-kanak ini dapat dilihat daripada perkembangan psikososial mereka. *Pembentukan Sosioemosi Kanak-Kanak melalui Teks Kumpulan Cerita Sang Kancil* merupakan tajuk kajian penulisan ini. Oleh itu, pembentukan sosioemosi merupakan perkara yang sangat penting dan perlu dititikberatkan dalam membangunkan sosial dan emosi mereka. Justeru itu, dengan adanya pengajaran dan nilai positif dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak ini dapat melahirkan ramai masyarakat yang berilmu dan bijaksana dalam menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi oleh mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, kanak-kanak perlu dibendung kerana pada awal usia mereka sememangnya merupakan proses pembentukan bagi menjadi seorang insan yang berguna dan berjasa kepada masyarakat lain. Justeru itu, mereka juga merupakan sebahagian daripada masyarakat yang akan menjadi seorang insan yang berjasa dan penyumbang kepada negara di masa akan datang.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti, mengumpul dan merumuskan pembentukan sosioemosi yang terdapat dalam diri kanak-kanak ketika membaca bahan bacaan sastera *Kumpulan Cerita Sang Kancil*.

## **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Penelitian dalam kajian ini mengkhususkan kepada pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui kumpulan cerita *Sang Kancil* karya Amin Minhad yang telah diilustrasikan daripada Sharifah Khadijah Jamal. Kajian ini akan membawa penelitian terlebih dahulu kepada pembentukan sosioemosi yang terdapat dalam bahan bacaan sastera yang dikaji. Sosial ini membawa maksud kepada ciri-ciri kehidupan manusia yang dapat membentuk

sebuah masyarakat, manakala emosi pula merupakan perasaan dan gerak hati yang dialami oleh seseorang itu. Sosioemosi ini menunjukkan keupayaan dalam mengendalikan dan mempertahankan hubungan sosial yang baik dalam masyarakat. Oleh itu, bahan bacaan ini sangatlah penting dalam pembentukan kanak-kanak kerana ia dapat memberi rangsangan kepada mereka supaya pertumbuhan dan perkembangan emosi dapat berinteraksi dengan baik. Dalam bahan bacaan ini bukan sahaja perlu ada unsur nilai murni dan pengajaran malahan emosinya juga penting bagi menarik minat mereka untuk meneruskan membaca dan menghayati karya seperti ini. Oleh hal yang demikian, cerita binatang bukan hanya sebagai hiburan, malah memberi banyak pengajaran kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak. Dengan adanya kajian yang dijalankan ini dapat memberikan pengetahuan yang luas kepada masyarakat akan baiknya bahan bacaan sastera dalam proses pembentukan kanak-kanak.

Bahan bacaan sastera yang dipilih oleh pengkaji adalah cerita haiwan iaitu kumpulan cerita *Sang Kancil*. Bahan bacaan sastera ini terbahagi kepada dua iaitu fiksyen dan bukan fiksyen. Kajian ini tergolong dalam buku fiksyen, di mana ia merupakan karya sastera yang diterbitkan merupakan cerita rekaan dan khayalan seseorang pengarang dalam menghasilkan sebuah karya sastera. Merujuk kepada teks kumpulan cerita *Sang Kancil*, terdapat sepuluh cerita yang berkaitan kepintaran dan kebijaksanaan *Sang Kancil* dalam menyelesaikan apa jua masalah serta juga dapat membentuk sosial emosi kanak-kanak. Antaranya adalah:

- i. Sang Kancil Membilang Buaya
- ii. Sang Kancil dengan Pak Belang
- iii. Sang Kancil Menolong Kerbau
- iv. Sang Kancil Syah Alam di Rimba
- v. Sang Kancil Mendamaikan Kambing dan Harimau

- vi. Sang Kancil Mengalahkan Gajah
- vii. Sang Kancil Mengalahkan Buaya
- viii. Sang Kancil Menawan Gergasi
- ix. Sang Kancil di Rimba Damai
- x. Sang Kancil Hakim Bijaksana

Seterusnya, pengkaji turut menggunakan teori Perkembangan Psikososial dalam kajian ini bagi menyempurnakan kajian yang dijalankan. Teori ini adalah teori daripada Erik Erikson yang menekankan kepada kepentingan hubungan sosial antara individu dengan individu yang lain dalam membentuk sosioemosi kanak-kanak mengikut peringkat perkembangan dan usia mereka. Oleh itu, beliau juga merupakan ahli psikososial yang banyak menumpukan kajian tentang perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak. Menurut beliau, perwatakan seorang kanak-kanak ini dapat dibentuk hasil daripada perkembangan psikososial mereka sendiri.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Permasalahan yang dapat dikaitkan dalam kajian ini adalah dapat disentuh daripada masalah sosial kanak-kanak pada masa kini lebih terpengaruh dengan persekitaran yang sekarang. Hal ini kerana, kanak-kanak zaman kini kebanyakannya lebih ditumpukan kepada gajet kerana sudah diajar daripada kecil berbanding dengan membaca bahan bacaan sastera kanak-kanak seperti teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*. Oleh itu, dalam penulisan ini pengkaji telah membincangkan tentang kebaikan dan kesan yang

dapat dilihat daripada bahan bacaan tersebut apabila mereka menghayati dan memahami apa yang ingin disampaikan oleh pengkarya dalam penulisannya.

Selain itu, kajian ini juga mengemukakan permasalahan berkaitan dengan bahan bacaan kanak-kanak pada hari ini lebih ditumpukan kepada bahan bacaan yang berbentuk visual berbanding dengan bahan bacaan sastera kanak-kanak. Dengan ini, akan kurangnya penerapan nilai murni dan pendidikan dalam karya yang dihasilkan tersebut. Dengan adanya kajian yang dijalankan ini dapat membuka mata kepada masyarakat akan baiknya karya-karya sastera seperti ini kepada golongan muda. Justeru itu, karya seperti ini tidak seharusnya ditinggalkan kerana terdapat banyak kebaikannya dan pengajaran kepada pembentukan kanak-kanak.

Di samping itu, kajian yang dijalankan ini menggunakan teori Perkembangan Psikososial dari Erik Erikson. Pengkaji mendapati kurangnya kajian yang dijalankan menggunakan teori Perkembangan Psikososial ini. Oleh itu, teori ini digunakan bagi menjadi sebagai cetusan idea dalam bahagian menganalisis kajian yang dijalankan. Justeru itu, dapat juga dijadikan sebagai bahan rujukan baharu kepada para pengkaji yang lain.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan dalam melaksanakan kajian yang dijalankan ini bagi menentukan objektif kajian yang perlu dicapai:

1. Apakah unsur-unsur emosi yang terdapat dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*?
2. Bagaimanakah pembentukan sosioemosi kanak-kanak yang dipaparkan dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*?
3. Sejauh manakah kesan bahan bacaan dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* dapat merangsang emosi kanak-kanak?

### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, bagi menjawab kepada persoalan adalah kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti unsur-unsur emosi yang terdapat dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*.
2. Mengkaji jenis-jenis pembentukan sosioemosi kanak-kanak yang dipaparkan dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*.
3. Menganalisis kesan bahan bacaan dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* yang dapat merangsang emosi kanak-kanak.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini menjelaskan sejauh manakah karya *Kumpulan Cerita Sang Kancil* ini memberi peranan dalam membentuk sosio emosi terhadap golongan masyarakat terutamanya diri kanak-kanak. Kajian ini juga berperanan untuk memberi tunjuk ajar, mendidik, mengkritik serta menjadi bahan rasa dan bahan fikir kepada individu, masyarakat dan negara.

### 1.5.1 Individu

Hasil kajian ini akan menambahkan ilmu pengetahuan kepada seseorang mengenai kebaikan yang dapat diperolehi dalam diri kanak-kanak dalam pembentukan sosioemosi mereka ketika membaca dan menikmati keindahan bahasa mahupun nilai moral baik yang terdapat dalam bahan-bahan bacaan sastera seperti kumpulan cerita Sang Kancil. Berdasarkan kajian ini, seseorang itu dapat memahami dan menghayati sesuatu bahan bacaan sastera dengan lebih teliti dan berkesan. Hal ini kerana, bahan bacaan ini bukan sahaja sebagai bahan hiburan semata-mata, malah perkara ini juga dapat memberikan kesan yang positif kepada para pembacanya. Oleh hal yang demikian, melalui penelitian terhadap *Pembentukan Sosioemosi dalam Teks Kumpulan Cerita Sang Kancil* membolehkan seseorang itu menghayatinya secara lebih berkesan.

### **1.5.2 Masyarakat**

Hasil kajian seterusnya adalah berperanan kepada masyarakat. Merujuk kepada kajian ini, pengkaji juga dapat memberikan kebaikan dalam membentuk sosioemosi kanak-kanak kepada para masyarakat supaya mereka dapat memahami emosi kanak-kanak sewaktu membaca bahan bacaan sastera. Hal ini kerana, bahan bacaan kanak-kanak ini dapat mempengaruhi corak pemikiran dan pembentukan sosioemosi mereka. Justeru itu, bahan bacaan ini juga dapat membina kemahiran sosial dan sikap mereka dalam kehidupan bermasyarakat seperti adil, tolong menolong mahupun menghormati orang lain sepertimana yang ditunjukkan dalam bahan bacaan ini seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang berilmu. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini jelas dapat membuka minda masyarakat terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui bacaan bacaan ini.

### **1.5.3 Negara**

Selain itu, kajian ini juga berperanan kepada negara. Merujuk kepada kajian yang dilakukan ini, pengkaji dapat menggariskan kebaikan dan kepentingan hasil kajian yang dilakukan ini kepada negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembentukan sosioemosi kanak-kanak sangat penting dalam proses pembesaran mereka. Oleh itu, dengan adanya bahan bacaan seperti ini dapat memberikan contoh dan tunjuk ajar yang baik di usia mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkara ini perlu dibendung dari awal usia lagi kerana kanak-kanak ini merupakan sebahagian daripada masyarakat yang



sangat penting kerana mereka merupakan aset yang bakal mencorakkan dan penyumbang kepada nadi pembangunan negara di masa akan datang.

## **1.6 DEFINISI KONSEP**

Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji perlu menggunakan beberapa istilah tertentu. Oleh hal yang demikian, istilah yang digunakan ini perlu didefinisikan terlebih dahulu supaya dapat memberikan kesan dan gambaran yang lebih jelas dalam melaksanakan kajian ini. Oleh itu, pengkaji akan menjelaskan definisi bagi setiap perkataan yang telah menjadi kata kunci dalam kajian ini. Antaranya adalah sosioemosi, kanak-kanak, cerita binatang *Kumpulan Cerita Sang Kancil*, dan teori Perkembangan Psikososial.

### **1.6.1 Sosioemosi**

Pembentukan sosioemosi dapat dilihat daripada tahap perkembangan dan kemahiran yang terdapat pada diri kanak-kanak apabila mereka dapat berfikir secara lebih matang. Sosioemosi ini menunjukkan keupayaan dalam mengendalikan dan mempertahankan hubungan sosial yang baik dalam masyarakat. Sosial ini membawa maksud kepada ciri-ciri kehidupan manusia yang dapat membentuk sebuah masyarakat, manakala emosi pula merupakan perasaan dan gerak hati yang dialami oleh seseorang itu melalui tindak balas fisiologi. Pembentukan ini tercetus dengan kebolehan yang terdapat pada diri mereka sendiri iaitu melalui pemahaman dan kawalan emosi mereka. Dengan ini, dapat melihat sikap positif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak apabila mereka dapat

mengawal emosi, berdikari dan berkeyakinan diri dalam melakukan setiap perkara tanpa bantuan oleh orang lain terutamanya kedua ibu bapanya. Justeru itu, melalui sikap positif yang ditunjukkan dapat membina kemahiran sosial dalam bermasyarakat iaitu mudah mesra dengan orang lain, tolong menolong, hormat menghormati dan lain-lain.

### **1.6.2 Kanak-kanak**

Kanak-kanak dapat didefinisikan sebagai kanak-kanak yang berusia bawah daripada 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak, 2001. Setiap kanak-kanak mengalami tahap perkembangan yang berbeza mengikut tahap perkembangan mereka sendiri. Secara amnya, perkembangan kanak-kanak itu dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya adalah melalui sosial dan emosi mereka. Pembentukan sosial emosi kanak-kanak ini sangat penting bagi melahirkan masyarakat yang berjasa kepada negara. Hal ini kerana, kanak-kanak juga merupakan golongan masyarakat yang sangat penting, kerana mereka merupakan aset negara kepada negara juga dapat dijadikan penyumbang dalam pembangunan negara di masa akan datang.

### **1.6.3 Cerita binatang *Kumpulan Cerita Sang Kancil***

Cerita binatang ini merupakan sebuah cerita rakyat dalam sastra lisan mahupun dikenali sebagai sastra rakyat Melayu. Watak binatang ini diberikan sifat seperti manusia di mana ia mempunyai kebolehan bercakap, berfikir dan bertindak seperti manusia. Fungsi cerita binatang ini sebagai hiburan malahan terselit juga pengajaran dan teladan kepada kanak-kanak supaya bijak menggunakan akal dalam melakukan sesuatu. *Sang*

*Kancil* merupakan cerita binatang yang sangat popular dalam masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman. Cerita *Sang Kancil* ini telah menjadi warisan penduduk di sekitar gugusan kepulauan Melayu dalam pelbagai versi yang berlainan, antaranya di Indonesia *Sang Kancil* dikenali sebagai *Si Kelinci*. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa cerita binatang ini dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat dengan kepintaran yang ada pada diri seseorang.

#### **1.6.4 Teori Perkembangan Psikososial**

Teori Perkembangan Psikososial adalah teori daripada Erik Erikson yang menekankan kepada kepentingan hubungan sosial antara individu dengan individu yang lain dalam kalangan kanak-kanak. Erik Erikson merupakan seorang ahli psikologi, di mana kajiannya banyak tertumpukan kepada perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak. Menurut beliau, kanak-kanak ini dapat dibentuk daripada perkembangan psikososial mereka yang mana ia dapat dilihat melalui personaliti mereka. Oleh itu, pembentukan sosioemosi merupakan perkara yang perlu dititikberatkan dalam diri kanak-kanak supaya dapat membangunkan perkembangan sosioemosi mereka sewaktu membaca bahan bacaan yang dipilih. Oleh itu, penerapan nilai dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak sangat penting untuk melahirkan ramai masyarakat yang berilmu dan bijaksana.

## 1.7 BATASAN KAJIAN

Menerusi kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian ini secara terbatas supaya hasil kajian yang dikumpul dapat menjawab kepada persoalan dan objektif kajian. Berdasarkan kepada kajian ini, pengkaji membataskan bahan kajian kepada beberapa skop tertentu yang berkait rapat terhadap bahan bacaan sastera kanak-kanak iaitu teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* oleh Amin Minhad yang telah diilustrasikan oleh Sharifah Khadijah Jamal daripada cetakan pada awalnya iaitu pada tahun 1992. Bagi kajian ini, pengkaji akan menyentuh kisah-kisah teladan yang dapat merangsang sosioemosi kanak-kanak dalam teks tersebut.

Selain itu, kajian ini juga berfokuskan kepada satu teori sahaja iaitu Teori Perkembangan Psikososial. Teori ini merupakan sebuah teori daripada Erik Erikson yang mana ia sangat menekankan kepada kepentingan hubungan sosial dengan individu lain dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, beliau juga menyatakan bahawa kanak-kanak ini dapat dibentuk hasil daripada perkembangan psikososial mereka yang mana dapat dilihat daripada personaliti mereka. Justeru itu, teori ini digunakan bertujuan untuk melihat tahap perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera yang dipilih.

## 1.8 KESIMPULAN

Secara rumusnya, dalam bab ini telah menjelaskan beberapa aspek yang penting dalam kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Kajian yang dilakukan ini menyentuh kepada pembentukan sosioemosi kanak-kanak sewaktu membaca bahan bacaan ini. Dengan menggalakkan kanak-kanak membaca dan menghayati bahan bacaan sastera seperti kumpulan cerita Sang Kancil ini dapat meninggalkan kesan emosi yang baik kepada kanak-kanak. Pepatah Melayu pernah berkata “Melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Dalam kajian ini, pengkaji telah menghayati emosi yang terdapat dalam diri kanak-kanak sewaktu membaca bahan bacaan ini. Oleh itu, pengkaji turut meneliti aspek sosial yang dapat menjadikan contoh teladan kepada golongan kanak-kanak dalam teks dipilih. Oleh hal yang demikian, kajian ini juga memperlihatkan Teori Perkembangan Psikososial dari Erik Erikson ini sememangnya telah menekankan kepada tahap perkembangan dan kepentingan menerapkan aspek sosial dalam diri kanak-kanak supaya dapat melahirkan manusia yang berinteraksi dan adanya nilai-nilai yang positif. Dengan menggunakan teori ini membolehkan pengkaji menganalisis kajian ini dengan lebih berkesan dan menjawab kepada persoalan dan objektif kajian.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.0 PENGENALAN**

Bab ini menerangkan tentang kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang kajian yang berkait dengan tajuk pilihan penyelidikan. Tinjauan kajian lepas ini merupakan pernyataan yang menyokong objektif kajian serta dapat membantu dari maklumat penganalisan data kajian yang dilakukan. Tinjauan kajian lepas ini adalah kritikan analisis oleh penyelidik terhadap penyelidikan yang dilakukan terhadap topik dan persoalan yang tertentu. Kajian lepas juga dapat membuktikan bahawa permasalahan kajian yang dapat mendorong kepada kajian para pengkaji yang lepas serta dapat membantu pengkaji dalam memperolehi dan mengukuhkan maklumat. Dalam kajian lepas yang dilakukan ini juga terdapat aspek-aspek yang telah dititikberatkan seperti objektif, permasalahan, kaedah dan teori yang digunakan dalam penganalisan data kajian.

Seterusnya, dalam membahaskan permasalahan kajian yang dikenal pasti masalah sosial kanak-kanak pada masa kini lebih terpengaruh dengan persekitaran yang sekarang. Hal ini kerana, kanak-kanak zaman moden ini kebanyakannya lebih ditumpukan kepada gajet kerana sudah diajar daripada kecil berbanding dengan

membaca bahan bacaan sastera kanak-kanak. Oleh itu, dalam kajian ini juga mengemukakan permasalahan berkaitan dengan bahan bacaan kanak-kanak pada hari ini lebih tertumpukan kepada bahan bacaan yang berbentuk visual berbanding dengan bahan bacaan sastera kanak-kanak. Dengan ini, kurangnya penerapan nilai murni dan pendidikan dalam diri kanak-kanak pada masa kini. Di samping itu, kurangnya penggunaan teori Perkembangan Sosioemosi dalam penghasilan kajian-kajian lepas. Justeru itu, bab ini akan membincangkan beberapa sub topik berkaitan dengan kajian lepas. Antaranya, melalui pengkajian tentang pembentukan, sosioemosi kanak-kanak, cerita binatang mahupun cerita Sang Kancil dan Teori Perkembangan Psikososial.

## **2.1 PENGKAJIAN TENTANG PEMBENTUKAN**

Kajian ini berfokuskan kepada pembentukan yang dijalankan oleh Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2011) dalam kajiannya yang menyentuh kepada pembentukan sikap. Tajuk kajian adalah *Pembentukan Emosi Kanak-kanak melalui Bahan Bacaan Sastera*. Kaedah kajian menggunakan borang soal selidik, temubual dan pemerhatian. Dalam kajian ini mendapati pengkaji telah menggunakan tiga objektif kajian, yang pertama mengenal pasti emosi kanak-kanak sewaktu membaca bahan bacaan sastera. Objektif kedua adalah mengenal pasti dan menganalisis bahan bacaan sastera yang dapat merangsang emosi kanak-kanak, dan objektif ketiga menyenaraikan bahan bacaan sastera yang menjadi tumpuan kanak-kanak. Justeru itu, kajian ini juga berdasarkan kepada Teori Emosi. Melalui Teori Emosi ini dapat mengesan reaksi kanak-kanak hasil daripada pembacaan bahan bacaan sastera. Hasil daripada kajian

ini mendapati bahawa bahan bacaan sastera ini sememangnya memainkan peranan dalam pembentukan emosi mereka.

Darmiyati Zuchdi (1995) telah mengkaji tentang pembentukan sepertimana tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dalam kajian ini ia melihat kepada pembentukan sikap manusia iaitu terbahagi kepada tiga komponen iaitu kognitif, afektif dan konatif. Menurut pengkaji sikap sosial ini terbentuk oleh adanya interaksi sosial antara manusia. Dalam kajian ini penulis telah menggunakan Theory of Reasoned Action yang mana ia meletakkan sikap pada kedudukan pusat berkaitan dengan tindakan manusia dan ditentukan oleh kepercayaan. Dalam kajian ini penulis telah menggunakan objektif kajian untuk melihat faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pembentukan sikap individu. Justeru itu, sosiometri digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang struktur sosial sesuatu kumpulan.

Nurul Lailatul Khusniyah (2018), telah menjalankan kajian berkaitan dengan pembentukan bertajuk *Peranan Orang Tua Sebagai Pembentuk Emosional Sosial Anak*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan orang tua sebagai pembentuk emosional sosial kanak-kanak. Oleh itu, pengkaji telah membuat penelitian berkaitan dengan orang tua dengan pembentukan emosi sosial anak. Dapat juga dilihat bahawa perkembangan emosi sosial anak ini semestinya ditentukan oleh interaksi antara orang tua dan juga anak. Oleh itu dapat juga dilihat bahawa terdapat faktor yang penting dalam perkembangan emosi daripada pengasuh mahupun ibu bapa dalam perkembangan emosi anak mereka. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, kajian yang dilakukan ini telah menekankan kepada pembentukan. Maka dengan kajian yang dijalankan ini dapat memberikan contoh dan pengetahuan kepada para sarjana baharu.



Helene Le Forner (2021), telah melaksanakan kajian tentang *Formation of Children's Cognitive and Socio-Emotional Skills: Is All Parental Time Equal*. Kajian ini dibuat bagi mengetahui bahawa pembentukan kemahiran kognitif dan sosio-emosi kanak-kanak melalui peranan daripada ibu bapa. Analisis ini dijalankan untuk menilai potensi heterogen bagi merentasi kesan pembuangan masa yang dilakukan oleh ibu bapa. Oleh itu, ia bertujuan untuk bertujuan untuk meningkatkan pemahaman kita tentang pembentukan kemahiran kognitif dan sosioemosi kanak-kanak, dengan membenarkan masa ibu bapa menjadi pelbagai dimensi. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan memerhati dan mengedarkan borang soal selidik kepada kanak-kanak berumur kira-kira 4 hingga 17 tahun dan terdiri daripada 25 soalan. Kajian ini mendapati dapati bahawa kesan ke atas kemahiran lisan dan sosioemosi kanak-kanak daripada masa yang dihabiskan dalam satu aktiviti pendidikan bersama bapa adalah lebih kecil berbanding dengan ibu atau kedua-dua ibu bapa bersama. Justeru itu, hasil kajian mendapati kemahiran sosioemosi dapat dilihat bahawa bapa kurang memberikan masa terhadap kanak-kanak.

## **2.2 PENGKAJIAN TENTANG SOSIOEMOSI KANAK-KANAK**

Siti Affiza Mohammad, Zaharah Osman dan Azian Niza Abdul Aziz (2021) telah menjalankan kajian berkait dengan sosioemosi kanak-kanak. Tajuk kajian adalah *Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak melalui Aktiviti Main Peranan dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Prasekolah*. Fokus kajian ini adalah kepada perkembangan sosio emosi kanak-kanak. Kaedah kajian adalah kualitatif dengan melihat kepada kajian kes. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini juga berfokuskan kepada dua tema

bagi dapatan kajian iaitu keadaan sosioemosi kanak-kanak sebelum dan selepas aktiviti main peranan dijalankan. Dengan kajian yang dilakukan telah memberi gambaran baru kepada pengkaji akan perkembangan kanak-kanak ini. Justeru itu, jelas menunjukkan bahawa kajian ini juga dapat memberikan gambaran dan contoh kajian terhadap para sarjana baharu.

Kajian sosioemosi kanak-kanak yang seterusnya dilakukan oleh Ng Sen Fa dan Sandiyao Sebestian (2005), yang mana beliau telah melakukan kajian tentang *Masalah Sosio-emosi Kanak-kanak Pintar Cerdas*. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengupas pelbagai masalah sosioemosi kanak-kanak yang bijak. Fokus utama kajian ini adalah masalah sosioemosi yang telah dihadapi oleh golongan pelajar pintar. Oleh itu, terdapat juga ciri-ciri dan masalah pelajar pintar cerdas yang telah dikemukakan oleh pengkaji tentang masalah kanak-kanak pintar dalam bersosial. Justeru itu, faktor persekitaran juga telah menyebabkan masalah emosi kanak-kanak pintar sama ada dalam bidang akademik mahupun persekolahan yang menyebabkan kepada kegagalan pendekatan pendidikan yang sedia ada. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ng Sen Fa dan Sandiyao Sebestian telah mengemukakan bahawa faktor utama yang menjejaskan sosioemosi kanak-kanak pintar cerdas ini disebabkan oleh keistimewaan yang ada pada diri mereka serta pengaruh faktor luaran. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, kajian yang dilakukan oleh kedua-dua pengkaji ini menekankan kepada masalah sosioemosi yang dihadapi oleh kalangan kanak-kanak pintar cerdas.

Mohd Sahardi bin Ismail (2018) turut melakukan kajian mengenai sosio emosi kanak-kanak dengan melihat kepada *Pembinaan dan Validas Instrument Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak Prasekolah menggunakan Model Pengukuran Rasch*. Kajian ini bertujuan untuk melihat kepada pembinaan dan validasi instrumen perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Dalam kajian ini pula beliau telah menggunakan

teori perkembangan kanak-kanak oleh Erik Erikson (1968), yang mana seorang kanak-kanak itu akan berkembang mengikut tahap umur dan keperluan mereka. Justeru itu, kajian ini bersandarkan kepada beberapa objektif antaranya ialah menilai kesalahan ciri-ciri psikometrik IPSP, menilai kualiti item dalam instrument perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah IPSP dan beberapa lagi. Analisis kajian yang difokuskan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah menekankan kepada perkembangan sosioemosi kanak-kanak seperti mengawal perasaan dan emosi dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian yang dilakukan ini menekankan kepada isu perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Maka, kajian ini sewajarnya dapat dijadikan contoh oleh para sarjana baharu.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Hanisah Halim, Juslah Idang, Guan Teik Ee, Murnizam Halik dan Sabariah Sharif pula melakukan *Tinjauan Perspektif Guru terhadap Kepentingan Pembelajaran Sosio-Emosi dalam meningkatkan Kompetensi Sosio-Emosi Pelajar Sekolah Rendah di Sabah*. Reka bentuk kajian adalah kualitatif dengan mengedarkan borang soal selidik dan terdiri daripada 580 orang responden. Justeru itu, kajian ini juga bertujuan untuk meninjau perspektif para guru terhadap kepentingan pembelajaran sosioemosi untuk diterapkan oleh. Dalam kajian ini, pengkaji telah membincangkan tentang beberapa aspek antaranya perspektif guru terhadap kepentingan PSE, isu sosioemosi pelajar dan teknik pengendalian isu sosio-emosi pelajar terhadap kepentingan pembelajaran. Dengan ini jelas bahawa, kajian yang dilakukan ini menekankan kepada perspektif sosioemosi kanak-kanak mahupun dalam kalangan pelajar. Dengan kajian yang dilakukan ini jelas dapat menjadi sumber rujukan kepada para pengkaji baharu mengenai perspektif sosio emosi terhadap pelajar.

Zaharah Osman (2015) juga menjalankan kajian bertajuk *Kesan Implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi terhadap Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah*.

Kajian yang dilakukan ini dapat memberi manfaat kepada guru bagi mengenalpasti kepentingan kompetensi sosioemosi anak muridnya. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan soal selidik. Kajian yang dijalankan ini bersandarkan kepada sebuah objektif iaitu untuk melihat kesan pembentukan sosioemosi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak. Pengkaji juga mengaplikasikan Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura. Hasil kajian ini menunjukkan kesan pelaksanaan ini telah meningkatkan kemahiran sosial dalam kalangan murid-murid prasekolah. Jelas menunjukkan bahawa, dapatan kajian yang dilakukan ini dapat membantu guru, ibu bapa dan kanak-kanak dalam menguasai kecekapan sosioemosi dengan lebih berkesan terhadap kanak-kanak.

Seterusnya, dalam kajian yang dijalankan oleh Siti Sarah Hasbullah, Kamariah Abu Bakar dan Norasmah Othman (2020) juga menekankan kepada sosioemosi kanak-kanak seperti mana yang dijalankan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, para pengkaji telah melakukan kajian tentang *Pembelajaran Awal Sains dan Kompetensi Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah: Satu Kajian Literatur Sistemik*. Kajian ini berfokus kepada dua objektif kajian iaitu mengkaji pelaksanaan pembelajaran awal sains di peringkat prasekolah dan mengenal pasti elemen-elemen dalam pembelajaran awal Sains dapat memberi kesan positif ke atas kompetensi sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Oleh hal yang demikian, dalam kajian yang dilakukan ini para pengkaji telah menggunakan Kaedah Tinjauan Literatur Sistemik, iaitu dengan menggunakan *Scopus* dan *Google Scholar*. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini menggunakan beberapa analisis melalui beberapa perkara yang dapat dikaitkan dengan pertumbuhan sosioemosi kanak-kanak prasekolah melalui pembelajaran sains. Pengkaji juga menyatakan bahawa tajuk kajian ini berfokus pada penerbitan dalam bahasa Inggris dan berharap supaya akan ada banyak pangkalan data tempatan terutamanya dalam Bahasa Melayu supaya dapat

menjadi sumber rujukan kepada para pengkaji baharu mengenai pembentukan sosioemosi kanak-kanak.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Alifa Aliya Ngadiman dan Zakiah Mohamad Ashari (2018) pula menjalankan kajian terhadap sosioemosi pelajar. Tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah *Sikap Terhadap Gajet Dan Kesannya Kepada Sosio-Emosi Pelajar: Kajian Meta-Analisis*. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji kajian literatur secara sistematik berkaitan dengan sikap pelajar terhadap penggunaan gajet kepada pembentukan sosioemosi pelajar. Menurut beliau, penggunaan gajet pada masa kini dapat memberi banyak faedah kerana ada pembelajaran serba modern menggunakan gajet. Oleh itu, terdapat beberapa kajian lepas yang menunjukkan kesan yang positif terhadap penggunaan gajet kerana dapat membantu proses perkembangan diri pelajar. Salmah dan Malisah (2015), menyatakan bahawa penggunaan gajet ini merupakan perkara penting di zaman serba moden ini supaya memberi peluang kepada pembelajaran secara sendiri serta dapat mendidik kanak-kanak untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif. Oleh itu kajian yang dijalankan ini juga merupakan kajian literature yang bertujuan untuk mengkaji berkait dengan sikap pelajar terhadap penggunaan gajet teknologi serta kesannya terhadap sosioemosi pelajar. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini juga bersandarkan kepada beberapa objektif antaranya adalah mengenalpasti kesan-kesan penggunaan gajet kepada sosioemosi pelajar. Justeru itu, terdapat beberapa analisis yang telah dikemukakan antaranya kesan penggunaan gajet dapat membentuk sosial pelajar dan kesan penggunaan gajet kepada emosi pelajar. Diharapkan dengan kajian seperti ini dapat membuka minda masyarakat mahupun ibu bapa akan gajet teknologi terhadap sosioemosi kanak-kanak.

Di samping itu, pengkaji juga mendapati kajian yang dilakukan oleh Athirah Zainal Abidin, Nor Mashitah Mohd RAdzi, Hamsa Hameed Ahmed dan Putri Afzan

Maria Zulkifli (2021) yang bertajuk *Kesahan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) Menggunakan Model Miller*. Sosioemosi merupakan perkembangan personaliti diri, membina hubungan dan menjaga hubungan baik, pengawalan diri dan memahami perasaan orang lain (Jeanne Ellis & Ormrod, 2011). Menurut Zaharah Osman (2015), perkembangan sosioemosi yang rendah akan memberi kesan terhadap prestasi akademik kanak-kanak, kerana mereka tidak mampu melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran jika mereka mempunyai masalah dalam mendengar arahan, berinteraksi bersama orang lain dan mengawal emosi. Reka bentuk kajian melibatkan pendekatan kualitatif. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini berfokuskan kepada dua objektif iaitu mengenalpasti kesahan item dalam Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) dan mengenalpasti kebolehpercayaan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (IPSK) dengan menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset. Faset ini terbahagi kepada lima iaitu skala, bias penilai, kesukaran item dan prestasi kanak-kanak. Dalam konteks kajian ni, kesahan yang dilakukan adalah kesahan muka dan kesahan kandungan daripada barisan pakar-pakar yang berpengalaman. Oleh hal yang demikian, diharapkan kajian ini dapat membantu guru-guru dalam menilai prestasi sosioemosi murid dan membantu perkembangan murid di peringkat prasekolah.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Shahidah Hassim, Chua Chu Tee, Rosadah Abdul Majid, Zalizan Mohd Jelas dan Hamizatun Akmal Md Yusof pula telah melakukan penyelidikan bertajuk *Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prasekolah Bermasalah Pendengar: Implikasinya Terhadap Penglibatan Ibu Bapa*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kecerdasan emosi kanak-kanak prasekolah yang mempunyai masalah pendengaran dan dilihat daripada beberapa aspek diantaranya mengenali emosi sendiri, mengurus emosi dan memotivasi diri. Kajian yang dijalankan ini menggunakan kajian kes dan pengumpulan data. Oleh hal yang demikian,

terdapat beberapa objektif kajian antaranya mengenal pasti tahap kecerdasan emosi kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran, dan mengenal pasti keberkesanan penjaga terhadap kecerdasan emosi kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran. Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan ini, perkembangan emosi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang mempunyai masalah pendengaran kurang berfungsi dengan baik. Justeru itu, dalam memastikan kesihatan terhadap kanak-kanak merupakan perkara yang perlu dititikberatkan bagi memastikan perkembangan emosi kanak berfungsi dengan baik.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nor Azizah Mohammad dan Suziyani Mohamed (2020), telah melakukan kajian berfokuskan kepada sosioemosi kanak-kanak. tajuk kajian yang dijalankan adalah *Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pembelajaran dalam Membentuk Kecerdasan Sosioemosi Kanak-kanak*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sama ada guru-guru prasekolah memahami tentang pembelajaran sosioemosi serta keperluan menyediakan modul pembelajaran dalam membantu guru menjalankan aktiviti pembelajaran yang dapat memupuk kecerdasan sosioemosi kepada kanak-kanak. Penelitian ini menggunakan kadah kualitatif dengan borang soal selidik diagihkan kepada 30 orang guru prasekolah di sekitar Lembah Klang. Terdapat beberapa objektif kajian yang digunakan antaranya mengenal pasti tahap kefahaman guru prasekolah mengenai kepentingan dan keperluan pembelajaran sosioemosi bagi kanak-kanak dan mengenal pasti sejauh mana amalan pembelajaran sosioemosi telah dilaksanakan di prasekolah. Hasil kajian akan memberikan pengetahuan kepada para guru mahupun masyarakat lain akan kepentingan pembelajaran sosioemosi serta kesannya terhadap kanak-kanak.

Norly Jamil (2010), pula telah menjalankan penelitian terhadap *Tingkah Laku Kanak-kanak dan Ekspresi Emosi Ibu Bapa*. Fokus utama penyelidikan ini adalah

bertujuan untuk memastikan hubungan dan tingkah laku kanak-kanak berfungsi dengan baik melalui tindakan emosi ibu bapa. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kesan yang positif dan negatif terhadap tindakan emosi ibu bapa dalam memastikan tingkah laku kanak-kanak. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan 101 responden yang terdiri daripada ibu bapa dan kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun dari 11 buah tadika KEMAS Semenanjung Malaysia. Terdapat beberapa objektif kajian dalam penulisan ini antaranya adalah untuk mengenal pasti perbezaan tindakan ibu bapa mengikut status dan umur dalam memastikan hubungan tingkah laku emosi kanak-kanak mempunyai ekspresi emosi positif terhadap ibu bapa. Hasil kajian mendapati adanya perbezaan tingkah laku emosi kanak-kanak mengikut umur mereka. Justeru itu, pengkaji mendapati bahawa perbezaan ini berlaku disebabkan oleh faktor usia kanak-kanak.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Maryam Zarra-Nezhad, Jaana Viljaranta, Nina Sajaniemi, Kaisa Aunola dan Marja-Kristiina Lerkkanen (2020) bertajuk *The Impact of Children's Socioemotional Development on Parenting Styles: The Moderating Effect of Social Withdrawal*. Tujuan ini dijalankan dengan memberikan tumpuan kepada perkembangan sosioemosi kanak-kanak antaranya melalui tingkah laku mahupun masalah dalaman dan luaran yang dihadapi oleh kanak-kanak serta sikap keibubapaan melalui kasih sayang, kawalan tingkah laku mahupun kawalan psikologi. Dalam kajian ini, penulis telah mengkaji bagaimana perkembangan sosioemosi kanak-kanak dikaitkan dengan sikap keibubapaan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah soal selidik terhadap ibu bapa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tingkah laku dikaitkan dengan tahap kasih sayang yang lebih tinggi, manakala masalah luaran dikaitkan dengan tahap kawalan tingkah laku yang lebih tinggi.

Berit Hagekull dan Gunilla Bohlin (1995) telah melakukan kajian terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak bertajuk *Day Care Quality, Family and Child*



*Characteristics and Socioemotional Development*. Kajian ini dilakukan untuk menyiasat kesan kualiti penjagaan harian dalam interaksi dengan ciri-ciri kanak-kanak dan keluarga terhadap perkembangan sosioemosi. Perkembangan sosioemosi dikaji dari segi masalah kanak-kanak melalui eksternalisasi mahupun dalaman dan aspek positif berfungsi sebagai ekspresi emosi positif dan kekuatan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu soal selidik. Keputusan menunjukkan kesan utama kualiti penjagaan harian pada ekspresi emosi positif, dan kesan interaktif ditunjukkan untuk beberapa penunjuk lain fungsi sosioemosi. Hasil kajian mendapati bahawa dengan adanya kajian yang dilakukan ini dapat memberi sumber baharu kepada para sarjana baharu.

Selain itu, Mardhiah binti Mohd Puad (2015) juga ada menjalankan kajian berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak. Tajuk kajian yang dijalankan adalah '*iBook Rukun Iman' Pendidikan Kanak-kanak Prasekolah*. Tujuan kajian ini dilakukan bagi mengetahui penerimaan kanak-kanak terhadap iBook. Terdapat beberapa objektif kajian yang digunakan antaranya mengkaji reka bentuk antara muka bagi kanak-kanak prasekolah dan mengenal pasti penerimaan penggunaan iBook dalam membantu guru semasa pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati responden memberi kesan yang positif terhadap penggunaan iBook. Oleh itu, didapati bahawa iBook ini dapat menarik minat, perhatian dan meningkatkan fokus terhadap pembelajaran.

### 2.3 PENGKAJI TENTANG CERITA BINATANG (CERITA SANG KANCIL)

Seterusnya, dalam kajian ini juga pengkaji memfokuskan kepada cerita Sang Kancil yang mana tajuk kajiannya adalah *Ideologi Cerita Sang Kancil dan Implikasinya Dalam Pendidikan Anak Usia Dini* oleh Umar Sidik (2013). Ideologi cerita kanak-kanak yang dapat menarik dan diminati ialah yang terdapat dalam cerita rakyat dengan adanya tokoh Sang Kancil. Ideologi yang menarik terdapat dalam cerita Sang Kancil adalah adanya perbezaan pandangan dan pemahaman dalam kalangan khalayak pembaca. Dalam penelitian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan pragmatik. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan ini memfokuskan kepada dua objektif kajian iaitu mengenalpasti dan menganalisis ideologi cerita Sang Kancil dan mengaplikasikannya dalam pendidikan anak usia dini. Terdapat beberapa analisis ideologi sang kancil yang dijalankan oleh pengkaji antaranya adalah implikasi ideologi Sang Kancil dalam pendidikan anak, kecerdikan untuk menolong binatang lain dan transformasi ideologi Sang Kancil ke sebuah cerita yang lain. Justeru itu, cerita Sang Kancil ini sememangnya memberikan banyak manfaat kepada para pembacanya kerana adanya nilai-nilai murni yang baik dapat dicontoh oleh kanak-kanak. Jelas menunjukkan bahawa, cerita binatang ini dapat memberikan pendidikan yang awal pada usia kanak-kanak.

Estri Novari Rista Sukma Puteri juga menjalankan kajian mengenai Sang Kancil yang bertajuk *Nilai Moral dalam Dongeng Bergambar "Si Kancil yang Cerdik"* karya *Gibran Ar-Rasyid sebagai Muatan Pembelajaran Fabel untuk Peserta Didik Kelas VII SMP*. Dalam penelitian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik mengumpul data melalui dokumentasi kepustakaan. Kajian yang dilakukan ini adalah berkait dengan nilai moral dan teks dongeng. Oleh itu, pengkaji juga telah mendapatkan

75 data berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan. Justeru itu, terdapat dua objektif yang digunakan oleh pengkaji iaitu mengenal pasti dan sejauhmanakah nilai murni terdapat dalam buku *Dongeng Bergambar Si Kancil yang Cerdik* karya Gibran Ar-Rasyid. Terdapat nilai moral yang digunakan untuk menilai perbuatan manusia dalam teks ini iaitu hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan diri sendiri, hubungan manusia dengan masyarakat dan hubungan manusia dengan alam semula jadi. Justeru itu, melalui pengumpulan data yang dilaksanakan mendapati bahawa teks cerita Sang Kancil ini sememangnya memberikan kesan yang positif serta dapat dijadikan contoh yang baik dalam kehidupan seharian. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa cerita Sang Kancil ini dapat membentuk dan mendidik anak-anak dengan adanya penerapan nilai moral yang baik dalam cerita binatang ini.

Seterusnya, Tri Amanat (2020) juga ada menjalankan kajian mengenai cerita binatang Sang Kancil ini yang membawa tajuk kepada *Licik atau Cerdik? Resepsi terhadap Si Kancil di Dunia Maya*. Penelitian ini dilakukan bertujuan untuk meneliti maklum balas dalam talian terhadap cerita Sang Kancil. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif dengan menggunakan teori penerimaan pembaca iaitu melalui sinkronis dan diakronis. Terdapat beberapa objektif kajian yang dilakukan antaranya mengenal pasti dan menganalisis penerimaan masyarakat terhadap cerita Si Kancil dalam dunia maya. Hasil kajian mendapati bahawa kajian ini memberikan kesan yang positif terhadap dapatan kajian. Justeru itu, dengan adanya kajian ini dapat memberikan sumber terhadap para sarjana baharu.

Di samping itu, *Kajian Aspek Moral pada Buku Kumpulan Dongeng Si Kancil karya Mb Rahimsyah Ar* pula dilaksanakan oleh Siti Karomah dan Agus Hermawan (2020). Penelitian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji aspek moral yang terdapat dalam Buku Kumpulan Dongeng Si Kancil karya MB Rahinsyah AR yang mana

ia terdiri daripada nilai penyayang dan sabra. Dalam kajian ini juga telah menggunakan kaedah deskriptif kualitatif bagi mendapatkan pengumpulan data. Terdapat beberapa objektif kajian yang dijalankan antaranya salah satunya adalah mengenal pasti kajian moral termasuk bersabar, dan belas kasihan dengan menggunakan data. Menguraikan dan menganalisis data berkaitan aspek struktur dan moral juga merupakan objektif bagi kajian ini. Justeru itu, sememangnya terdapat pelbagai aspek moral terdapat dalam teks kajian ini yang mana terdiri daripada nilai penyayang dan bersabar. Dengan adanya kajian yang dijalankan ini dapat memberikan sumber kepada para sarjana yang baharu kerana kurangnya bahan kajian berkait dengan tajuk kajian pengkaji.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Atikah Mohd Noor, Sharil Nizam Sha'ri dan Rohaidah Kamaruddin (2018), juga melaksanakan kajian mengenai Sang Kancil yang mengkaji tajuk *Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil*. Dalam kajian ini ia berfokuskan kepada nilai murni yang terdapat dalam cerita Sang Kancil sebagai pembentuk akhlak dalam kalangan kanak-kanak yang mampu menunjukkan nilai yang positif. Oleh itu, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Kebaikan oleh Al-Ghazali bagi mengukuhkan lagi analisis yang dilakukan. Kajian yang dijalankan ini bersandarkan kepada objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai murni yang terdapat dalam cerita Sang Kancil dengan mengaplikasikan Teori Kebaikan Al-Ghazali. Terdapat beberapa dapatan kajian yang mempunyai unsur nilai murni dan pengajaran dalam cerita Sang Kancil adalah Sang Kancil dengan Buaya. Justeru itu, unsur nilai murni dapat dilihat pada cerita Sang Kancil dan Buaya ini telah menunjukkan nilai keberanian juga kebijaksanaan Kancil dalam menyelamatkan diri daripada Buaya. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, ckajian yang dilakukan ini dapat menjadi rujukan dan contoh kepada pengkaji dalam menyempurnakan penyelidikan yang dilakukan.

Siti Fatimah binti Mamat, Roslina binti Abu Bakar dan Arbai'e bin Sujud (2019) juga ada menjalankan kajian mengenai tajuk kajian pengkaji yang membawa tajuk kepada *Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak*. Kajian ini membincangkan tentang watak Sang Kancil merupakan watak utama dapat dijadikan contoh dan pemimpin kepada haiwan lain kerana ia mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh haiwan lain. Kajian yang dijalankan ini bersandarkan kepada dua objektif kajian iaitu mengenal pasti elemen adab yang terdapat di dalam cerita binatang dan keduanya adalah untuk menganalisis kesan penerapan adab dalam kalangan masyarakat Melayu berdasarkan cerita binatang iaitu Kisah sang Kancil dan Memerang. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan rekabentuk kualitatif iaitu dengan membuat analisis kandungan juga kaedah pemerhatian. Justeru itu, pengkaji juga menggunakan Pendekatan Adab berasaskan kepada pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001). Terdapat beberapa analisis yang telah dijalankan antaranya adalah bersikap amanah, bersikap adil dan lemah lembut ketika berbicara. Jelas menunjukkan bahawa cerita Sang Kancil ini sememangnya banyak nilai murni yang dapat dijadikan contoh yang baik terhadap pembentukan kanak-kanak. Dengan ini dapat dijadikan contoh dan rujukan kepada pengkaji dalam menyelesaikan tajuk kajian yang dipilih.

Melalui kajian yang dilakukan oleh Nofi Antika Nurfatin dan Tai Bagus Triadi (2018) pula telah menjalankan kajian yang bertajuk *Karakteristik Tokoh Kancil pada cerita Rakyat Tradisional Indonesia*. Kajian ini bertujuan untuk menerangkan ciri-ciri watak Kancil dalam cerita rakyat di Indonesia. Oleh hal yang demikian, kajian ini juga telah menghuraikan struktur cerita dongeng iaitu cerita Sang Kancil telah ditemui dalam cerita rakyat tradisional. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Pengkaji juga telah menggunakan dua buah buku 'Dongeng Si Kancil dan Hewan-hewan

Belantara karya Fatiharifah dan Nisa Yustisia' dan 'Dongeng Kancil dan Sahabat Rimba karya Gayatri Djajengminardo'. Kajian yang dijalankan ini telah menggunakan pendekatan struktural bagi mengetahui sifat kancil dalam setiap cerita bagi mengetahui watak Kancil di Indonesia. Salah satu objektif kajian yang digunakan adalah mengenalpasti dan menganalisis unsur-unsur intrinsik dalam cerita dongeng Si Kancil. Justeru itu, hasil kajian mendapati bahawa ciri-ciri utama watak Kancil ini merupakan seekor binatang yang bijak, baik hati, tidak putus asa, penyayang, berani, jujur dan sebagainya. Jelas menunjukkan bahawa, tokoh Si Kancil ini merupakan watak yang baik untuk dicontohi kepada masyarakat kita.

Berdasarkan tinjauan kajian lepas berjudul *Buku Cerita Sang Kancil dan Perilaku Meniru Siswa Taman Kanak-kanak* hasil kajian oleh Syukria dan Nina Siti Salmaniah Siregar (2018) membicarakan tentang buku cerita mahupun cerita dongeng Si Kancil memberikan kesan ke atas tingkah laku pelajar Tadika. Oleh itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat jalan penceritaan yang berpengaruh dalam menyampaikan sesuatu cerita. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah deskriptif iaitu mengambil masalah mahupun menumpukan kepada masalah sebenar sebagaimana yang berlaku pada masa penyelidikan dijalankan. Hasil penyelidikan didapati buku dongeng atau kisah kancil dapat memperkayakan ilmu dengan mengenali pelbagai jenis watak.

Seterusnya, berdasarkan tinjauan kajian lepas yang dijalankan oleh Nurhasma Muhamad Saad, Kartina Kamaruzaman dan Dr. Rosni Samah telah menjalankan kajian berkenaan cerita binatang yang bertajuk *Fungsi Cerita Binatang Dalam Sastera Kanak-kanak Melayu – Arab*. Kajian dilakukan ini bertujuan untuk mengenengahkan cerita binatang dalam sastera kanak-kanak Melayu dan Arab. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti fungsi cerita binatang dalam sastera kanak-kanak kbangsa Melayu juga Arab sebagai penelitian ini. Oleh itu, telah menggunakan metode analisis kandungan

dan perbandingan antara cerita binatang kanak-kanak Melayu dan Arab. Justeru itu, hasil kajian mendapati bahawa kajian yang dilakukan ini telah mempunyai fungsi dan kebaikannya yang tersendiri dalam pendidikan kanak-kanak.

Kajian yang dilakukan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2021) telah bertumpu kepada kajian *Pengaplikasian Pendekatan Pengurusan terhadap Dua Buah Cerita Binatang*. Fokus utama kajian ini bertujuan menggunakan teks ‘Gergasi Berpegang dengan Gajah’ dan ‘Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)’ dengan menggunakan pendekatan Pengurusan supaya menjawab kepada persoalan dan objektif kajian. Oleh itu, reka bentuk kajian kualitatif. Artikel ini juga telah menjelaskan pendekatan pengurusan secara komprehensif yang merangkumi kepada maksud dan prinsip pendekatan pengurusan terdiri daripada perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan serta kawalan. Justeru itu, kajian yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan ini bukan sahaja menjadi kesusasteraan Melayu yang menarik, malah dapat memberi kesedaran juga mendidik masyarakat bahawa pentingnya pengurusan dalam kehidupan kita supaya menjadi masyarakat yang berguna dan dapat membantu masyarakat lain dengan memberi didikan dari awal.

Berdasarkan tinjauan lepas yang dilakukan oleh Tuan Syuhada Tuan Mohd Pani (2022) juga menjalankan kajian berkait dengan cerita binatang bertajuk *Cerita Binatang Dalam Bentuk Animasi: Analisis Nilai Murni kepada Kanak-Kanak*. Kajian ini membincangkan tentang nilai-nilai yang telah diaplikasikan melalui watak haiwan dengan menggunakan pendekatan teori moral dalam sebuah cerita binatang yang telah dianimasikan berjudul Pada Zaman Dahulu oleh Les’ Copaque Production. Kajian ini mengandungi beberapa objektif kajian iaitu penerapan nilai-nilai dalam cerita binatang yang berbentuk animasi. Kedua adalah kepentingan cerita binatang yang bentuk animasi dalam menarik minat kanak-kanak terhadap cerita tersebut. Justeru itu, sememangnya

terdapat banyak nilai murni yang menarik untuk diteliti dalam teks kajian ini. Dengan adanya kajian yang dijalankan ini dapat memberikan sumber kepada para sarjana yang baharu.

Kajian yang dilakukan oleh Siti Nurina Hakim, 2012 bertajuk *Menanamkan Nilai-nilai Pembentuk Karakter melalui Cerita Binatang*. Kajian ini berfokuskan kepada nilai-nilai yang baik dalam membentuk watak manusia melalui cerita binatang. Objektif kajian ini merupakan mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam membentuk watak melalui cerita binatang. Kajian yang dilakukan ini dengan menggunakan kaedah kualitatif. Oleh itu, terdapat banyak nilai-nilai yang seharusnya diterapkan dalam masyarakat. Dengan adanya kajian yang dilakukan ini dapat memberikan contoh kepada masyarakat serta para sarjana baharu mengenai kebaikan cerita binatang dalam membentuk watak seseorang.

Edy Purwanto (2017) menjalankan kajian terhadap *Karakter Rupa Dongeng Sang Kancil pada Media Komunikasi Visual*. Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti watak cerita Sang Kancil terhadap media komunikasi visual. Cerita Sang Kancil adalah terdiri daripada cerita rakyat tradisional Indonesia, mempunyai kisah-kisah yang penuh dengan makna dan nilai pendidikan. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif dengan meninjau kewujudan dongeng Sang Kancil dalam masyarakat kota Indonesia. Hasil kajian menunjukkan watak visual Dongeng Sang Kancil tidak banyak berubah mengikut peredaran zaman, ini merupakan punca cerita dongeng Sang Kancil kurang dikenali oleh kanak-kanak Indonesia.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Teddy Onyskow (2013) telah menjalankan kajian ke atas *Perangkaan Buku Dongeng Si Kancil untuk Membentuk Karakter Positif Anak*. Tujuan kajian ini dilakukan bagi memperkenalkan nilai moral



dalam buku dongeng dan matlamat penyelidikan bertujuan mengetahui nilai-nilai akhlak yang baik dan dapat membentuk akhlak yang positif terhadap diri kanak-kanak. Penelitian ini menggunakan kaedah kualitatif dan temu bual terhadap ibu bapa dan anak-anak. Oleh itu, analisis kajian ini dilihat melalui perwatakan melalui pendidikan mahupun membaca dalam membentuk watak dan perkembangan kanak-kanak. Hasil kajian mendapati kanak-kanak ini menyukai buku cerita seperti ini dan dapat memberikan perkembangan yang cepat pada diri mereka.

Selain itu, berdasarkan tinjauan kajian lepas bertajuk *Masihkah Kancil Ajarkan Budi Pekerti?* hasil kajian daripada Eva Yenita Syam (2016) membincangkan mengenai tokoh-tokoh yang terdapat dalam cerita Sang Kancil. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk merungkaikan watak dalam cerita Sang kancil bagi membentuk kanak-kanak melalui cerita ini. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti dan menganalisis watak dalam cerita Sang Kancil dalam membentuk budi pekerti kanak-kanak. Teori yang digunakan ini berfokuskan kepada budi pekerti, cerita rakyat dan sastera kanak-kanak. Huck (1987: 6) menekankan bahawa definisi sastera kanak-kanak ialah buku atau cerita yang meletakkan sudut pandangan kanak-kanak di tengah-tengah cerita. Sang Kancil digambarkan dalam cerita dongeng sebagai haiwan yang bijak dan boleh bercakap seperti manusia. Terlalu banyak cerita kancil ini dengan pelbagai versi di Nusantara antaranya Kancil dan Buaya, Kancil dan Kura-kura serta Kancil dan Harimau. Justeru itu, dengan kajian yang dijalankan ini dapat memberikan ilmu dan pengetahuan kepada masyarakat akan baiknya penerapan cerita binatang ini dalam dini anak-anak.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ikha Listyarini dan Muhammad Arief Budiman telah menjalankan penelitian terhadap kajian berjudul *Pesan Moral dalam Dongeng Kancil dan Sahabat Karibnya karya Fatiharifah dan Nia Yustisia*. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui mesej moral yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam

teks yang dipilih. Penulis telah menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah deskriptif dengan membuat penyelidikan terhadap tajuk kajian. Lickona (2013: 74) menjelaskan bahawa nilai-nilai moral yang terdapat dalam diri setiap individu ini terdiri daripada hormat menghormati, bertanggungjawab dalam sesuatu benda, jujur, adil, bertoleransi dan lain-lain lagi. Analisis unsur intrinsik telah dibuat berdasarkan beberapa buah buku antaranya Kecerdikan Kancil dan Pujian kancil. Berdasarkan hasil analisis data melalui huraian kajian, terdapat banyak mesej moral pada buku tersebut untuk dijadikan contoh teladan kepada kanak-kanak.

#### **2.4 PENGKAJI TENTANG TEORI PERKEMBANGAN PSIKOSOSIAL**

Dalam kajian yang dijalankan oleh Ani Wijirahayu, Diah Krisnatuti dan Istiqlaliyah Muflikhati (2016) telah menggunakan teori Perkembangan Psikososial, tajuk kajiannya adalah *Kelekatan Ibu-Anak, Pertumbuhan Anak, Dan Perkembangan Sosial Emosi Anak Usia Prasekolah*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis kesan ikatan ibu dan anak dan pertumbuhan anak terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian pengumpulan data di Kampung Balumbang Jaya, Daerah Bogor Barat, Kota Bogor. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Perkembangan Sosioemosi dari Erik Erikson. Objektif kajian ini adalah mengkaji sosioemosi kanak-kanak prasekolah di Kampung Balumbang Jaya, Daerah Bogor Barat, Kota Bogor dan pengaruh pertumbuhan dan keterikatan ibu anak terhadap perkembangan sosioemosi anak di usia prasekolah. Hasil kajian ini menunjukkan pengaruh yang positif terhadap keterikatan ibu anak terhadap perkembangan sosioemosi anak prasekolah.

Kajian yang dilakukan oleh Hendra Naldi (2018) bertajuk *Perkembangan Kognitif, Bahasa, Dan Perkembangan Sosioemosional Serta Implikasinya Dalam Pembelajaran*. Kajian ini telah menggunakan teori Perkembangan Psikososial sebagai fokus utama dalam penulisan ini. Kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpul maklumat ialah dengan menggunakan kaedah kajian literatur. Kaedah ini merupakan pengumpulan maklumat daripada buku dan literatur lain yang berkaitan dengan masalah dan objektif kajian. Objektif kajian dalam kajian ini adalah mengkaji aspek perkembangan kognitif, bahasa, dan perkembangan sosioemosional serta implikasinya dalam pembelajaran. Hasil kajian ini mendapati teori Perkembangan Psikososial ini sememangnya sesuai digunakan dalam kajian ini.

Berdasarkan tinjauan lepas yang dilakukan oleh Tiara Emiliza (2019) bertajuk *Konsep Psikososial Menurut Teori Erik H.Erikson Terhadap Pendidikan Anak Usia Dini Dalam Tinjauan Pendidikan Islam*. Tujuan penelitian ini adalah untuk mengetahui teori Erik H.Erikson terhadap pendidikan awal kanak-kanak dan tentunya ditinjau dari aspek pendidikan Islam. Dalam kajian ini penulis menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan dari teks bahan bahasa dan kesusasteraan. Penulis telah menggunakan dua objektif kajian, pertama adalah untuk mengetahui bagaimana konsep psikososial menurut Erik Erikson dan kedua untuk mengetahui perkaitan konsep psikososial Erik Erikson kepada perkembangan awal kanak-kanak dalam kajian pendidikan Islam. Hasil kajian merumuskan bahawa Erikson mempunyai pandangan yang sama tentang konsep asas kepribadian manusia dalam Islam.

Kajian ini pula dijalankan oleh Anita Sari Daulay (2018) bertajuk *Penerapan Pendekatan Erik Erikson Dalam Pengembangan Sosial Emosional Anak Usia Dini Di Tk Dina Dini Kecamatan Sosa Kabupaten Padang Lawas*. Penelitian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui penerapan pendekatan Erik Erikson dalam perkembangan

sosioemosi awal kanak-kanak di Taman Dina Dini, Kecamatan Sosa, Kabupaten Padang Lawas dengan pelbagai masalah dan cara penyelesaiannya. Penulis telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data daripada pemerhatian, temu bual dan dokumentasi. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui aplikasi pendekatan Erik Erikson dalam pembangunan sosio emosi awal kanak-kanak dan mengetahui faktor yang menghalang pengaplikasian pendekatan Erik Erikson dalam membangunkan sosioemosi kanak-kanak.

Seterusnya, dalam kajian yang dijalankan oleh Mahmud Fauzi (2021) bertajuk *Perkembangan Sosio Emosional Siswa Madrasah Ibtidaiyah: Pembelajaran Sekolah Berbasis Dalam Jaringan Di Era Pandemi*. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui perkembangan sosioemosi dalam kalangan pelajar Sekolah Rendah Islam dalam pembelajaran sekolah secara dalam talian. Kaedah yang digunakan ialah persampelan bertujuan untuk menganalisis data bagi menunjukkan perkembangan sosioemosi kanak-kanak dalam pembelajaran. Berdasarkan hasil kajian, diketahui bahawa perkembangan sosioemosi pelajar Madrasah Ibtidaiyah pembelajaran dalam talian adalah berbeza, ada yang merasakan mereka tidak yakin dengan kebolehan berfikir untuk dapat mengikuti pembelajaran dalam talian dengan baik, ini disebabkan oleh kekurangan kecerdasan emosi.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Silvi Aqidatul Ummah dan Novida Aprilina Nisa Fitri (2020) turut menjalankan kajian dengan menggunakan teori Perkembangan Psikososial. Tajuk kajian yang dijalankan adalah *Pengaruh Lingkungan Keluarga Terhadap Perkembangan Sosial Emosional Anak Usia Dini*. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengetahui pengaruh persekitaran keluarga terhadap perkembangan sosioemosi awal kanak-kanak. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian dan temu bual. Hasil kajian ini ialah persekitaran keluarga mempunyai peranan yang sangat penting

dalam perkembangan sosioemosi awal kanak-kanak dan juga mempengaruhi perkembangan peribadi awal kanak-kanak. Jadi persekitaran keluarga dan peranan ibu bapa dalam perkembangan awal kanak-kanak sangat berpengaruh terutamanya terhadap perkembangan sosioemosi awal kanak-kanak.

Kajian ini pula dijalankan oleh Kalaa Shini A/P Jayaganesan (2019) bertajuk *Perkembangan Kanak-kanak* yang mana dalam penulisan ini ia telah menggunakan teori Perkembangan Psikososial dari Erik Erikson. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap perkembangan kanak-kanak. Objektif kajian penulisan ini adalah mengenalpasti dan menganalisis peringkat-peringkat perkembangan kanak-kanak mengikut teori perkembangan sosio-emosi Erik Erikson dan peranan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Terdapat lapan peringkat tahap perkembangan kanak-kanak berdasarkan teori perkembangan sosioemosi telah dikenal pasti oleh pengkaji. Justeru itu, hasil kajian mendapati bahawa teori ini mempunyai tahap perkembangannya yang tersendiri, malah ibu bapa mahupun guru perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kanak-kanak.

Kajian ini dilakukan oleh Kaithiri Arumugam dan Rohaya Md Ali (2019) telah menggunakan teori dari Erik Erikson iaitu Perkembangan Psikososial. Tajuk kajian adalah *Buku Kanak-kanak: Analisis Unsur Estetika*. Tujuan penulisan ini dijalankan adalah untuk membincangkan persoalan estetika dalam teks kanak-kanak di Malaysia. mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur estetika yang terdapat dalam teks kanak-kanak merupakan objektif kajian dalam penyelidikan ini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan meneliti beberapa teks yang berkait dengan kanak-kanak berdasarkan kepada pendekatan Estetika yang dikemukakan oleh Maria Nikolajeva (2005). Antara buku yang terpilih adalah 'Kucing Dengan Tupai', 'Anak Rusa Tewaskan

Gajah' dan 'Puter Sri Embun'. Dapatan kajian menunjukkan bahawa estetika genre dan estetika bahasa merupakan unsur estetika yang terdapat dalam teks yang dipilih. Justeru itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa kanak-kanak ini memerlukan bahan bacaan ini mengikut peringkat usia mereka yang berasaskan kepada teori emosi yang dikemukakan oleh Erikson. Secara rumusnya, buku kanak-kanak juga perlu dihasilkan mengikut peredaran zaman yang mana dapat menarik mereka untuk membaca dan perlu juga mengikut kepada emosi dan minat mereka dalam bahan bacaan sastera seperti ini.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Arb'ie Sujud, Nurul Azimah Abdullsedik dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2019) telah menjalankan penelitian terhadap *Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak Dari Perspektif Teori Emosi*. Dalam kajian yang dijalankan ini pula telah menggunakan Teori Emosi dan Ekspresi Emosi oleh William James dan Carl Lange (1887) dan dikenali sebagai teori James-Lange. Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis ekspresi emosi kanak-kanak yang dapat dikesan melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak melalui Teori Emosi. Hasil kajian mendapati bahawa bahan bacaan ini bukan sahaja perlu menerapkan nilai-nilai positif dan unsur pengajaran sahaja, malah dalam penghasilan teks tersebut juga perlu memainkan peranan dalam membentuk emosi bagi menarik minat mereka untuk membaca bahan bacaan tersebut. Kerana, zaman semakin moden ini menyebabkan kanak-kanak lebih tertumpukan kepada gajet berbanding dengan bahan bacaan.

## 2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, melalui tinjauan kajian lepas yang dijumpai ini mendapati kekurangan pengkaji menggunakan Teori Perkembangan Psikososial oleh Erik Erikson dalam kajian yang dijalankan. Dengan adanya kajian lepas ini akan memberikan sumber kepada penulis untuk menyempurnakan kajian sebagai bahan rujukan dan maklumat tambahan dalam menghurai analisis serta membina idea pemikiran yang baharu. Oleh itu, dalam penelitian ini, pengkaji meneliti secara lebih mendalam berkait dengan pembentukan sosioemosi kanak-kanak dan penggunaan Teori Perkembangan Psikososial. Justeru itu, menurut Erik Erikson menyatakan bahawa remaja mengalami konflik sosial diantara pengertian identiti diri dengan kekeliruan peranan yang ada padanya. Dengan ini menunjukkan bahawa, kanak-kanak ini perlu dibendung dari awal usia mereka lagi dengan menggunakan bahan bacaan sastera seperti cerita Sang Kancil mahupun dengan perkara-perkara bermanfaat yang lain.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul, dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang dapat mengukuhkan kajian yang dijalankan melalui rumusan kajian. Oleh itu, metodologi kajian ini akan menerangkan tentang masalah yang dikaji serta kaedah yang digunakan oleh para pengkaji. Dengan adanya metodologi ini, kajian yang dijalankan akan menjadi lebih efektif kerana melibatkan pemilihan reka bentuk, kaedah pengumpulan data, kaedah persampelan, instrument kajian, kajian pertukaran pembolehubah dan analisis. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif. Justeru itu, tujuan metodologi ini dijalankan bagi membantu untuk memahami dengan lebih luas lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.



### 3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Dalam menjalankan sesuatu kajian, reka bentuk merupakan perkara yang perlu ada bagi menyempurnakan kajian. Reka bentuk kajian merupakan kaedah atau teknik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Hal ini kerana, reka bentuk kajian ini akan menentukan bagaimana kajian dilakukan dan bagaimana data dapat diperolehi dengan lebih jelas. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan ini merupakan kajian deskriptif dan berbentuk kualitatif, yang mana ia menggambarkan sesuatu fenomena yang berlaku.

#### 3.1.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif

Menerusi kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah reka bentuk kualitatif. Kajian kualitatif adalah kajian yang menggunakan maklumat atau data. Reka bentuk kajian kualitatif ini dipilih bagi membantu menganalisis kandungan teks yang terdapat dalam *Kumpulan Cerita Sang Kancil* melalui pembentukan sosioemosi kanak-kanak. Dalam kaedah reka bentuk kualitatif, terdapat beberapa kaedah yang digunakan. Antaranya ialah, kaedah pengumpulan data, kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks, kaedah internet, kaedah soal selidik serta menggunakan Teori Perkembangan Psikososial oleh Erik Erikson.

### 3.1.1.1 Kaedah Analisis Teks

Melalui kaedah kajian analisis teks, pengkaji telah menganalisis *Pembentukan Sosioemosi Kanak-Kanak Melalui Teks Kumpulan Cerita Sang Kancil* karya Amin Minhad dan telah diilustrasikan oleh Sharifah Khadijah Jamal sebagai bahan utama kajian. Kaedah ini digunakan bagi mengenal pasti, menganalisis dan membincangkan aspek kajian pengkaji melalui pembentukan sosioemosi kanak-kanak. Teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* ini merupakan karya Amin Minhad dan telah diilustrasikan oleh Sharifah Khadijah Jamal daripada cetakan pada awalnya iaitu pada tahun 1992. Karya ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2015), dan merupakan cetakan keempat dalam penghasilan karya sastera ini. Kumpulan cerita ini merupakan cerita binatang dan mengandungi nilai-nilai murni yang baik serta dapat membentuk sosioemosi kanak-kanak melalui teks dipilih.

### 3.1.1.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan kaedah untuk mengumpul segala data dan maklumat berkaitan dengan topik kajian yang dilakukan. Dalam kaedah ini, data dapat diperolehi daripada pelbagai medium iaitu melalui teks kajian *Kumpulan Cerita Sang Kancil*. Oleh hal yang demikian, data juga dapat diperolehi melalui bahan-bahan kepustakaan seperti buku, jurnal, tesis dan dokumen lain yang berkaitan dengan tajuk kajian. Justeru itu, data kajian ini dapat dikumpul melalui penggunaan Teori Perkembangan Psikososial, serta aspek-aspek pembentukan sosioemosi kanak-kanak. Malah, pengumpulan data juga dapat diperolehi melalui laman sesawang dengan

penggunaan internet seperti menggunakan laman web *google Scholar* untuk mencari jurnal, tesis dan lain-lain.

### **3.1.1.3 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah keputakaan merupakan kaedah yang biasa digunakan oleh para pengkaji untuk mengumpul data dan bukti kajian kaedah ini merupakan satu kaedah yang memerlukan pencarian maklumat dengan penelitian dan pembacaan terhadap sumber-sumber keputakaan seperti buku, tesis, jurnal serta dokumen lain yang berkaitan dengan pembentukan sosioemosi kanak-kanak, teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* mahupun berkaitan dengan penggunaan Teori Perkembangan Psikososial.

### **3.1.1.4 Kaedah Internet**

Kaedah internet merupakan maklumat mahupun sumber daripada internet akan dikumpul untuk menambahkan maklumat sedia ada yang dikumpulkan melalui kaedah kajian lain. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan beberapa laman web bagi mendapatkan bahan-bahan kajian yang berkaitan. Antara laman web rasmi digunakan oleh pengkaji adalah Dewan Bahasa dan Pustaka, *google Scholar* dan lain-lain lagi.

### **3.1.1.5 Kaedah Soal Selidik**

Kaedah soal selidik merupakan kaedah yang digunakan untuk mengetahui dapatan responden. Kaedah ini merupakan sebuah set soalan yang dibina oleh pengkaji kepada responden bertujuan untuk mengumpul maklumat untuk penganalisan data yang menjawab kepada persoalan kajian. Oleh itu, kaedah ini digunakan untuk mengetahui tahap perkembangan dan perubahan tingkah laku yang ditunjukkan oleh kanak-kanak. Penganalisan data ini dijalankan bertujuan menjawab semua persoalan kajian dengan dengan mengajukan soalan kepada kanak-kanak seperti pelajar sekolah rendah. Oleh itu, soalan yang diajukan perlu mempunyai semua maklumat bagi menjawab kepada persoalan kajian. Justeru itu, dalam kajian yang dilakukan ini perlu menggunakan kaedah soal selidik supaya dapat mengenalpasti sosioemosi yang ditunjukkan oleh kanak-kanak sewaktu membaca bahan bacaan sastera serta pengajaran yang diperolehi oleh mereka dengan bacaan tersebut.

### **3.1.2 Penerapan Teori**

Penggunaan teori merupakan perkara yang perlu ada dalam kajian kerana ia dapat mengenal pasti dan mengesan analisis dengan lebih berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana, teori merupakan satu sistem idea yang bertujuan untuk menerangkan sesuatu, terutamanya berdasarkan kepada idea-idea umum yang bebas daripada sesuatu perkara yang dijelaskan. Menurut Garrison (2000), teori merupakan satu penyusunan idea, konsep dan model secara koheren dan sistematik dan bertujuan untuk membina dalam menjelaskan dan mencorakkan amalan. Teori ini dapat membantu pengkaji memahami

dan bukan hanya apa yang berlaku akan tetapi mengapa perkara itu berlaku. Oleh itu, penyelidikan dan teori ini hanya akan menjadikan kajian itu sempurna jika menggunakan kedua-duanya dalam sesuatu penyelidikan. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan Teori Perkembangan Psikososial oleh Erik Erikson bagi melakukan analisis data yang terdapat pada bab ini.

### **3.1.2.1 Teori Perkembangan Psikososial**

Teori Perkembangan Psikososial merupakan sebuah teori dari Erik Erikson yang menekankan kepada pentingnya hubungan sosial dalam kalangan kanak-kanak supaya menjadi seorang yang mampu berdikari. Menurut Erikson, perwatakan seorang kanak-kanak dapat dibentuk hasil daripada perkembangan psikososial mereka. Oleh itu, beliau juga telah memperkenalkan kepada beberapa peringkat perkembangan, yang mana ia bermula daripada lima kepada lapan peringkat dan bermula dari peringkat bayi hingga peringkat tua. Beliau menyatakan bahawa terdapat peringkat tingkah laku positif dan negatif akan timbul dan akan menyebabkan penyesuaian psikologikal berlaku disebabkan oleh konflik emosinya. Justeru itu, perkembangan kanak-kanak terdiri dari aspek perkembangan yang perlu ditingkatkan yang mana ia terdiri daripada perkembangan moral, perkembangan kognitif, perkembangan bahasa, perkembangan fizik dan perkembangan sosio emosional.

### 3.1.2.2 Peringkat Perkembangan Kanak-Kanak

Dalam teori Erikson ini, beliau telah memperkenalkan enam peringkat perkembangan kanak-kanak yang mana terdapat empat peringkat bagi golongan tersebut. Peringkat perkembangan kanak-kanak ini bermula dari awal kelahiran hingga kanak-kanak berumur 11 Tahun. Menurut Erikson, perkembangan sosial kanak-kanak mementingkan hubungan yang baik dan sosial dengan individu di persekitarannya. Personaliti seorang kanak-kanak akan dibentuk pada peringkat ini. Kejayaan mahupun kegagalan akan membentuk dan mencapai matlamat kepada imej sendiri individu tersebut. Peringkat pertama adalah kepercayaan dengan ketidakpercayaan (bayi hingga umur setahun setengah). Peringkat ini merupakan membina rasa kepercayaan secara berperingkat hubungan yang erat dan rapat dengan ibu bapa. Jika gagal ketidakpercayaan akan timbul kerana ia boleh membentuk tingkah laku negatif. Peringkat kedua adalah autonomi dengan keraguan (setahun setengah hingga 3 tahun). Peringkat ini banyak tertumpu pada perkembangan fizikal dan memerlukan sokongan insan terdekat. Jika berjaya dapat sokongan, timbul rasa percaya pada keupayaan diri mereka, malah sebaliknya jika gagal. Tahap seterusnya adalah inisiatif dengan rasa bersalah (4 – 5 Tahun). Peringkat ini akan mengajar kanak-kanak untuk berdikari. Dengan ini, akan adanya inisiatif untuk melakukan sesuatu itu dengan sendirinya. Jika gagal diberi didikan akan membawa kepada rasa bersalah, dengan ini mereka memerlukan orang lain sebagai sokongan. Peringkat perkembangan sosioemosi terakhir adalah rajin dengan rasa rendah diri (6 – 11 Tahun). Dalam peringkat ini dapat membentuk nilai sendiri yang kuat melalui interaksi dengan rakan sebaya. Kegagalan membentuk kemahiran akan membawa kepada rasa rendah diri atau tiada keupayaan. Malahan, mereka masih memerlukan ibu bapa sebagai sokongan. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa pembentukan sosioemosi

kanak-kanak ini sememangnya perlu dibendung dari awal kelahiran lagi, bagi melahirkan generasi yang berdikari, beradab dan lain-lain di masa akan datang.

### **3.2 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, bab ini telah merungkai dan menjelaskan dengan lebih terperinci akan aspek kajian melalui reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori dan peringkat perkembangan sosioemosi yang diterapkan dalam bahagian analisis bagi menghasilkan hasil kajian yang sempurna. Oleh itu, aspek-aspek yang terkandung dalam metodologi kajian ini akan menjadi perkara yang penting bagi mendapatkan segala maklumat yang berkait dengan kajian. Oleh hal yang demikian, dengan adanya aspek-aspek ini akan memudahkan kepada pengkaji dalam proses penganalisan kajian di bab seterusnya.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan tentang dapatan kajian iaitu hasil daripada kajian yang dilakukan terhadap teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* karya Amin Minhad. Bahagian ini akan menjelaskan secara lebih terperinci kepada pembentukan sosioemosi kanak-kanak terhadap bahan bacaan sastera yang terpilih. Oleh itu, dalam analisis yang dilakukan ini akan menggunakan teori Perkembangan Sosioemosi oleh Erik Erikson bagi mengukuhkan lagi penulisan yang berfokuskan kepada sosioemosi kanak-kanak.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## 4.1 UNSUR-UNSUR EMOSI YANG TERDAPAT DALAM TEKS KUMPULAN

### CERITA SANG KANCIL

#### 4.1.1 Emosi Gembira

Bahan bacaan sastra kanak-kanak merupakan sebuah karya sastra yang dihasilkan dalam bentuk buku bertujuan untuk dijadikan bahan bacaan kepada golongan kanak-kanak mengikut peringkat umur. Bahan bacaan ini dapat menimbulkan keseronokan kepada golongan kanak-kanak, juga terdapat unsur-unsur pengajaran yang dapat dihayati dan dijadikan contoh yang baik kepada mereka yang membaca bahan bacaan seperti ini. Bahan bacaan ini juga merupakan sebuah elemen yang dapat dijadikan sebagai pembentukan kanak-kanak pada peringkat awal kerana dapat merangsang emosi dan imaginasi mereka. Oleh itu, bahan bacaan ini terdiri daripada pelbagai genre yang mengandungi pelbagai kisah dan nilai rasanya yang tersendiri. Dengan adanya nilai rasa dalam bahan bacaan sastra kanak-kanak ini dapat membentuk emosi dalam diri mereka ketika membaca teks tersebut. Ia juga dapat membantu kanak-kanak mengenali dan memahami diri mereka, serta dapat memupuk nilai-nilai murni yang dipaparkan dalam bahan bacaannya.

Seterusnya, menurut Sarwono, (2016 142) ada dinyatakan dalam kajian Putri Oktarilla Murti, Antonius Totok Priyadi dan Agus Wartiningih iaitu emosi gembira merupakan sesuatu perasaan yang dapat dirasai oleh seseorang individu apabila mereka berada dalam sesuatu peristiwa mahupun situasi tertentu. Emosi ini biasanya akan dikaitkan dengan manusia di mana ia tercetus apabila mereka melihat sesuatu dan dirasai pada ketika itu. Dalam erti kata lain, perasaan dan emosi ini disifatkan sebagai sesuatu

keadaan jiwa sebagai akibat daripada adanya peristiwa luar mahupun ketika ia membaca sebuah buku. Dengan ini, akan timbulnya unsur-unsur emosi mereka sama ada gembira, sedih, marah dan lain-lain lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana, jalan cerita dalam bacaan sastera kanak-kanak sememangnya mempunyai unsur-unsur pengajaran dalam membantu ke arah membimbing, mendidik serta melatih kanak-kanak supaya menjadi seorang yang lebih aktif. Antara bahan bacaan sastera kanak-kanak yang mempunyai unsur pengajaran adalah melalui teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*. Dengan adanya emosi dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak yang ditampilkan ini dapat membolehkan jiwa mereka lebih terangsang dan ini menjadikan perkembangan emosi mereka dapat berkembang seiring dengan tahap masing-masing. Tanpa adanya unsur-unsur emosi dalam teks bacaan ini menjadikan karya tersebut hambar dan tidak menarik perhatian khalayak khususnya kanak-kanak untuk terus membaca kerana karya yang dihasilkan itu kurang daya gerakan emosi dan membosankan mereka.

Setiap manusia sememangnya mempunyai emosi sama ada orang dewasa, kanak-kanak dan bayi yang masih kecil juga mempunyai emosi dengan memberi tindakannya. Sebagai ibu bapa perlu bijak dalam menjaga atau mengawal emosi kanak-kanak supaya dapat memberikan kesan yang positif di masa akan datang. Oleh hal yang demikian, teks cerita Sang Kancil ini telah membentuk emosi kanak-kanak sama ada mereka gembira, rasa kasih sayang mahupun timbulnya ekspresi marah sewaktu membaca teks tersebut. Gembira adalah salah satu emosi yang menunjukkan rasa seronok, nikmat dan kepuasan seseorang itu terhadap sesuatu. Emosi gembira dapat membantu kanak-kanak mahupun remaja berfikir cara untuk menimbulkan rasa gembira melalui percakapannya mahupun bahan bacaan. Dengan adanya perasaan gembira ini dapat memberikan kesan yang positif terhadap individu tersebut serta membentuk perilaku manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, emosi gembira ini dapat memberikan semangat kepada seseorang itu serta dapat

melupakan masalah yang dihadapi olehnya. Antara emosi gembira yang dapat diambil melalui teks Kumpulan Cerita Sang Kancil adalah melalui cerita *Sang Kancil Membilang Buaya*, berdasarkan petikan di bawah:

“...Maka semua buaya itu pun menurut arahan Sang Kancil. Tanpa membuang masa lagi, Sang Kancil pun melompat ke atas kepala buaya-buaya itu. Seekor demi seekor sambil menyanyi dengan gembiranya...”

“...Satu, dua, tiga lekuk jantan betina kena ketuk...”

“...Empat, lima, enam, tujuh, lapan, lapan, sembilan, sepuluh...”

“...Sebelas, dua belas, dan tiga belas ekor kalian jangan melibas...”

“...Empat belas, lima belas, enam belas, tujuh belas dan lapan belas...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 6)

Menerusi petikan teks *Sang Kancil Membilang Buaya* jelas menunjukkan bahawa terdapatnya unsur gembira mahupun hiburan kepada pembacanya, di mana Sang Kancil dapat merentasi sungai dengan memperdaya Sang Buaya sambil mengira bilangan buaya dengan nyanyian lagu. Contohnya, emosi gembira ini jelas tergambar melalui watak Sang Kancil yang suka memperdaya binatang yang terdapat dalam hutan rimba demi mencapai matlamat mahupun membantu binatang-binatang lain yang berada dalam kesusahan. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa cerita sastera kanak-kanak ini memberikan kesan yang baik dan merangsang emosi kepada golongan kanak-kanak.

“...Apabila angin bertiup, Pak Belang sudah lama bersedia. Sang Kancil pun menjerit.

“Pak Belang, boleh mula sekarang!...”

“...Apa lagi, Pak Belang terus meletakkan lidahnya di antara dua batang buluh. Mula-mula tidak ada apa-apa yang berlaku. Angin bertiup seperti biasa. Pak Belang mendengar bunyi aneh terbit daripada rumpun buluh itu. Hatinya melonjak suka...”

“...Aku sudah pandai meniup seruling ini, bisik Pak Belang...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 15)

Melalui petikan teks *Sang Kancil dengan Pak Belang: Seruling Buluh Perindu* menunjukkan ekspresi emosi gembira yang ditunjukkan oleh Pak Belang kepada para pembacanya. Contohnya, Pak Belang menunjukkan reaksi gembiranya apabila dapat membunyikan serunai yang merdu dengan menggunakan dua batang buluh. Dengan ini, teks ini telah memberikan gambaran yang menarik yang mana ia dapat merangsang emosi kanak-kanak sehingga menyebabkan mereka kagum dengan bunyi serunai daripada pokok buluh yang ditiup oleh angin. Dengan adanya unsur-unsur jenaka dalam teks yang dihasilkan ini juga dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca bahan bacaan sastera seperti ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, kanak-kanak bukan hanya membaca untuk mendapatkan ilmu semata-mata, malah ada juga unsur-unsur yang dapat menarik minat mereka. Justeru itu, ekspresi ini turut memberi impak dalam pembentukan emosi kanak-kanak melalui petikan teks *Sang Kancil dengan Pak Belang: Seruling Buluh Perindu*.

Emosi gembira ini turut tergambar dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* yang bertajuk *Sang Kancil dengan Pak Belang: Gong Raja Sulaiman*, menerusi petikan di bawah:

“...Sang Kancil duduk di atas sebuah tunggul kayu untuk menghilangkan keletihannya. Belum beberapa lama Sang Kancil duduk di situ, dia terdengar bunyi dengungan berulang-ulang. Sang Kancil mendongak. Rupa-rupanya, beberapa ekor tebuhan hendak masuk ke dalam sarangnya. Secepat kilat Sang Kancil mendapat satu akal. Dia tersenyum melihat sarang tebuhan yang tergantung di dahan pokok di atas kepalanya...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 17)

Melalui petikan teks *Sang Kancil dengan Pak Belang: Gong Raja Sulaiman* telah menunjukkan emosi gembira oleh Sang Kancil ketika melihat sarang tebuhan di atas kepalanya. Situasi ini akan membuat kanak-kanak berasa teruja menantikan apa yang difikirkan oleh Sang Kancil yang bijaksana itu. Oleh hal yang demikian, pembaca sudah dapat mengimajinasikan apa yang ingin dilakukan oleh Sang Kancil kepada Pak Belang, di mana Sang Kancil akan memperdaya Pak Belang lagi bagi menyelamatkan dirinya daripada di makan oleh musuhnya. Dengan ekspresi yang ditunjukkan oleh Sang Kancil telah memberikan emosi gembira kepada kanak-kanak sewaktu membaca teks ini. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* bertajuk *Sang Kancil dengan Pak Belang: Gong Raja Sulaiman* mempunyai unsur-unsur emosi gembira dalam menarik minat golongan kanak-kanak untuk membaca teks-teks sastera seperti ini.

#### **4.1.2 Emosi Kasih Sayang**

Emosi dapat didefinisikan sebagai suatu ekspresi perasaan yang ditunjukkan oleh manusia sama ada emosi sayang, sedih dan sebagainya. Emosi ini kebiasaan diluahkan dari dalaman kepada tingkah laku tertentu atau cara seseorang itu menyampaikan perasaannya. Kasih sayang membawa maksud kepada mengasihi dan mencintai sesama manusia mahupun hidupan bernyawa. Kasih sayang ini adalah satu perasaan yang wujud

dalam mencintai sesama manusia dan perasaan ini juga dapat mewujudkan sebuah ikatan dalam sebuah perhubungan yang akrab (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Kasih sayang juga dapat dirumuskan sebagai sikap saling menghormati dan mengasihi semua ciptaannya, sama ada hidupan bernyawa mahupun tidak bernyawa. Oleh itu, dalam kehidupan seseorang itu perlu ada emosi kasih sayang ini terhadap manusia mahupun makhluk Tuhan bernyawa atau tidak tanpa membezakan warna kulit, kedudukan sosial, golongan tua dan muda. Keluarga perlu memainkan peranan kerana kanak-kanak berhadapan dengan mereka dahulu berbanding individu lain. Jadi mereka perlu menjaga ikatan perhubungan kekeluargaan supaya dapat melahirkan kanak-kanak yang mempunyai pembentukan emosi dan nilai yang positif. Justeru itu, pembentukan emosi kanak-kanak dapat diterapkan melalui bahan bacaan sastera seperti kisah Sang Kancil ini yang mana terdapatnya nilai kasih sayang yang dapat memberi ekspresi emosi kepada mereka.

Sehubungan itu, terdapat emosi kasih sayang yang diterapkan dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* kepada para pembacanya iaitu golongan kanak-kanak bertajuk *Sang Kancil dengan Pak Belang: Tali Pinggang Raja Sulaiman*. Perkara ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“...Tolonglah Sang Kancil. Berilah peluang ini pada hamba. Hamba berjanji, tak akan mengacau tuan hamba sampai bila-bila pun...”

“Betul?”

“..Hamba tidak berbohong. Percayalah. Dan hamba berjanji. Mulai saat ini kita menjadi sahabat...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 24)

Menerusi petikan cerita Sang Kancil bertajuk *Sang Kancil dengan Pak Belang: Tali Pinggang Raja Sulaiman* menunjukkan emosi kasih sayang yang ditunjukkan oleh Sang

Kancil kepada Pak Belang. Di mana Sang Kancil termakan dengan pujukan Pak Belang untuk menyentuh tali pinggang Raja Sulaiman yang dianggap sebagai sakti. Pak Belang juga berjanji kepada Sang Kancil untuk tidak menggonggonya lagi dan akan menjadi sahabat jika memberikan Pak Belang menyentuh tali pinggang tersebut. Walaupun, tali pinggang tersebut merupakan seekor ular sawa batik tetapi Pak Belang mempercayai helah Sang Kancil yang cuba memperdayanya. Dengan ini munculnya emosi kasih sayang daripada pujuk rayu Pak Belang kepada pembaca apabila Sang Kancil dan Pak Belang menjadi sahabat apabila menyentuh tali pinggang Raja Sulaiman tersebut. Justeru itu, pembentukan emosi kanak-kanak dapat diterapkan melalui bahan bacaan sastera seperti kisah Sang Kancil ini yang mana terdapatnya nilai kasih sayang yang dapat memberi ekspresi emosi kepada para pembacanya.

Selain itu, melalui petikan cerita *Sang Kancil Mengalahkan Buaya* juga terdapatnya unsur emosi kasih sayang yang ditunjukkan oleh penulis kepada golongan kanak-kanak. Perkara ini dapat dilihat menerusi petikan tersebut:

“...Nampaknya Sang Buaya hendak membalas dendam. Kalau begitu, esok kita akan ke sungai beramai-ramai. Tahulah hamba mengajar mereka, kata Sang Kancil geram...”

“...Pada keesokan harinya Sang Kancil pun berangkatlah ke tempat tinggal buaya-buaya tersebut. Sang Kancil diiringi oleh penghuni rimba yang tidak terkira bnyaknya. Ada yang berjalan di atas tanah. Ada juga yang meloncat dari satu dahan ke satu dahan. Ada yang terbang dan sebagainya, masing-masing dengan caranya yang tersendiri...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 66)

Petikan cerita *Sang Kancil Mengalahkan Buaya* ini mengisahkan tentang sikap kasih sayang yang ditunjukkan oleh Sang Kancil, di mana haiwan tersebut telah menolong sekumpulan haiwan yang berada di dalam hutan itu. Ini kerana, Sang Buaya telah mengamuk dan membaham banyak haiwan lain yang berada di sekitar sungai

penempatannya. Sang Kancil dan sekumpulan haiwan lain telah bersepakat untuk menentang Sang Buaya kerana telah banyak mengorbankan saudara haiwan lain. Melalui teks ini dapat membentuk emosi kasih sayang kepada kanak-kanak kerana adanya sikap kerjasama dan muafakat yang diterapkan dalam cerita Sang Kancil. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap Sang Kancil yang suka menolong haiwan lain tanpa meminta sedikit upah jelas menunjukkan haiwan itu menolong haiwan lain dengan ikhlasnya demi melihat keharmonian di hutan rimba itu. Dengan ini menunjukkan bahawa Sang Kancil telah menunjukkan nilai kasih sayang seterusnya dapat membentuk emosi kanak-kanak supaya menjadi seorang yang mempunyai sikap baik, contoh suka menolong orang lain seperti Sang Kancil. Justeru itu, pembentukan emosi kasih sayang ini juga dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“...Hai kaum buaya sekalian! Sekarang, cuba bertenang. Ngangakanlah mulut masing-masing luas-luas...”

“...Apabila Sang Buaya dan seisi sungai itu membuka mulut masing-masing, Sang Gajah dan semua haiwan yang menghisap air tadi terus menyembuhkannya. Terus masuk ke dalam mulut mereka..... Tidak beberapa lama kemudian, sembuhlah segala buaya daripada mabuk akar tuba itu...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 70)

Melalui petikan ini juga menunjukkan sikap kasih sayang haiwan lain kepada Sang Buaya, di mana mereka sanggup memaafkan dan menolong buaya walaupun ramai saudaranya mati dibaham buaya. Contoh petikan ini menunjukkan Sang Buaya telah terkena racun daripada akar tuba yang dilepaskan oleh para haiwan ke dalam sungai tempat tinggalnya buaya, lalu menyebabkan haiwan itu mabuk dan mengelupur di daratan. Sang Buaya juga telah meminta maaf dan haiwan lain telah memaafkan kesalahan mereka lalu membantu buaya daripada racun akar tuba. Ini kerana, adanya



sikap kasih sayang dan sikap kemasyarakatan haiwan-haiwan tersebut seterusnya dapat dijadikan contoh yang baik kepada para pembacanya dalam membentuk emosi kanak-kanak. Jelas menunjukkan bahawa, emosi kasih sayang ini perlu ada pada setiap individu bagi melahirkan masyarakat yang bersepakat dalam menangani setiap masalah yang dihadapi.

Seterusnya, dalam cerita *Sang Kancil di Rimba Damai* turut terselit pembentukan emosi kasih sayang kepada pembacanya. Perkara ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

“...Hari demi hari Sang Kancil berdoa. Dia berharap agar keadaan ini akan berpanjangan sehingga dia mati. Bukan bermakna dia mahu sentiasa dipuji dan dipuja tetapi keamanan hutan rimba itulah yang diharapkannya. Bertahun-tahun keamanan hutan tersebut terpelihara. Semua masyarakat binatang saling berhubung baik dan mengambil berat akan masalah kaum yang lain. Masing-masing bertanya khabar dan menjenguk atau melawat jika ada yang sakit...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 84)

Berdasarkan petikan dari cerita *Sang Kancil di Rimba Damai* telah memperlihatkan unsur-unsur emosi kasih sayang antara haiwan yang berada di rimba tersebut. Perkara ini disebabkan oleh, haiwan-haiwan tersebut telah berdamai dan hidup dalam keharmonian di hutan rimba itu. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, dalam teks ini telah menerapkan unsur kasih sayang dalam kehidupan bermasyarakat, seterusnya dapat dijadikan contoh yang baik dalam pembentukan emosi kanak-kanak. Ini kerana kasih sayang selalu dihubungkan dengan emosi walaupun terdapat perbezaan, contohnya emosi selalu bersifat sementara manakala kasih sayang ini dikaitkan dengan perasaan cinta dan sayang. Oleh sebab itu, dengan adanya unsur emosi dalam teks sastera kanak-kanak ini dapat membentuk emosi dan perasaan kasih sayang mereka terhadap perkara mahupun situasi yang berlaku di sekelilingnya. Jelas menunjukkan bahawa, penerapan unsur-unsur

emosi dalam bahan bacaan sangat penting terutamanya kanak-kanak kerana mereka merupakan sebahagian daripada masyarakat yang sangat penting dan dapat memupuk masyarakat yang mempunyai nilai-nilai yang positif.

#### **4.1.3 Emosi Marah**

Emosi kanak-kanak kebiasaannya berlaku dengan adanya emosi suka, duka, marah gembira dan sebagainya. Pada peringkat awal, kanak-kanak tidak mengetahui dan menyedari kehadiran tersebut sehinggalah pada suatu peringkat kemunculannya. Dari aspek perkembangan pula, kanak-kanak mampu untuk mengawal emosi tersebut mengikut situasi yang tertentu. Sebagai contoh, pada peringkat awal kanak-kanak tidak dapat mengawal emosi marahnya. Kanak-kanak bertindak melepaskan kemarahannya tanpa mengira tempat atau keadaan. Oleh itu, peringkat perkembangan ini berlaku sehingga pada suatu peringkat mereka dapat mengawal emosi marahnya mengikut tempat dan keadaan yang sesuai. Menurut Sarwono, (2016: 135) menyatakan bahawa emosi marah ini terjadi apabila ada sesuatu perkara yang mengganggu perkara yang dilakukan oleh mereka sehingga menyebabkan timbulnya kemarahan.

Emosi marah merupakan salah satu perasaan yang muncul apabila seseorang individu berasa tidak puas hati terhadap sesuatu perkara yang membuatkan ia terasa. Kebiasaan emosi marah ini akan menunjukkan perubahan pada reaksi muka, perubahan sikap dan pertuturan yang bercelaru. Menurut Sarwono, (2016: 135) menyatakan bahawa emosi marah ini terjadi apabila ada sesuatu perkara yang mengganggu perkara yang dilakukan oleh mereka sehingga menyebabkan timbulnya kemarahan. Oleh itu, emosi marah juga akan wujudnya perasaan dendam terhadap pelakunya. Emosi ini merupakan

naluri semulajadi yang dapat dirasai oleh setiap orang, ada orang dapat mengawalinya dan ada juga tidak dapat mengawal emosi tersebut sehingga memberi tempias kepada individu lain. Oleh hal yang demikian, emosi marah ini juga dapat memberi kebaikan kepada seseorang itu kerana ia dapat digunakan ke arah kebenaran dan keadilan bagi mempertahankan diri.

Antara emosi marah yang dapat diambil daripada teks *kumpulan cerita Sang Kancil* adalah melalui cerita *Sang Kancil Menolong Kerbau*, berdasarkan petikan dibawah:

“...Tuan hamba telah mungkir janji, hai Sang Buaya. Tuan hamba penipu!”. Kata Sang Kerbau.

Beberapa ketika Sang Buaya ketawa. Tetapi, mulutnya tidak dibuka.

“Tuan hamba ingat, hamba ni bodoh? Rezeki sudah ada di depan mata, mana boleh hamba lepaskan! Lagipun, perut hamba sudah berkeroncong. Inilah yang dikatakan, pucuk dicita, ulam yang tiba,” kata Sang Buaya...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 31)

Menerusi cerita *Sang Kancil Menolong Kerbau* ini dengan jelas membuktikan bahawa bahan bacaan sastera ini mempunyai unsur emosi marah yang dapat membentuk sosial kanak-kanak dalam mempertahankan diri mereka daripada dianiayai oleh individu lain. Dalam petikan di atas menunjukkan bahawa Sang Kerbau telah menolong Sang Buaya dari ditimpa oleh batang pokok yang besar menimpa tubuh Sang Buaya. Oleh itu, Sang Buaya meminta tolong dengan Sang Kerbau untuk menyelamatkannya daripada batang pokok tersebut. Setelah menyelamatkannya, Sang Buaya telah menggigit kaki Sang Kerbau yang baru sahaja selamat menolongnya. Dengan ini telah menunjukkan bahawa kanak-kanak akan memberi reaksi marah kepada Sang Buaya kerana telah menipu Sang Kerbau. Oleh hal yang demikian, sebagai seorang yang baik perlulah amanah dan jujur

dalam melakukan setiap perkara sama ada melalui percakapan mahupun perbuatan bagi mewujudkan keharmonian dalam sesebuah keluarga mahupun masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahan bacaan ini merupakan sebuah bidang yang menarik dan mempunyai peranan yang sangat penting kepada kanak-kanak kerana dapat membentuk sosial dan emosi mereka mengikut peringkat umur. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* bertajuk *Sang Kancil Menolong Kerbau* mempunyai unsur-unsur emosi marah yang ditunjukkan oleh kanak-kanak ketika membacanya, malah ia juga dapat mengenali sikap positif dan negatif yang dapat dijadikan contoh kepada pembentukan mereka.

Emosi marah juga turut tergambar dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* yang bertajuk *Sang Kancil Mengalahkan Gajah*, menerusi petikan di bawah:

“...Nampaknya, sekarang ini Sang Kancil sudah bertambah-tambah pengaruhnya!” luah Sang Monyet.

“Ya, mungkinkah Sang Kancil itu sebenarnya gila kuasa?” celah Sang Serigala pula.

“Hamba bimbang. Lama-kelamaan nanti Sang Kancil akan buat suka hatinya sahaja kepada kita. Sedangkan Pak Belang yang ganas pun boleh menurut katanya, apatah lagi binatang macam kita...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 55)

Menerusi petikan cerita *Sang Kancil Mengalahkan Gajah* ini telah terbukti bahawa terdapat emosi marah yang ditunjukkan oleh Sang Monyet, Sang Serigala dan haiwan-haiwan yang lain. Emosi marah itu timbul apabila haiwan tersebut mengetahui bahawa Sang Kancil telah berbaik dengan Pak Belang yang mempunyai sifat paling ganas antara haiwan yang lain dalam hutan tersebut. Mereka beranggapan bahawa Sang Kancil bersepakat dengan Pak Belang untuk melakukan perkara-perkara yang buruk terhadap haiwan-haiwan lain. Malah, mereka tidak mengetahui niat Sang Kancil untuk

mendamaikan haiwan-haiwan yang berada di rimba bagi memastikan keharmonian rakyat mereka. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa petikan ini mengandungi emosi marah, akan tetapi emosi ini juga dapat memberi kebaikan kepada seseorang itu kerana ia dapat digunakan kearah kebenaran dan keadilan bagi mempertahankan keharmonian mereka. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa emosi marah juga terdapat dalam teks ini dan dapat membentuk emosi marah kepada pembaca sewaktu membaca bahan bacaan sastera ini.

#### 4.1.4 Emosi Takut

Emosi takut membawa maksud kepada perasaan yang tidak rasional, berlebihan dan ketakutan yang berulang-ulang dalam satu-satu situasi. Emosi takut ini akan membuatkan seseorang itu lebih berwaspada dan sentiasa bersedia untuk bertindak. Stewart (dalam Wahab, 2016:160) berpendapat bahawa emosi takut merupakan salah satu perasaan yang timbul akibat adanya perkara yang tidak diingini terjadi. Emosi takut juga akan berlakunya perubahan fizikal pada individu contohnya wajah menjadi pucat apabila berhadapan dengan situasi yang kurang senang untuk mereka. Menurut Jadunath, emosi takut ini merupakan kegelisahan pada minda yang dirasai oleh individu disebabkan oleh rangsangan emosi daripada peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Oleh itu, emosi ini juga mempunyai kebaikan contohnya untuk melindungi diri mereka daripada perkara-perkara yang membahaya.

Dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* juga mempunyai unsur emosi takut melalui petikan cerita *Sang Kancil Mendamaikan Kambing dan Harimau*, melalui petikan di bawah:

“...Uhuk! Uhuk! Tolonglah kami wahai Sang Kancil. Tolonglah kami,” luah Mak Kambing kian teresak-esak.

“Sabarlah. Hamba datang ini kerana hendak menolong. Tapi, cuba ceritakan. Apakah masalah Mak Kambing sebenarnya?”

“Begini wahai Syah Alam di Rimba. Tahukah tuan hamba bahawa datuk hamba telah menjadi korbang Pak Belang,” beritahu salah seekor anak kambing.

“Nampaknya begitulah. Inilah yang kami risaukan. Sedangkan ayah hamba yang tua pun menjadi mangsa, apatah lagi hamba, dan anak hamba yang masih kecil.” Luah Mak Kambing...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 45)

Berdasarkan petikan cerita *Sang Kancil Mendamaikan Kambing dan Harimau* ini menggambarkan emosi takut melalui watak Kambing yang risaukan keadaan sekumpulannya. Contohnya, melalui petikan ini dapat dilihat bahawa emosi takut dan kerisauan terhadap keselamatannya beliau yang mana datuknya telah menjadi mangsa kepada Pak Belang. Oleh sebab itu, beliau meminta pertolongan daripada Sang Kancil supaya menyelamatkannya daripada menjadi bahan makanan kepada Pak Belang yang kelaparan. Emosi takut ini seperti sesuatu yang menikam di dada disebabkan oleh datangnya sesuatu perkara yang tidak diingini oleh setiap individu tersebut. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan emosi takut juga dapat membentuk emosi kanak-kanak sewaktu membaca bahan bacaan ini.

Seterusnya, emosi takut juga turut tergambar dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* yang bertajuk *Sang Kancil dengan Pak Belang: Gong Raja Sulaiman*, menerusi petikan di bawah:

“...Pada suatu hari, Sang Kancil sedang asyik menikmati pucuk-pucuk muda yang terdapat di dalam hutan tempat tinggalnya itu. Tiba-tiba dia ternampak kelibat Pak Belang. Sang Kancil pun berasa amat takut. Dia bimbang kalau-kalau Pak Belang akan bertindak tangkas terhadapnya. Tanpa berfikir panjang lagi, Sang Kancil pun melarikan diri ke dalam semak...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015:17)

Petikan cerita *Sang Kancil dengan Pak Belang: Gong Raja Sulaiman* ini mengisahkan tentang emosi takut yang dihadapi oleh Sang Kancil. Hal ini kerana, beliau ternampak kelibat Pak Belang ketika sedang leka menikmati pucuk-pucuk muda dalam rimba tersebut. Kemudiannya, Sang Kancil lari bagi menyelamatkan diri daripada dibaham oleh Pak Belang yang sedang mencari mangsanya. Oleh itu, melalui sifat manusia pula sifat takut ini terbahagi kepada dua jenis iaitu takut kepada Allah s.w.t dan takut kepada manusia serta kemiskinan (Muhammad Uthman Najati). Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak juga dapat membentuk emosi takut kepada mereka dengan merangsang emosi menjadi bimbang terhadap keadaan Sang Kancil. Justeru itu, emosi ini juga sememangnya ada dalam perasaan mereka supaya mereka lebih berhati-hati terhadap sesuatu keadaan.

#### 4.1.5 Unsur-Unsur Emosi yang Terdapat dalam Teks *Kumpulan Cerita Sang*

##### *Kancil*

Jadual 1: Dapatan Unsur-Unsur Emosi

Bil.	Tajuk Cerita	Unsur Emosi			
		Gembira	Kasih Sayang	Marah	Takut
1.	Sang Kancil Membilang Buaya	X		X	
2.	Sang Kancil dengan Pak Belang	X		X	X
3.	Sang Kancil Menolong Kerbau		X	X	X
4.	Sang Kancil Syah Alam di Rimba	X		X	X
5.	Sang Kancil Mendamaikan Kambing dan Harimau	X	X		X
6.	Sang Kancil Mengalahkan Gajah	X	X		X
7.	Sang Kancil Mengalahkan Buaya		X	X	
8.	Sang Kancil Menawan Gergasi		X		X
9.	Sang Kancil di Rimba Damai	X	X		
10.	Sang Kancil Hakim Bijaksana		X		X

Berdasarkan jadual 1 menunjukkan hasil dapatan daripada penelitian terhadap unsur-unsur emosi yang terdapat dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* tersebut. Melalui penelitian mendapati cerita ‘Sang Kancil Membilang Buaya’ memiliki emosi gembira dan marah dalam pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui teks tersebut. Malah, dapatan bagi ‘Sang Kancil dengan Pak Belang’ dan ‘Sang Kancil Syah Alam di Rimba’ adalah memiliki dapatan yang sama iaitu mengandungi unsur emosi gembira, marah dan takut terhadap kedua-dua cerita tersebut. Oleh itu, melalui cerita ‘Sang Kancil Menolong Kerbau’ mengandungi emosi kasih sayang, marah dan takut manakala bagi cerita ‘Sang Kancil Mengalahkan Buaya’ pula terdapat emosi kasih sayang dan marah.



Di samping itu, gembira, kasih sayang dan takut terdapat pada dua buah cerita iaitu ‘Sang Kancil Mendamaikan Kambing dan Harimau’ dan ‘Sang Kancil Mengalahkan Gajah’, manakala melalui cerita ‘Sang Kancil Menawan Gergasi’ hanya terdapat emosi takut dan kasih sayang sahaja. Akhir sekali, melalui cerita ‘Sang Kancil di Rimba Damai’ mengandungi emosi gembira dan kasih sayang, malah emosi kasih sayang dan takut turut terdapat pada cerita ‘Sang Kancil Hakim Bijaksana’ yang mana dapat membentuk emosi kanak-kanak sewaktu membaca bahan bacaan sastera ini.

Secara keseluruhannya, membuktikan bahawa dalam bahan bacaan sastera ini sememangnya mempunyai pelbagai unsur emosi yang dapat membentuk emosi kanak-kanak. Hal ini kerana, emosi didefinisikan sebagai perasaan terhadap naluri manusia sama ada kasih, sayang, gembira, takut, marah dan sebagainya. Dengan mempunyai perasaan yang kuat akan memberi tindak balas terhadap luaran mahupun dalaman. Dalam erti kata lain, perasaan dan emosi ini disifatkan sebagai sesuatu keadaan jiwa sebagai akibat daripada adanya peristiwa luar mahupun ketika ia membaca sebuah bahan bacaan seperti buku, gadget dan sebagainya. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa dengan adanya emosi dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak yang ditampilkan ini membolehkan jiwa mereka lebih terangsang dan ini menjadikan perkembangan emosi mereka dapat berkembang seiring dengan tahap masing-masing.

## 4.2 JENIS-JENIS PEMBENTUKAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK YANG

### DIPAPARKAN DALAM TEKS *KUMPULAN CERITA SANG KANCIL*.

#### 4.2.1 Pembentukan Tatacara

Tatacara merupakan adab yang perlu ada dalam diri setiap individu kerana ia merupakan satu bentuk proses dalam perkembangan dan pembentukan diri kanak-kanak yang akan mencorakkan kehidupan mereka. Tatacara ini terbahagi kepada pelbagai aspek iaitu dapat dikaitkan dengan kehidupan harian manusia sama ada dari alam persekolahan, pekerjaan dan lain-lain. Dengan ini ia juga akan menjadi penyumbang kepada setiap individu dalam memperbaiki diri mereka supaya menunjukkan tatacara yang baik kepada individu lain. Sebagai suatu percubaan dalam mempelajari tanggungjawab terhadap sesuatu perlu menjaga tatacara dan etika supaya dapat menunjukkan sikap yang positif dan patut dicontohi oleh individu lain. Melalui bahan bacaan sastera juga dapat membentuk tatacara kanak-kanak samaada dari segi percakapan, disiplin, pergaulan dan lain-lain. Oleh itu, melalui teknik bercerita mahupun dalam penceritaan merupakan penyampaian yang menjadi tarikan dan berkesan kepada golongan kanak-kanak kerana ia merupakan satu teknik yang baik dalam menerapkan aspek-aspek pembentukan sosioemosi mereka.

#### 4.2.1.1 Bahasa dan Komunikasi

Bahasa yang dimiliki oleh manusia merupakan ciri yang membezakan dengan makhluk ciptaan Allah SWT yang lain. Dengan bahasa yang mempunyai struktur linguistik yang unik, kita dapat memahami dengan tepat apa yang diharapkan dari alam semesta, baik yang bersifat material maupun metafizik dan dengan bahasa kita dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan manusia lain. Bahasa merupakan sesuatu yang sangat penting kepada setiap individu, oleh sebab itu sejak kecil lagi kita telah diajar dan menggunakan bahasa. Oleh hal yang demikian, bahasa terbentuk mengikut perkembangan alat komunikasi, perkembangan fizikal manusia dan peranan manusia di sekelilingnya. Melalui kajian yang dijalankan oleh Noermanzah (2019) ada pandangan daripada Devitt dan Hanley (2006: 1) iaitu beliau menjelaskan bahawa bahasa merupakan mesej yang disampaikan dalam bentuk ungkapan sebagai alat komunikasi dalam situasi mahupun perbualan dengan individu yang lain. Dengan ini menunjukkan bahawa bahasa juga dikaitkan dengan komunikasi kerana ia merupakan suatu perbicaraan yang perlu menggunakan bahasa dalam setiap tutur kata yang dilontarkan. Melalui pembentukan sosial kanak-kanak juga perlu menitikberatkan tentang penggunaan bahasa dalam berkomunikasi antara individu dengan individu yang lain. sebagai ibubapa yang bertanggungjawab perlu menunjukkan contoh yang baik dalam penggunaan bahasa apabila berkomunikasi dengan anak mereka. Justeru itu, melalui bahan bacaan juga dapat memberi contoh dan tunjuk ajar yang baik kepada mereka dalam membentuk perkembangan sosial dalam kehidupannya. Pembentukan tatacara dalam bahasa dan komunikasi dapat dilihat menerusi cerita *Sang Kancil di Rimba Damai* berdasarkan petikan di bawah:

“...Oh, Pak Belang. Hamba sangat gembira kerana kalian telah menepati janji. Kalian tidak bermusuhan lagi dengan kambing. Malah dengan binatang-binatang lain. dan, untuk hari ini, apa yang kalian makan? Tanya sang kancil...”

“...Betul kalian tidak membunuh lagi?...”

“...Betul. Kalau tuan hamba tak percaya, tanyalah Sang Seladang sendiri, tambah Pak Belang...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 84)

Berdasarkan petikan ini, cerita ini mengisahkan tentang kedamaian dan keharmonian haiwan-haiwan di hutan rimba termasuk Pak Belang. Sebagai contoh, dapat dilihat melalui petikan di atas bahawa Pak Belang tidak lagi membaham binatang-binatang yang berada dalam hutan itu disebabkan oleh perjanjian yang dilakukan oleh Sang Kancil dengannya. Oleh itu, dapat juga dilihat bahawa penggunaan bahasa Pak Belang juga telah berubah menjadi lebih lemah lembut apabila berkomunikasi dengan Sang Kancil dan haiwan yang lain. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa Pak Belang telah menunjukkan penggunaan bahasa dan pertuturan yang digunakan sangat baik, seterusnya dapat memberi kesan yang positif kepada pembentukan kanak-kanak.

Seterusnya, pembentukan tatacara melalui bahasa dan komunikasi ini turut terdapat dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* yang bertajuk *Sang Kancil Menolong Kerbau*, seperti lampiran di bawah:

MALAYSIA

KELANTAN

“...Sang Kerbau pun menceritakanlah akan segala yang telah berlaku. Air mata Sang Kerbau berlinang-linang, tidak dapat merasa kesayuan hati...”

“...Hamba tidak puah hati dengan penerangan Sang Kerbau itu, wahai Sang Buaya, kata Sang Kancil...”

‘...Maksud tuan hamba, Sang Kerbau memang akan menjadi habuan hamba? Sang Buaya mulai girang...”

“...Sabar dulu. Dan sebelum tuan hamba hendak membaham Sang Kerbau, cuba tunjukkan kepada hamba kisah bermulanya peristiwa sebelum ini, pinta Sang Kancil...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 33)

Petikan cerita *Sang Kancil Menolong Kerbau* memperlihatkan tentang pembentukan tatacara melalui bahasa dan komunikasi *Sang Kancil* terhadap Sang Kerbau dan Sang Buaya. Contohnya, penggunaan bahasa oleh Sang Kancil adalah lemah lembut supaya haiwan tersebut tidak bersa sedih dan kecewa terhadap situasi yang dialaminya kerana telah ditipu oleh Sang Buaya. Oleh itu, pembentukan tatacara ini juga dapat dilihat daripada watak Sang Kancil yang pandai kendalikan masalah-masalah yang dihadapi oleh haiwan yang terdapat dalam hutan rimba tersebut. dalam konteks ini jelas membuktikan bahawa dengan menerapkan unsur-unsur ini dapat membentuk sosioemosi kanak-kanak dalam tumbesaran mereka dan dapat dijadikan contoh dalam menyelesaikan masalah melalui runding bicara supaya keputusan yang diberikan adalah adil dan saksama.

Rentetan itu, bahasa dan komunikasi bertujuan untuk membentuk sosial masyarakat dalam berkomunikasi antara satu sama lain dengan menggunakan bahasa yang sopan bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak dan berbudi bahasa. Oleh itu, penggunaan bahasa dalam komunikasi antara kanak-kanak dan orang dewasa juga berbeza kerana mereka mudah terpengaruh dengan setiap kata yang dituturkan oleh orang sekelilingnya. Jadi, apabila berbicara dengan kanak-kanak perlu menggunakan perkataan yang lebih baik dengan nada yang digunakan lembut supaya tidak mengganggu emosi mereka pada waktu tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan menggunakan

nada yang kasar akan menyinggung perasaan mereka daripada kata-kata yang dilontarkan oleh individu tersebut. Perkara ini dapat dilihat menerusi pandangan Krashen (1976) melalui kajian oleh Noermanzah (2019) iaitu penggunaan bahasa antara kanak-kanak dan orang dewasa adalah berbeza kerana orang yang lebih dewasa ini berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang lebih formal berbanding dengan penggunaan bahasa terhadap kanak-kanak.

Sehubungan dengan itu, pemikiran penulis dalam pembentukan tatacara dalam penggunaan bahasa dan komunikasi yang dipaparkan dalam cerita *Sang Kancil di Rimba Damai* dan *Sang Kancil Menolong Kerbau* mempunyai hubungkait dengan pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui teori daripada Erik Erikson. Hal ini kerana, bahasa dan komunikasi merupakan pembentukan sosioemosi melalui satu proses dalam pertumbuhan seseorang dalam mencapai tahap kematangan melalui sebuah perasaan dan pemikiran. Emosi dapat membantu setiap individu berkomunikasi dengan manusia lain seperti melalui ekspresi sedih dapat menyampaikan maklumat dan isi hati yang dirasakan. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkembangan sosioemosi kanak-kanak ini dipengaruhi oleh lingkungan keluarga serta masyarakat sekelilingnya dalam membentuk bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Melalui teori Perkembangan Psikososial berpendapat bahawa perkembangan kanak-kanak juga dapat dilihat melalui aspek sosial iaitu hidup bermasyarakat iaitu dengan menyesuaikan diri dalam khalayak ramai seterusnya dapat mengembangkan sikap kepimpinannya. Secara analoginya, melalui hidup bermasyarakat ini perlu ada kemahiran bahasa dan komunikasi supaya individu lain tidak tersinggung dengan kata-kata yang dikeluarkan. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa teori Perkembangan Psikososial juga dapat dikaitkan dengan aspek sosial dalam hidup bermasyarakat bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian kelompok tersebut.

#### 4.2.1.2 Etika dalam Pergaulan

Etika dapat didefinisikan kepada satu bentuk kehidupan yang baik yang mana dapat dilihat daripada tingkah laku, pergaulan dan lain-lain. Ia juga dapat didefinisikan kepada konsep moral seperti kebaikan, tanggungjawab, dan keadilan dalam melakukan aktiviti harian, etika sebagai pelajar dan etika pekerjaan. Pergaulan adalah satu cara setiap individu berkomunikasi dan bersosialisasi dengan orang sekelilingnya. Oleh itu, etika pergaulan merupakan satu adab yang perlu ada bagi setiap individu dalam menunjukkan sikap yang positif terhadap masyarakat sekeliling. Etika ini sangat diperlukan dalam hidup bermasyarakat supaya dapat melahirkan suasana yang tenang dalam pergaulan baik kanak-kanak mahupun orang yang lebih tua. Apabila seseorang individu mempunyai etika dalam dirinya maka tingkah laku dan pergaulannya juga dapat dijaga seperti sopan santun, bertutur dengan perkataan yang baik dan mempunyai akhlak yang baik. Oleh itu, dalam membentuk sosial kanak-kanak perlu memilih dan mempunyai kawan yang memiliki akhlak yang baik supaya tidak cenderung kearah yang kurang baik. Melalui bahan bacaan ini juga dapat membentuk akhlak dan etika kanak-kanak dalam pergaulan antaranya adalah saling menghormati, tolong menolong, bertegur sapa dan menghargai setiap masyarakat di sekeliling kita.

Tambahan lagi, etika dalam pergaulan turut dipancarkan dalam cerita *Sang Kancil Mendamaikan Kambing dan Harimau*, menerusi petikan di bawah:

“...Kalau begitu, elok rasanya kalau hamba damaikan. Jika tidak, kalian akan bergaduh sesama sendiri. Ada yang mati bersedih hati. Tidak ada sesiapa pun yang untung...”

“...Dengar sini, ini perintah Syah Alam di Rimba. Atas kuasa yang diberikan oleh Raja Sulaiman kepada hamba, hamba mahu kalian berdamai. Ingat! Tidak ada perasaan dendam dan bermusuhan-musuhan. Lupakanlah yang sudah-sudah...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 49-50)

Berdasarkan contoh petikan cerita *Sang Kancil Mendamaikan Kambing dan Harimau* ini, menunjukkan penerapan unsur etika dalam pergaulan yang mana *Sang Kancil* telah mendamaikan kumpulan harimau dan kambing. Seperti yang kita ketahui bahawa, Pak Belang haiwan karnivo yang mana ia tergolong dalam haiwan pemakan daging haiwan, manakala kambing pula merupakan mangsanya. Melalui petikan ini, pengarang telah menunjukkan nilai yang positif dan dapat dicontohi kepada para pembacanya terutama golongan kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun harimau dan kambing saling bermusuhan akan tetapi mereka dapat bersatu dan hidup dalam keharmonian bersama haiwan-haiwan lain di rimba tersebut. Dengan ini menunjukkan bahawa, melalui bahan bacaan sastera juga menerapkan pembentukan etika dalam pergaulan kepada para pembacanya yang mana perlu adanya sifat saling memahami supaya dapat dijadikan teladan kepada kanak-kanak terhadap pertumbuhannya di dunia luar.

Seterusnya, etika dalam perhubungan ini turut tergambar dalam cerita *Sang Kancil* yang bertajuk *Sang Kancil Mengalahkan Buaya*, sepertimana yang dikemukakan dalam teks tersebut menerusi petikan di bawah:



“...Nampaknya Sang Buaya hendak membalas dendam. Kalau begitu, esok kita akan ke sungai beramai-ramai. Tahulah hamba mengajar mereka. Kata Sang Kancil...”

“...Tapi hamba memerlukan pertolongan daripada tuan hamba sekalian. Kata Sang Kancil...”

“...Apa dia? Katakanlah wahai Syah Alam di Rimba. Sahut sekalian haiwan itu...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 66)

Menerusi petikan di atas, telah menunjukkan sikap tolong-menolong antara haiwan yang berada dalam kesusahan. Petikan ini menunjukkan *Sang Kancil* telah menolong haiwan lain daripada Sang Buaya yang sedang mengamuk kerana berdendam dengan salah seekor haiwan dalam rimba tersebut. Daripada menjaga keamanan hutan tersebut, *Sang Kancil* telah mendapat idea untuk memberi pengajaran kepada kumpulan Sang Buaya daripada membahai haiwan lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, sudah menjadi adat dalam kehidupan bermasyarakat di mana ada dalam berkawan, alam persekolahan mahupun pekerjaan tidak lari daripada sifat tolong-menolong sesama manusia. Tidak kira berlainan bangsa, agama mahupun suku kaum ia sudah menjadi lumrah dalam kehidupan tentang perasaan tersebut. Oleh itu, dalam pembentukan sosial kanak-kanak perlu mengambil tindakan dan dorongan yang baik kepada mereka supaya mempunyai etika dalam pergaulan sesama kawan-kawan mahupun masyarakat sekelilingnya.

Sehubungan itu, terdapat teori Perkembangan Psikososial telah diterapkan dalam cerita *Kumpulan Cerita Sang Kancil* iaitu melalui pembentukan tatacara etika dalam pergaulan. Kanak-kanak ini dapat dibentuk daripada perkembangan sosioemosi mereka yang mana ia dapat dilihat melalui personaliti mereka. Menurut Erik Erikson, teori perkembangan ini merupakan salah satu teori yang mempunyai pengaruh kuat dalam psikologi. Psikologi ini mengkaji tentang tingkah laku manusia yang dapat dilihat dan dinilai oleh orang lain antaranya etika dalam pergaulan. Oleh itu, pembentukan sosioemosi merupakan perkara yang perlu dititikberatkan dalam diri kanak-kanak supaya

dapat membangunkan perkembangan sosioemosi mereka sewaktu membaca bahan bacaan tersebut. Sebagai seorang individu yang berpendidikan dan pengkarya perlu mengambil langkah yang profesional seperti menerbit bahan bacaan sastera kanak-kanak kepada mereka dengan menerapkan unsur-unsur pembentukan sosioemosi supaya dapat dijadikan contoh dan dorongan dalam pembentukannya. Justeru itu, dalam Islam juga mementingkan ikatan persaudaraan dan telah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kepada hambanya untuk membantu dan meringankan beban individu lain apabila mereka ditimpa musibah. Jelas menunjukkan bahawa, melalui teks ini mempunyai pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui teori Perkembangan Psikososial, Erik Erikson.

#### **4.2.2 Pembentukan Konsep Kendiri**

Kendiri merupakan kefahaman konseptual dan mental yang dimiliki oleh seseorang mengenai kewujudannya, dengan erti kata lain segala kefahaman dan pengetahuan tentang dirinya sendiri. Melalui buku 'Perkembangan Kanak-Kanak' karya Mohd Hanip Haji Hassan (2021), ada menyatakan pandangan daripada Carl Rogers (1951) iaitu, konsep kendiri merupakan suatu penerimaan seseorang terhadap dirinya sendiri dengan mengambil kira faktor pembentukan pengaruh penerimaan tersebut. Antara aspek yang dapat merangkumi semua aspek secara menyeluruh seperti fizikal, psikologi dan sosial yang dapat dipengaruhi oleh sikap, kepercayaan dan pemikiran seseorang itu. Oleh hal demikian, unsur persekitaran juga mempengaruhi pembentukan kendiri seseorang individu sama ada dari ahli keluarga, sahabat dan masyarakat. Jadi, persekitaran kanak-kanak ini perlu menunjukkan nilai dan sikap yang positif kerana keadaan ini sedikit sebanyak yang akan mengubah identiti kendiri seseorang itu. Dengan ini, konsep kendiri

ini bukan sesuatu yang lahir bersama dengan kelahiran setiap insan, malah ia terbentuk daripada pendedahan interaksi dengan manusia sepanjang perjalanan hidup mereka. Perkara ini dapat dilihat melalui buku 'Psikologi dalam Komunikasi' oleh Abdul Mua'ti @ Zamri bin Ahmad (2016) ada menyatakan pandangan daripada Rogers (1951:18) yang berpendapat bahawa diri seseorang merupakan unsur tunjang dalam personaliti dan pelaras peribadi manusia. Sehubungan itu, pembentukan sendiri ini dapat dilihat melalui beberapa aspek antaranya ialah kebolehan sendiri dan kawalan diri.

#### 4.2.2.1 Kebolehan Kendiri

Kebolehan sendiri merujuk kepada pengharapan individu berkait dengan perlakuan mahupun tingkah laku yang mampu dilakukan oleh seseorang individu. Kebolehan sendiri ini merupakan pandangan seseorang terhadap kemampuan dan kebolehan dalam mencapai segala benda yang diinginkan. Kebolehan sendiri ini mempunyai dua aspek sama ada positif mahupun negatif. Melalui aspek positif, apabila mereka berjaya melakukan apa yang diinginkan mereka akan meletakkan harapan yang tinggi terhadap cabaran yang dialami bagi memenuhi cita-citanya. Manakala bagi aspek negatif pula, mereka yang tidak mempunyai cita-cita tidak mungkin mempunyai motivasi untuk berusaha dalam mencapai apa yang diinginkan olehnya. Oleh itu, bagi mencapai cita-cita mereka akan berusaha mempertingkatkan kebolehan dirinya walaupun mempunyai halangan dan cabaran kerana melalui perkara ini dapat dilihat bahawa akan kebolehan dan kelemahan dalam mencapai kebolehan sendiri yang baharu. Justeru itu, melalui cerita *Sang Kancil* dapat dilihat bahawa adanya pembentukan kebolehan sendiri dalam diri kanak-kanak. Perkara ini dapat dilihat melalui *Sang Kancil di Rimba Damai* :

“...Buat beberapa lamanya, hiduplah segala isi rimba dengan aman dan damai. Masing-masing berasa tenteram dan selesa tinggal di dalam rimba yang sentiasa menghijau lagi subur. Udaranya pun menyegarkan pernafasan. Bagi Sang Kancil, keamanan begitu memang telah lama menjadi idamannya. Hati Sang Kancil pun berasa gembira... Untuk menentukan keamanan dan keselamatan semua binatang terjamin, Sang Kancil telah mengadakan satu peraturan...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 83)

Petikan cerita *Sang Kancil di Rimba Damai* mengisahkan tentang kehidupan haiwan-haiwan dalam hutan rimba dapat hidup dalam keadaan damai walaupun mereka mempunyai pelbagai jenis binatang sama ada pemangsa (herbivo) seperti kancil, kambing dan kerbau yang makan tumbuhan, manakala harimau merupakan haiwan (karnivo) yang memakan haiwan lain sebagai makanannya. Dengan ini menunjukkan bahawa, *Sang Kancil* mempunyai sikap kebolehan sendiri dalam mendamaikan haiwan-haiwan tersebut daripada terus bermusuhan antara satu sama lain. Dengan ini telah membuktikan dan menunjukkan bahawa adanya pembentukan kebolehan sendiri kepada diri kanak-kanak dalam bahan bacaan sastera seperti ini. Buku cerita *Sang Kancil* ini bukan hanya sekadar hiburan kepada kanak-kanak sahaja, malah ia merupakan sebuah bahan bacaan yang dapat membentuk motivasi dan kebolehan sendiri kepada mereka juga. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa penulis karya tersebut telah berusaha menerapkan unsur-unsur yang dapat membentuk sosioemosi kanak-kanak dalam bahan bacaannya. Seterusnya, kebolehan sendiri ini juga turut terungki dalam cerita *Sang Kancil Membilang Buaya* melalui petikan di bawah:

“...Dengar sini! Laung Sang Kancil dari atas tebing. ‘Untuk memudahkan tugas hamba, eloklah tuan hamba sekalian berbaris. Sekarang, berbarislah wahai sekalian buaya, dari tebing sebelah sini hingga ke tebing sebelah sana!’...”

“...Maka semua buaya itu pun menurut arahan Sang Kancil. Tanpa membuang masa lagi, Sang Kancil pun melompat ke atas kepala buaya-buaya itu. Seekor demi seekor sambil menyanyi dengan gembiranya...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 6)

Menerusi petikan cerita *Sang Kancil Membilang Buaya* ini menonjolkan sikap kebolehan sendiri yang dimiliki oleh watak Sang Kancil yang mana beliau merupakan seekor haiwan yang bijaksana dan dapat menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh penghuni yang berada di hutan tersebut. Contohnya, Sang Kancil telah menyelamatkan dirinya dari menjadi mangsa kepada Sang Buaya yang kelaparan dengan menipu helah haiwan tersebut dengan menggunakan nama Raja Sulaiman. Ini kerana, Sang Kancil ingin menyelamatkan diri dengan mengarahkan Sang Buaya beratur dalam sungai tersebut kemudiannya menyelamatkan diri dengan melompat setiap buaya yang berada di dasar sungai itu. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa watak Sang Kancil ini sememangnya memiliki kebolehan sendiri dalam menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi olehnya mahupun haiwan-haiwan lain.

Rentetan itu, kebolehan sendiri merupakan kelebihan yang ada dalam diri setiap individu, tetapi setiap individu tersebut tidak mempunyai kebolehan yang sama, contohnya dari segi kepintaran, kekuatan, bertolak ansur, sopan santun dan lain-lain. Setiap individu mempunyai kelebihan dan kekuatannya yang tersendiri yang mana telah ditentukan oleh Allah dan terbentuk melalui hati setiap individu itu. Bagi menggapai cita-cita, individu tersebut akan berusaha dan mempertingkatkan usahanya dalam mencapai apa yang diinginkan olehnya. Dengan adanya kebolehan sendiri ini dapat memberi kesan yang positif seperti berjaya dalam pelajaran mahupun kehitupan. Justeru itu, kebolehan sendiri ini dapat dibentuk melalui semua pihak sama ada ibu bapa, rakan sebaya mahupun masyarakat. Malah, ia juga dapat dibentuk melalui bahan bacaan sastera seperti cerita Sang Kancil yang banyak memberi pengajaran kepada para pembacanya.

Sehubungan itu, penulis telah menerapkan penggunaan teori Perkembangan Psikososial di dalam cerita *Sang Kancil di Rimba Damai* dan *Sang Kancil Membilang Buaya*. Perkara ini dapat dilihat melalui sikap Sang Kancil yang bijaksana dan mempunyai pelbagai kebolehan dalam menyelesaikan dan menyelamatkan haiwan lain daripada musuhnya. Oleh itu, kebolehan sendiri ini merujuk kepada pandangan seseorang terhadap kemampuan dan kebolehan dalam mencapai segala benda yang diinginkan. Kebolehan sendiri dapat dibentuk mengikut peringkat perkembangan kanak-kanak mahupun orang dewasa dengan memiliki perkembangan yang tidak sama mengikut tahap masing-masing. Dapat disimpulkan bahawa, teori ini merupakan faktor yang penting dalam membentuk pandangan kita sekarang terhadap pandangan individu dalam pembentukan sosioemosi terhadap golongan muda.

#### **4.2.2.2 Kawalan Diri**

Konsep kawalan merupakan kognitif yang telah dihuraikan dalam sains sosial dan tingkah laku dalam pelbagai bentuk seperti kawalan peribadi, keberkesanan diri, pengaruh diri dan autonomi peribadi. Melalui kajian yang dilakukan oleh Zaiton Nur Aqilah Zainal (2020) ada pandangan daripada Ross dan Sastry (1999) berpendapat bahawa kawalan diri pada setiap individu merupakan kepercayaan bahawa ada benda yang boleh menguasai, mengawal dan membentuk seseorang individu dalam kehidupan mereka. Dengan erti kata lain, kawalan sendiri merupakan satu proses seseorang manusia dapat dikawal oleh perlakuannya supaya sentiasa dianggap baik serta diterima oleh orang lain. Kanak-kanak yang mempunyai kawalan diri yang tinggi merupakan golongan yang mudah mengubah perlakuan mereka berdasarkan kepada situasi sosial seperti dipengaruhi

norma, adat dan budaya masyarakat. Justeru itu, kanak-kanak yang mempunyai kawalan diri yang tinggi tidak mempunyai kesukaran dalam dalam menyesuaikan diri dalam sesuatu kelompok masyarakat. Jelas menunjukkan bahawa kawalan diri ini dipengaruhi oleh kawalan peribadi keberkesanan diri dan autonomi peribadi dalam membentuk tingkah laku dalam sosial. Seterusnya, perkara ini dapat dilihat menerusi cerita *Sang Kancil di Rimba Damai* melalui petikan tersebut:

“...Oh, Pak Belang. Hamba sangat gembira kerana kalian telah menepati janji. Kalian tidak bermusuhan lagi dengan kambing. Malah dengan binatang-binatang lain. Dan, untuk hari ini, apa yang kalian makan? Tanya sang kancil...”

“...Kami hanya memakan haiwan yang sudah mati saja. Kebetulan datuk kepada Sang Seladang yang sakit itu mati. Sang Seladang mengizinkan kami memakannya, terang Pak Belang...”

“...Betul kalian tidak membunuh lagi?...”

“...Betul. Kalau tuan hamba tak percaya, tanyalah Sang Seladang sendiri, tambah Pak Belang...”

(*Kumpulan Cerita Sang Kancil*, 2015: 84)

Menerusi cerita *Sang Kancil di Rimba Damai*, pembentukan konsep sendiri melalui aspek kawalan diri dapat dilihat menerusi watak Pak Belang terhadap haiwan-haiwan lain yang berada di hutan tersebut. Contohnya, Pak Belang sanggup melawan nafsunya terhadap haiwan lain demi memastikan rimba tersebut berada dalam keharmonian, malah beliau sanggup makan daging haiwan yang telah mati. Hal ini kerana, melalui perjanjian yang dilakukan oleh Pak Belang dengan Sang Kancil perlu memastikan keamanan hutan rimba itu uteras terjaga daripada bermusuh-musuhan antara satu sama lain. Demi keamanan ini mereka sanggup berkawan demi mencapai matlamat yang diinginkan oleh Sang Kancil supaya tidak berlakunya pergaduhan antara mereka.

Seterusnya, kawalan diri dalam pembentukan konsep sendiri juga dapat dilihat melalui cerita *Sang Kancil Mengalahkan Buaya*, menerusi petikan dibawah:

“...Kalau begitu, baiklah. Memang sifat hamba suka memaafkan kesalahan sesiapa juga, kata Sang Kancil...”

“...Selepas itu Sang Kancil memerintah Sang Gajah mencari air di kaki bukit. Di situ masih ada sebuah kolam yang kecil, tetapi dalam. Airnya jernih. Sekalian binatang yang pergi ke situ, masing-masing menghirup air tersebut dengan belalainya...”

(Kumpulan Cerita Sang Kancil, 2015: 69)

Menerusi petikan cerita *Sang Kancil Mengalahkan Buaya*, sumber memperlihatkan sikap Sang Kancil yang mempunyai kawalan diri melalui pembentukan konsep sendiri yang mana beliau telah memaafkan Buaya yang telah mencangam keselamatan binatang dalam hutan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, Sang Kancil merupakan seekor binatang yang suka memaafkan orang lain demi menjaga keharmonian dan kesejahteraan haiwan yang berada di hutan itu. Dengan ini menunjukkan bahawa, beliau telah menunjukkan kawalan dari hatinya dengan sentiasa memaafkan walaupun sering mengancam keselamatan penghuni di hutan rimba. Dalam konteks ini, jelas bahawa dalam cerita ini juga mempunyai pembentukan dalam konsep sendiri melalui kawalan diri seseorang individu.

Sehubungan itu, membuktikan bahawa teori Erik Erikson ini berfokuskan pada pembentukan sosioemosi kanak-kanak terutamanya dari segi sosial. Terdapat beberapa aspek dalam perkembangan kanak-kanak iaitu melalui sosial dapat mengembangkan rasa terhadap kepercayaan pada diri sendiri yang mana setiap individu mempunyai kebolehan yang dapat membentuk dirinya sama ada melalui pembentukan sosioemosi dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana, konsep sendiri merupakan suatu



penerimaan seseorang terhadap dirinya sendiri dengan mengambil kira faktor pembentukan pengaruh penerimaan tersebut. Antara aspek yang dapat merangkumi semua aspek secara menyeluruh seperti fizikal, psikologi dan sosial yang dapat dipengaruhi oleh sikap, kepercayaan dan pemikiran seseorang itu. Justeru itu, jelas menunjukkan bahawa, teori Perkembangan Psikososial juga telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk sendiri setiap individu bagi melahirkan masyarakat yang berguna di masa akan datang terhadap persekitarannya.

Secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa melalui teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* ini membuktikan bahawa adanya beberapa jenis pembentukan sosioemosi kanak-kanak yang dipaparkan dalam teks tersebut. Antara jenis pembentukan sosioemosi yang terdapat dalam teks tersebut ialah pembentukan tatacara dan membentuk konsep sendiri. Dengan adanya analisis ini telah membuktikan bahawa bahan bacaan sastera ini sangat berkesan terhadap pembentukan kanak-kanak pada masa kini. Justeru itu, sebagai ibu bapa yang mengambil berat terhadap perkembangan anaknya perlu menggalakkan anaknya untuk membaca bahan bacaan seperti ini. Jelas menunjukkan bahawa, penulis telah memberi kesan yang baik terhadap pembentukan dan perkembangan generasi masa kini mahupun akan datang.


### **4.3 KESAN BAHAN BACAAN DALAM TEKS *KUMPULAN CERITA SANG***

#### ***KANCIL YANG DAPAT MERANGSANG EMOSI KANAK-KANAK***

Secara ringkasnya, bahan bacaan sastera kanak-kanak ini merupakan sebuah teks bacaan yang mengandungi unsur-unsur hiburan dan juga pengajaran kepada pembentukan awal kanak-kanak. Bahan bacaan ini perlu mengikut kepada perkembangan psikologi sama ada dari segi bentuk mahupun isi yang ingin disampaikan kepada para pembaca. Penulis juga perlu mengetahui dan memahami tahap perkembangan kanak-kanak mengikut peredaran masa supaya dapat isi yang ingin disampaikan berkesan terhadap pembentukan kanak-kanak. Melalui kajian yang dilakukan oleh Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2011 ada menyatakan pendapat Hajidah Rahmat (2006: ix) iaitu bahan bacaan seperti karya sastera ini merupakan alat hiburan dan juga dapat dijadikan pendidikan khususnya kepada kanak-kanak, kerana mereka mempunyai kecenderungan yang aktif terhadap imaginatif. Oleh hal yang demikian, bahan bacaan ini dapat merangsang emosi kanak-kanak melalui pembentukan kerohanian, personaliti diri, sosial dan lain-lain. Dengan ini, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik dan responden bagi mendapatkan analisis data serta dapatan kajian pada objektif ketiga ini.

### 4.3.1 Demografi Responden

Seramai 30 orang responden iaitu merupakan pelajar darjah 5 Al Ayubi dari Sekolah, Kebangsaan Kedai Buloh 2, Kota Bharu Kelantan telah dipilih sebagai sampel kajian bagi menganalisis kesan bahan bacaan dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* dapat merangsang emosi kanak-kanak mahupun sebaliknya. Mereka telah diberikan borang soal elidik yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Pada bahagian A ini merupakan demografi responden dan dapat dilihat melalui carta pai di bawah:



Rajah 1: Demografi Responden (Jantina)

Berdasarkan jadual di atas, analisis kajian terhadap demografi responden menunjukkan seramai 5 orang responden (17%) adalah terdiri daripada responden pelajar lelaki, manakala seramai 25 orang responden (83%) merupakan responden pelajar

perempuan. Daripada carta pai ini menunjukkan gambaran umum bahawa bilangan responden perempuan lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana, jumlah pelajar dari kelas 5 Al Ayubi di Sekolah Kebangsaan Kedai Buloh 2 yang terlibat dalam borang soal selidik ini tidak seimbang antara jantina.

#### **4.3.2 Pengetahuan Kanak-Kanak terhadap Teks Cerita *Sang Kancil***

Buku cerita *Sang Kancil* merupakan sebuah bahan bacaan sastera kanak-kanak yang dapat merangsang emosi dalam membentuk personaliti diri mereka. Ini kerana, penulis telah menerapkan isi kandungan penuh dengan nilai-nilai murni yang mana dapat merangsang emosi mereka dalam pertumbuhan diri mereka. Oleh itu, jarang sekali kanak-kanak zaman sekarang tidak mengetahui tentang teks cerita *Sang Kancil* ini kerana ia merupakan bahan bacaan dan cerita yang popular pada masa kini. Bukan melalui bahan bacaan sahaja, malah cerita *Sang Kancil* juga ditayangkan di televisyen dan telah diadaptasi oleh setiap pengkarya. Sebagai contohnya, kanak-kanak zaman kini dapat mengenali cerita *Sang Kancil* ini melalui tayangan di televisyen iaitu Pada Zaman Dahulu yang mana ia mengandungi nilai-nilai positif dapat dicontohi kepada kanak-kanak, sekaligus dapat membentuk sosioemosi mereka. Justeru itu, pengkaji juga telah mendapatkan hasil maklum balas daripada pelajar tahun 5 mengenai teks cerita *Sang Kancil*, perkara ini dapat dilihat melalui jadual di bawah:

Jadual 2: Hasil Dapatan Responden

BIL.	PERKARA	RESPONDEN (%)			
		(1) STS	(2) TS	(3) S	(4) SS
1.	Adakah anda tahu tentang cerita Sang Kancil?	0	0	63	37
2.	Adakah anda suka membaca buku cerita Sang Kancil?	0	23	60	17
3.	Adakah anda bersemangat membaca buku cerita Sang Kancil?	0	17	53	30
4.	Adakah Sang Kancil mempunyai sifat yang cerdik pandai?	0	0	20	80
5.	Adakah buku cerita tersebut mempunyai nilai-nilai murni yang dapat dicontohi?	0	3	33	64
6.	Buku cerita Sang Kancil ini dapat menjadikan saya lebih baik.	0	10	60	30
7.	Buku cerita Sang Kancil ini dapat menjadikan saya banyak bercakap dengan kawan-kawan.	7	17	45	30
8.	Buku cerita Sang Kancil ini dapat membentuk nilai kerohanian dalam diri saya.	0	20	70	10
9.	Buku cerita ini telah meningkatkan keyakinan diri kepada saya untuk menyelesaikan masalah.	3	0	80	17
10.	Buku cerita Sang Kancil ini membolehkan saya berkomunikasi dengan lebih baik.	7	23	47	23
11.	Buku cerita ini mengajar saya bekerjasama dalam menyelesaikan masalah.	7	23	47	23
12.	Buku cerita ini mengajar saya menyelesaikan masalah dengan lebih baik.	0	3	60	37

(%: Peratus)

Hasil penelitian berkaitan dengan perkara 1 iaitu adakah anda tahu tentang cerita *Sang Kancil* menunjukkan majoriti responden memilih jawapan setuju iaitu seramai 19 responden (63%) lebih tinggi berbanding dengan sangat setuju iaitu 11 orang responden bersamaan (37%) sahaja. Manakala bagi tidak setuju dengan sangat tidak setuju adalah mempunyai jumlah yang sama iaitu seramai 0 responden. Bagi perkara 2, adakah anda suka membaca buku cerita *Sang Kancil* juga menunjukkan majoriti responden memilih setuju iaitu seramai 18 orang bersamaan (60%), manakala seramai 5 orang responden (17%) menjawab sangat setuju, 7 orang responden (23%) tidak setuju dan 0 responden bagi sangat tidak setuju.

Seterusnya, hasil penelitian terhadap perkara 3 iaitu adakah anda bersemangat membaca buku cerita *Sang Kancil* menunjukkan bahawa responden menjawab (0%) terhadap sangat tidak setuju, (17%) 5 orang responden bagi tidak setuju. Hal ini kerana, ada sebahagian responden kurang berminat dalam membaca, malah majoriti setuju seramai 16 orang responden (53%) dan sebanyak (30%) iaitu 9 orang responden sangat setuju terhadap pernyataan ini. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, masih ramai kanak-kanak berminat dan bersemangat dalam membaca kerana melalui bahan bacaan ini dapat merangsang emosi mereka.

Di samping itu, bagi perkara 4 didapati hampir keseluruhan responden sangat setuju bahawa *Sang Kancil* mempunyai sifat yang cerdik pandai iaitu seramai 24 orang responden bersamaan (80%), manakala seramai 6 orang responden (20%) memilih jawapan setuju terhadap perkara ini. Oleh itu, bagi tidak setuju dengan sangat tidak setuju adalah mempunyai jumlah yang sama iaitu seramai 0 responden (0%).

Kesimpulannya, berdasarkan analisis terhadap borang soal selidik ini didapati majoriti pelajar setuju dalam erti kata lain mereka sememangnya menunjukkan

pengetahuan yang positif terhadap cerita *Sang Kancil*. Perkara ini telah disokong melalui kajian yang dijalankan ini dan dapat dilihat menerusi dapatan maklum balas iaitu borang soal selidik.


#### **4.3.3 Membentuk Kerohanian dan Moral**

Kerohanian merupakan sebuah perasaan dalaman setiap manusia yang mana ia melibatkan dengan emosi sendiri. Antara kepentingan nilai kerohanian yang dapat dilihat adalah terdiri daripada memupuk nilai kesabaran, mendisiplinkan diri meningkatkan imej sendiri dan sebagainya. Apabila seorang individu menghayati nilai kerohanian ini mereka akan selalu rasa bersyukur kerana dapat mengikuti ajarannya, malah ia juga akan memberi ketenangan kepada individu tersebut. Melalui kajian yang dilakukan oleh Farra Humairah binti Mohd dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2016 ada menyatakan pendapat Mohd Nasir (2005: 35) kerohanian ialah dimensi dalaman yang menjadi teras kepada diri setiap manusia. oleh ia juga melibatkan dengan perkara-perkara maknawi yang tidak dapat dikesan melalui panca indera, malah dapat dikesan melalui perbuatan individu tersebut. Contohnya cinta kepada keadilan, penghayatan amalan agama dan membina sikap terpuji.

Seterusnya, moral berasal daripada bahasa Latin moralitas yang membawa maksud kepada cara, perwatakan dan tingkah laku yang dapat diterima oleh masyarakat. Konsep moral dapat dilihat melalui kesedaran manusia terhadap ajaran agama, sikap dan cara berkelakuan sejajar dengan tata sulila juga pergaulah antara masyarakat. Oleh itu, melalui kajian yang dilakukan oleh Muhammad Firwan, 2017, ada menyatakan pendapat daripada Emile Durkheim (dalam Zuriah, 2007: 137) iaitu moral adalah norma yang

menentukan tingkah laku yang perlu diambil pada suatu saat sebelum individu bertindak. Moral adalah acuan yang perlu dimiliki oleh setiap individu supaya dapat menjalani kehidupan yang lebih baik.

Di samping itu, pengkaji telah menjalankan kerja lapangan dengan mengagihkan borang soal selidik untuk dijawab oleh pelajar sekolah. Dengan hasil daripada ini dapat mengumpul data dan mengetahui tahap pandangan pelajar sekolah rendah terhadap pembentukan nilai kerohanian dan moral melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. Perkara ini dapat dilihat menerusi jadual 3 di bawah:




Rajah 2: Buku cerita *Sang Kancil* ini dapat membentuk nilai kerohanian dalam diri saya

Rajah ini menunjukkan hasil penilaian terhadap perkara 8 iaitu pembentukan nilai kerohanian dalam diri kanak-kanak melalui buku cerita *Sang Kancil*. Daripada hasil penelitian ini mendapati 21 responden (70%) setuju dengan pembentukan nilai kerohanian melalui teks bacaan sastera kanak-kanak, manakala 3 responden iaitu (10%) memilih sangat setuju dengan kenyataan ini. Oleh itu, bagi pilihan sangat tidak setuju pula seramai 0 responden, manakala 6 responden dengan peratusan (20%) pelajar memilih



tidak setuju dengan pembentukan nilai kerohanian melalui bahan bacaan ini. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa majoriti memilih setuju bahawa bahan bacaan *Sang Kancil* ini dapat membentuk nilai kerohanian dalam diri kanak-kanak.




Rajah 3: Adakah buku cerita tersebut mempunyai nilai-nilai murni yang dapat dicontohi

Seterusnya, rajah ini menunjukkan hasil penilaian responden terhadap penerapan nilai-nilai murni yang dapat dicontohi kepada para pembaca. Perkara ini dapat dilihat melalui rajah di atas, yang mana 0 responden sangat tidak setuju, manakala 1 responden iaitu (3%) memilih tidak setuju dengan kenyataan ini. Oleh itu, seramai 19 orang responden (64%) telah memilih jawapan sangat setuju, manakala 10 responden (33%) setuju dengan kenyataan yang diberikan oleh pengkaji pada soalan ke-5 dalam borang soal selidik. Jelas menunjukkan melalui penelitian ini dapat dilihat bahawa bahan bacaan sastera ini mempunyai nilai murni yang dapat dicontohi kepada kalangan kanak-kanak sekaligus dapat membentuk sosioemosi melalui cerita *Sang Kancil*.

Secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa kanak-kanak ini sememangnya mendalami isi yang disampaikan oleh penulis melalui karya yang dihasilkan oleh mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui penelitian ini kanak-kanak menunjukkan kesan yang positif terhadap pembentukan kerohanian dan moral melalui teks tersebut.


#### **4.3.4 Membentuk Personaliti Diri**

Personaliti ialah perwatakan dan keperibadian yang selalu diperkatakan dalam sasterawan yang mana daripada sebuah karya dapat membentuk personaliti diri kepada individu lain. Personaliti merupakan elemen yang sangat penting dalam membentuk diri kanak-kanak. Oleh itu, kanak-kanak juga dinilai melalui personaliti diri mereka. Dalam karya Nurul Hudani Md. Nawi dan Mohd. Dahlan Hj A. Malek, 2020 ada pandangan daripada Mok Soon Sang (2010) berpendapat bahawa personaliti membawa kepada pembentukan sahsiah, kepribadian dan perwatakan. Pembentukan personaliti kanak-kanak dipengaruhi oleh proses perkembangan diri mereka bagi menentukan kejayaan kanak-kanak dalam mengharungi kehidupan. Personaliti diri yang terbina dalam suasana yang menggalakan dapat memberi kesan yang positif dalam diri kanak-kanak. Ia juga digambarkan sebagai sahsiah, peribadi atau watak yang dimiliki oleh seseorang dalam membentuk sosioemosi mereka. Justeru itu, pembentukan personaliti diri ini dapat dilihat melalui pandangan daripada dapatan responden daripada pelajar sekolah rendah. Perkara ini dapat dilihat melalui jadual dibawah:




Rajah 4: Buku cerita Sang Kancil ini dapat menjadikan saya lebih baik

Jadual ini menunjukkan hasil penelitian terhadap hasil dapatan kajian terhadap soalan ke-6 di borang soal selidik iaitu buku cerita *Sang Kancil* dapat menjadikan pembaca lebih baik kerana terdapatnya nilai-nilai murni yang telah diterapkan oleh penulis terhadap karyanya. Seramai 9 orang responden (30%) memilih jawapan sangat setuju berbanding dengan 18 orang responden (60%) memilih jawapan sangat setuju bagi kenyataan ini. Manakala, bagi jawapan sangat tidak setuju pula seramai 0 responden berbanding dengan tidak setuju seramai 3 orang responden iaitu (10%) menyokong pernyataan tersebut. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, bahan bacaan sastera ini juga dapat membentuk personaliti kanak-kanak menjadi lebih baik.



Rajah 5: Buku cerita ini telah meningkatkan keyakinan diri kepada saya untuk menyelesaikan masalah

Selain itu, berdasarkan rajah di atas menunjukkan dapatan kajian terhadap pembentukan personaliti diri melalui bahan bacaan ini dapat meningkatkan keyakinan diri kepada para pembaca. Hasil daripada dapatan kajian mendapati seramai 1 orang responden bersamaan (3%) memilih jawapan sangat tidak setuju terhadap soalan yang diajukan ini, manakala (0%) iaitu 0 orang responden tidak setuju dengan pernyataan ini. Oleh itu, seramai 24 orang responden iaitu (80%) bersetuju dengan kenyataan ini, manakala 5 orang responden bersamaan (17%) memilih jawapan sangat setuju terhadap pernyataan di atas. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden memberi maklum balas yang baik dan positif terhadap soalan yang diajukan.




Rajah 6: Buku cerita ini mengajar saya menyelesaikan masalah dengan lebih baik

Seterusnya, rajah ini menunjukkan hasil penilaian responden terhadap bahan bacaan kanak-kanak telah dapat mengajar mereka menyelesaikan masalah dengan lebih baik. Hasil dapatan daripada borang soal selidik ini mendapati 0 responden iaitu (0%) sangat tidak setuju, manakala 1 orang responden bersamaan (3%) sahaja menyatakan tidak setuju dengan soalan ini. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, responden menunjukkan penilaian yang positif terhadap bahan bacaan ini, yang mana seramai 18 orang responden (60%) menyatakan setuju dengan pernyataan ini. Justeru itu, bagi pernyataan sangat setuju menunjukkan seramai 11 orang responden iaitu (38%) lebih kurang berbanding dengan setuju.

Secara keseluruhannya, melalui analisis pada pembentukan personaliti diri majoriti menunjukkan tanda yang setuju terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dengan adanya dapatan responden ini dapat membantu pengkaji menyelesaikan masalah dalam mengenal pasti kesan bahan bacaan sastera terhadap kanak-kanak dalam membentuk personaliti diri mereka.


#### 4.3.5 Membentuk Sosial Kanak-Kanak

Pembentukan sosial kanak-kanak merupakan satu proses perkembangan yang membolehkan kanak-kanak berinteraksi dengan individu lain mengikut cara yang dapat diterima oleh masyarakat mahupun sesuatu budaya. Perkembangan sosial seseorang kanak-kanak dapat dikesan apabila kanak-kanak tersebut dapat berkomunikasi dan berinteraksi sesama ahli keluarga, sahabat dan masyarakat dengan baiknya, Mohd Hanip Haji Hassan (2021). Pembentukan sosial ini melibatkan dengan proses sosialisasi yang membolehkan kanak-kanak mempelajari tingkah laku sosial mahupun penyesuaian diri dalam sesuatu persekitaran sosial mereka. Oleh itu, pembentukan sosial kanak-kanak ini dapat dikaji menerusi komunikasi dan pergaulan antara hubungan sahabat juga rakan sebaya mereka. Perkara ini dapat dilihat melalui dapatan responden daripada pandangan kanak-kanak seperti berikut:




Rajah 7: Buku cerita Sang Kancil ini dapat menjadikan saya banyak bercakap dengan kawan-kawan

Melalui carta ini seramai 2 orang responden (7%) menunjukkan sangat tidak setuju lebih sedikit berbanding dengan tidak setuju iaitu seramai (17%) bersamaan dengan 5 orang responden. Bagi pernyataan setuju menunjukkan dapatan yang paling tinggi terhadap buku cerita menjadikan seseorang itu banyak bercakap dengan kawan-kawan iaitu seramai 14 orang responden (45%) berbanding dengan sangat setuju iaitu (30%) bersamaan 9 orang responden sahaja.



Rajah 8: Buku cerita Sang Kancil ini membolehkan saya berkomunikasi dengan lebih baik

Di samping itu, kenyataan bagi rajah di atas iaitu buku *Sang Kancil* ini membolehkan seseorang itu berkomunikasi dengan lebih baik yang mana seramai 2 orang responden (7%) menunjukkan sangat tidak setuju dengan perkara ini. Oleh itu, ada juga menunjukkan jumlah peratus yang sama banyak dengan merekodkan jumlah peratus (23%) bersamaan 7 orang responden memilih jawapan tidak setuju dengan sangat setuju untuk perkara ini. Bagi jawapan setuju pula telah merekodkan kadar peratus yang lebih tinggi berbanding yang lain iaitu sebanyak (47%) bersamaan dengan 14 orang responden.



Rajah 9: Buku cerita ini mengajar saya bekerjasama dalam menyelesaikan masalah

Berdasarkan tinjauan terhadap perkara di atas iaitu bahan bacaan sastera ini juga dapat mengajar kanak-kanak bekerjasama dalam menyelesaikan masalah. Ini bertujuan untuk memudahkan dan mempercepatkan penyelesaian masalah dilakukan. Oleh itu, seramai 2 orang responden yang memilih jawapan sangat tidak setuju dengan kadar peratus (7%). Terdapat juga jumlah peratus yang sama banyak iaitu (23%) memilih jawapan tidak setuju dan sangat setuju dengan jumlah responden seramai 7 orang, manakala yang memilih jawapan setuju adalah seramai 14 orang responden (47%) yang mana ia merupakan carta yang paling tinggi dalam perkara ini. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa, majority kanak-kanak bersetuju dengan kenyataan ini yang mana bahan bacaan sastera ini dapat membentuk sosial mereka, sebagai contohnya dapat melakukan kerja secara berkumpulan.



Kesimpulannya, berdasarkan analisis bahagian B soal selidik ini didapati majoriti responden daripada pelajar tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Kedai Buloh 2 setuju terhadap bahan bacaan sastera ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil dapatan soal selidik ini telah membuktikan bahawa buku cerita *Sang Kancil* dapat memberi kesan yang baik kepada para pembaca yang mana ia dapat merangsang emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan tersebut. Secara tidak langsung dapat dirumuskan bahawa terdapat pandangan yang berbeza dalam kalangan pelajar sekolah rendah ini menerusi edaran borang soal selidik yang telah dijalankan di sekolah tersebut.

#### 4.5 PENUTUP

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kajian terhadap pembentukan sosioemosi kanak-kanak terhadap teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* merupakan sesuatu yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, kanak-kanak masa kini kurang membaca bahan bacaan sastera seperti cerita Sang Kancil dan ada juga masyarakat yang tidak tahu akan kelebihan yang terdapat pada teks tersebut. Oleh itu, masyarakat kini juga menganggap bahawa bahan bacaan tersebut hanya sebagai hiburan buat golongan kanak-kanak, malah selain penerapan nilai murni ada juga pembentukan unsur-unsur emosi serta pembentukan sosioemosi kanak-kanak terhadap bahan bacaan tersebut. Hal ini seharusnya dipandang serius oleh ibu bapa, pihak sekolah dan pihak berkewajipan supaya kanak-kanak kini tidak tenggelam dengan peredaran waktu yang semakin moden dan mencabar ini. Dengan adanya kajian terhadap pembentukan sosioemosi dalam kalangan kanak-kanak dapat memberi kepelbagaian kajian terhadap teks sastera. Justeru itu, dengan menggunakan teori Perkembangan Psikososial telah menjawab kepada persoalan dan objektif kajian ini.

## BAB 5

### PENUTUP

#### 5.0 PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan berkaitan dengan kajian pengkaji iaitu *Pembentukan Sosioemosi Kanak-Kanak Melalui Teks Kumpulan Cerita Sang Kancil*. Pada bab ini juga pengkaji akan memperincikan tentang rumusan bagi setiap aspek yang akan dikemukakan oleh pengkaji melalui pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera ini. Tujuan rumusan ini adalah untuk memantapkan lagi sumber kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkait dengan tajuk dan hasil kajian yang dilakukan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini juga telah mencapai objektif kajian iaitu pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*, mengenal pasti unsur-unsur emosi yang terdapat dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* dan mengkaji jenis-jenis pembentukan sosioemosi kanak-kanak yang dipaparkan dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*.

## 5.1 PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada bahagian perbincangan ini, pengkaji telah melakukan beberapa perkara dalam menghasilkan rumusan yang padat dan bernas berdasarkan kepada kajian yang dijalankan ini. Perbincangan yang dilakukan ini merujuk kepada bahagian analisis dan dapatan kajian bagi menjawab kepada persoalan dan objektif kajian. Justeru itu, perbincangan ini dilakukan dengan lebih terperinci supaya dapat memastikan kesahihan dalam pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera yang dikaji.

Dalam kajian yang dijalankan ini pengkaji telah menggunakan sebuah buku iaitu *Kumpulan Cerita Sang Kancil* karya daripada Amin Minhad (2015). Pengkaji mendapati bahawa dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil* ini sememangnya mempunyai unsur-unsur pembentukan sosioemosi dalam diri kanak-kanak apabila mereka membaca bahan bacaan tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji turut menggunakan teori Perkembangan Psikososial yang diasaskan oleh Erik Erikson. Sosial membawa maksud kepada ciri-ciri kehidupan manusia yang dapat membentuk sebuah masyarakat, manakala emosi dikaitkan dengan gerak hati dan perasaan seseorang melalui tindak balas fisiologi mereka. Pembentukan sosioemosi dapat dilihat melalui tahap perkembangan dan kemahiran yang terdapat pada diri setiap individu apabila mereka berfikir secara lebih matang. Ia juga dapat dikaitkan dengan keupayaan dalam mengendalikan dan mempertahankan hubungan sosial antara masyarakat mahupun orang di sekeliling individu tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah memfokuskan kepada kanak-kanak yang berumur 11 tahun sahaja, yang mana pengkaji telah mendapatkan responden daripada pelajar tahun 5 di sebuah sekolah dalam bandar Kota Bharu, Kelantan.

Selain itu, melalui analisis kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji melalui objektif pertama iaitu pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*. Bagi mendapatkan data yang dikehendaki, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk kepada beberapa buah buku bagi mengenalpasti unsur-unsur sosioemosi yang terdapat dalam teks yang dipilih. Oleh itu, pengkaji juga telah merujuk kepada beberapa sumber lain seperti buku rujukan, artikel dan tesis daripada sarjana lepas. Menerusi kepada objektif pertama ini, pengkaji telah mendapati beberapa unsur emosi yang terdapat dalam teks *Kumpulan Cerita Sang Kancil*. Dengan adanya kajian yang dijalankan ini dapat memberi contoh dan pengetahuan kepada masyarakat bahawa bahan bacaan sastera ini bukan sekadar bahan bacaan mahupun hiburan sahaja, malah penulis telah menerapkan pelbagai unsur emosi dan pengajaran dalam membentuk sosioemosi kanak-kanak.

Rentetan daripada itu, kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang sangat penting dalam membangunkan negara di masa akan datang. Dengan ini, ibu bapa mahupun pihak yang berkenaan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi melahirkan kanak-kanak yang cemerlang dan menghormati orang lain. Setiap kanak-kanak mengalami tahap perkembangan yang berbeza mengikut tahap perkembangan mereka sendiri. Secara amnya, perkembangan kanak-kanak itu dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya adalah melalui sosial dan emosi mereka. Pembentukan sosioemosi kanak-kanak ini sangat penting bagi melahirkan masyarakat yang berjasa kepada negara. Hal ini kerana, kanak-kanak juga merupakan golongan masyarakat yang sangat penting, kerana mereka merupakan aset kepada negara juga dapat dijadikan sebagai penyumbang dalam pembangunan negara di masa akan datang.

Seterusnya, melalui bahan bacaan sastera ini mempunyai pelbagai unsur dalam membentuk sosioemosi kanak-kanak seperti unsur emosi, nilai-murni dan pengajaran kepada para pembacanya. Melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak ini dapat membentuk pelbagai jenis sosioemosi masyarakat menerusi teks tersebut. Antara pembentukan yang dapat dijadikan contoh adalah dapat membentuk tatacara melalui bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana, penulis telah menggunakan bahasa yang dapat mencerminkan kepada manusia seperti cara Sang Kancil berbahasa dengan haiwan yang lain dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh mereka. Kanak-kanak akan tertarik dengan jalan cerita tersebut yang mana ia juga dapat memberi pengajaran dalam membentuk sahsiah diri mereka. Jelas menunjukkan bahawa, penulis telah menerapkan pelbagai unsur menarik dalam membentuk sosio emosi pembaca.

Di samping itu, bahan bacaan sastera kanak-kanak ini juga dapat diterima oleh golongan mereka pada masa kini. Hal ini kerana, setiap emosi dan nilai murni yang ditonjolkan dalam cerita tersebut bersesuaian dengan fahaman dan emosi mereka serta dapat membuka minda dalam mempelajari unsur yang diterapkan dalam teks tersebut. Melalui teks ini juga, setiap unsur yang diterapkan ini dapat menjadi contoh dan ikon pada kalangan kanak-kanak dalam membentuk sahsiah mereka. Perkara ini dapat dijadikan contoh melalui watak Sang Kancil yang mana ia merupakan seekor haiwan yang bijak dalam menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi oleh kawan-kawannya dalam memastikan keamanan hutan tersebut. Justeru itu, setiap nilai yang disampaikan ini dapat dijadikan satu proses yang baik dengan mengambil pengajaran dalam pembentukan sosioemosi kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan bahawa bahan bacaan sastera seperti cerita Sang Kancil ini dapat dijadikan contoh dan

teladan yang baik kepada golongan dahulu mahupun kini kerana ia masih relevan untuk ditontonkan kepada generasi baharu.

Di samping itu, kajian yang dijalankan ini juga bertujuan untuk memenuhi perasaan ingin tahu masyarakat mengenai kelebihan teks cerita Sang Kancil dalam membentuk mahupun perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Hal ini kerana, manusia mempunyai sifat ingin tahu secara lebih terperinci tentang kebaikan bahan bacaan seperti berikut. Hal ini kerana, ada masyarakat menganggap bahan bacaan tersebut hanya sekadar hiburan kepada diri kanak-kanak sahaja, malah sebaliknya penulis telah menerapkan banyak unsur positif dalam membantu perkembangan diri generasi kini. Dengan adanya bahan bacaan seperti ini juga dapat membentuk personaliti diri mereka seperti lebih yakin dalam menyelesaikan masalah dan menyelesaikan masalah dengan lebih baik. Justeru itu, ia juga dapat membentuk sosial kanak-kanak seperti membolehkan mereka berkomunikasi dan bekerjasama dalam setiap kerja yang dilakukan. Dengan ini menunjukkan bahawa cerita Sang Kancil ini telah memberi kesan yang positif kepada para pembacanya.

Sehubungan itu, dengan menggunakan teori Perkembangan Psikososial ini telah menekankan kepada kepentingan hubungan sosial antara individu dengan individu yang lain dalam kalangan kanak-kanak. Erik Erikson merupakan seorang ahli psikologi, di mana kajiannya banyak tertumpukan kepada perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak. Menurut beliau, kanak-kanak ini dapat dibentuk daripada perkembangan psikososial mereka yang mana ia dapat dilihat melalui personaliti mereka. Oleh itu, pembentukan sosioemosi merupakan perkara yang perlu dititikberatkan dalam diri kanak-kanak supaya dapat membangunkan perkembangan sosioemosi mereka sewaktu membaca bahan bacaan yang dipilih. Oleh itu, penerapan nilai dalam bahan bacaan

sastera kanak-kanak sangat penting untuk melahirkan ramai masyarakat yang berilmu dan bijaksana.

Kesimpulannya, bahan bacaan sastera seperti cerita Sang Kancil ini seharusnya dijadikan contoh dan tauladan dalam membentuk sosioemosi kanak-kanak generasi kini. Dengan adanya bahan bacaan seperti ini sememangnya memberikan kesan yang baik dalam pembentukan serta perkembangan kanak-kanak kini mahupun akan datang. Oleh itu, sebagai pengkarya yang bertanggungjawab terhadap pembentukan kanak-kanak perlu menghasilkan banyak bahan bacaan seperti ini dengan tiadanya unsur-unsur negatif yang dapat membentuk diri kanak-kanak tersebut. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini juga dapat memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya memperkenalkan bahan bacaan sastera seperti ini kepada kanak-kanak kini mahupun akan datang.



## 5.2 CADANGAN

Pada bahagian cadangan ini, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan hasil daripada rumusan yang telah dibuat oleh pengkaji. Berdasarkan kepada analisis yang dibuat oleh pengkaji terdapat beberapa cadangan yang akan dilakukan kepada beberapa pihak supaya memperluaskan lagi kajian penyelidikan seperti ini berkait dengan karya-karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya kajian ini dapat dijadikan contoh serta rujukan kepada semua kerana ia bertujuan untuk menambah baik dalam pembentukan sosioemosi kanak-kanak.

Setelah meneliti dan menganalisis kajian ini secara menyeluruh, cadangan yang dapat diberikan oleh pengkaji dalam menambahbaik pembentukan sosioemosi kanak-kanak menerusi bahan bacaan sastera Sang Kancil ini adalah menjurus kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Seperti yang kita tahu bahawa DBP merupakan sebuah organisasi mahupun syarikat yang menerbitkan banyak karya antaranya adalah karya-karya sastera. Oleh itu, pihak DBP perlu memperbanyakkan lagi penerbitan dan bahan bacaan seperti ini kerana ia banyak memberi kesan yang baik dalam pembentukan awal kanak-kanak. Dalam penghasilan bahan bacaan ini juga perlu memperbanyakkan lagi unsur-unsur positif dan dapat menarik minat kanak-kanak untuk membacanya kerana kanak-kanak kini lebih tertumpukan kepada gadget berbanding dengan bahan bacaan. Oleh hal yang demikian, pihak DBP mahupun masyarakat perlu memainkan peranan yang lebih efisien supaya dapat menggalakkan kanak-kanak untuk membaca bahan bacaan tersebut. Antaranya adalah dengan mengadakan pertandingan bercerita berkait dengan bahan bacaan sastera kanak-kanak. hal ini dikatakan demikian kerana, dengan mengadakan pertandingan ini mereka akan lebih memahami dan mendalami isi yang

ingin disampaikan oleh penulis, contohnya unsur-unsur emosi dan nilai-nilai murni. Lantaran itu, dengan adanya aktiviti ini dapat melahirkan generasi baharu dalam membentuk sahsiah diri mereka.

Seterusnya, kepada para pengkaji baharu perlu memperluaskan lagi aspek kajian dalam membentuk sosioemosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera ini. Hal ini kerana, dengan memperbanyakkan kajian seperti ini dapat menambahkan mutu serta memperbanyakkan bahan rujukan kepada para sarjana, seterusnya dapat membuka mata masyarakat berkait dengan kelebihan penerapan bahan bacaan sastera kepada kanak-kanak. Ini disebabkan kurangnya kajian berkait dengan pembentukan sosioemosi kanak-kanak menerusi teks Sang Kancil, malah ia juga menyukarkan pengkaji untuk mencari bahan kajian. Jelas menunjukkan bahawa, dengan adanya kajian baharu ini dapat dijadikan contoh dan rujukan kepada pengkaji yang lain.

Selain itu, ibu bapa juga memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan sosioemosi kanak-kanak. Hal ini kerana, ibu bapa perlu menerapkan dan memperkenalkan bahan bacaan seperti ini supaya dapat membantu pertumbuhan kanak-kanak dalam perkembangan mereka. Oleh itu, ibu bapa juga perlu menghadkan penggunaan gadget disebabkan oleh zaman yang semakin moden ini, malah perlu memperbanyakkan bahan bacaan ini. Di samping itu, sebelum memberi bahan bacaan kepada kanak-kanak mereka perlu memastikan bahawa teks tersebut terdapat unsur negatif atau sebaliknya. Hal ini supaya kanak-kanak tidak terpesong dalam pembentukan sosioemosi mereka ke arah yang salah dan mencemarkan pertumbuhan generasi baharu. Jelas menunjukkan bahawa, ibu bapa juga memainkan peranan yang sangat penting kerana mereka merupakan individu yang paling rapat dengan anak-anaknya sebelum individu lain.

Akhir sekali, pihak institusi pendidikan juga merupakan salah satu organisasi yang bernas dalam pembentukan sosioemosi kanak-kanak. Hal ini kerana, institusi pendidikan merupakan sebuah medium penting dalam memperkenalkan serta menyebarkan ilmu pengetahuan kepada golongan kanak-kanak. Pihak institusi ini perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan generasi yang memahami dan mendalami tentang penerapan bahan bacaan sastera yang ingin disampaikan oleh penulis. Bagi sekolah rendah, pihak institusi perlu menubuhkan subjek sastera kanak-kanak supaya mereka dapat mempelajari dan mendalami apa yang dimaksudkan dengan karya sastera kanak-kanak. Malah, ia juga perlu memberi kesedaran kepada kanak-kanak supaya tidak memandang rendah terhadap subjek tersebut. Perkara ini perlu dititikberatkan kerana, pembentukan sosioemosi kanak-kanak ini sangat penting bagi melahirkan masyarakat yang berjasa kepada negara. Hal ini kerana, kanak-kanak juga merupakan golongan masyarakat yang sangat penting, kerana mereka merupakan aset kepada negara juga dapat dijadikan sebagai penyumbang dalam pembangunan negara di masa akan datang.

### 5.3 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapat dilihat bahawa kajian berkait dengan pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera seperti Sang Kancil ini merupakan sesuatu yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Hal ini kerana, masyarakat kini kurang mengambil berat dan kurang bertanggungjawab terhadap penerapan bahan bacaan tersebut kepada generasi kini. Malahan perlu dipandang serius oleh pihak yang tertentu supaya kanak-kanak kini tidak tenggelam dengan zaman yang semakin moden ini seperti penggunaan gadget. Oleh itu, kajian ini telah meneroka unsur, jenis dan kesan terhadap pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui bahan bacaan Sang Kancil supaya dapat dijadikan contoh dan teladan kepada generasi pada hari ini. Justeru itu, pengkaji juga telah menggunakan teori Perkembangan Psikososial dari Erik Erikson supaya dapat membuktikan bahawa teks tersebut memperlihatkan tentang perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak. Malah, penerapan unsur ini juga sangat penting dalam membangunkan perkembangan sosioemosi mereka sewaktu membaca bahan bacaan serta dapat melahirkan ramai masyarakat yang berilmu dan bijaksana.

## RUJUKAN

- Abdul Mua'ti @ Zamri bin Ahmad (2016). Psikologi dalam Komunikasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Alifa Aliya Ngadiman dan Zakiah Mohamad Ashari (2018). Sikap Terhadap Gajet Teknologi Dan Kesannya Kepada Sosio-Emosi Pelajar: Kajian Meta-Analisis. 89-94
- Amin Minhad (2015). Kumpulan Cerita Sang Kancil. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Ani Wijirahayu, Diah Krisnatuti dan Istiqlaliyah Muflikhati (2016). Kelekatan Ibu-Anak, Pertumbuhan Anak, Dan Perkembangan Sosial Emosi Anak Usia Prasekolah. Jurnal Ilmu Keluarga dan Konsumen, 9(3), 171-182
- Anita Sari Daulay (2018). 'Penerapan Pendekatan Erik Erikson Dalam Pengembangan Sosial Emosional Anak Usia Dini Di Tk Dina Dini Kecamatan Sosa Kabupaten Padang Lawas. Universiti Islam Negeri Sumatra Utara, Medan. 20, Julai
- Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2011). Pembentukan Emosi Kanak-kanak melalauai Bahan Bacaan Sastera. Jurnal Pengajian Melayu, jilid 22
- Arb'ie Sujud, Nurul Azimah Abdullsedik dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2019). Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak Dari Perspektif Teori Emosi. Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN), jilid 7. (50-67), Januari
- Athirah Zainal Abidin, Nor Mashitah Mohd RAdzi, Hamsa Hameed Ahmed dan Putri Afzan Maria Zulkifli (2021). Kesahan Instrumen Pentaksiran Sosioemosi Kanak-Kanak (Ipsk) Menggunakan Model Miller. 28, Disember
- Atikah Mohd Noor, Sharil Nizam Sha'ri dan Rohaidah Kamaruddin (2018). Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 5 Bil. 1 (92-102) 18, September
- Berit Hagekull dan Gunilla Bohlin (1995). Day Care Quality, Family and Child Characteristics and Socioemotional Development
- Darmiyati Zuchdi (1995). Pembentukan Sikap. Cakrawala Pendidikan No. 3, Tahun XIV. (51-63)
- Edy Purwantoro (2017). Karakter Rupa Dongeng Sang Kancil pada Media Komunikasi Visual. Widyakala Journal of Pembangunan Jaya University 4(2):86
- Estri Novari Rista Sukma Puteri (2020). Nilai Moral dalam Dongeng Bergambar "Si Kancil yang Cerdik" karya Gibran Ar-Rasyid sebagai Muatan Pembelajaran Fabel untuk Peserta Didik Kelas VII SMP
- Eva Yenita Syam (2016). Masihkah Kancil Ajarkan Budi Pekerti? . Seminar Nasional Sastra Anak Membangun Karakter Anak melalui Sastra Anak. (104-110). 28, Mei

- Farra Humairah binti Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Pemikiran Kerohanian dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan Positif kepada Kanak-kanak. *Journal of Malay Language, Education and Literature* Jilid 7
- Hanisah Halim, Juslah Idang, Guan Teik Ee, Murnizam Halik & Sabariah Sharif (2020). Tinjauan Perspektif Guru terhadap Kepentingan Pembelajaran Sosio-Emosi dalam Meningkatkan Kompetensi Sosio-Emosi Pelajar Sekolah Rendah di Sabah *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 18, Issue 1
- Helene Le Forner (2021). Formation of Children's Cognitive and Socio-Emotional Skills: Is All Parental Time Equal. 15, September
- Hendra Naldi (2018). Perkembangan Kognitif, Bahasa, Dan Perkembangan Sosioemosional Serta Implikasinya Dalam Pembelajaran. Universitas Negeri Padang. 31, Disember
- Ikha Listyarini dan Muhammad Arief Budiman (2018). Pesan Moral dalam Dongeng Kancil dan Sahabat Karibnya karya Fatiharifah dan Nia Yustisia. *PGSD FIP Universitas PGRI Semarang. Culture* Vol. 5 No. 1. (144-160)
- Kaithiri Arumugam dan Rohaya Md Ali (2019). Buku Kanak-kanak: Analisis Unsur Estetika. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* Jilid 10, (151-165)
- Kalaa Shini A/P Jayaganesan (2019). Perkembangan Kanak-kanak. institusi Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur. 3, September
- Mahmud Fauzi (2021). Perkembangan Sosio Emosional Siswa Mandrasah Ibtidaiyah: Pembelajaran Sekolah Berbasis Dalam Jaringan Di Era Pandemi. 6, April
- Mardhiah binti Mohd Puad (2015). 'iBook Rukun Iman' Pendidikan Kanak-kanak Prasekolah. Universiti Malaysia Kelantan. 10, September
- Maryam Zarra-Nezhad, Jaana Viljaranta, Nina Sajaniemi, Kaisa Aunola dan Marja-Kristiina Lerkkanen (2020). 'The Impact of Children's Socioemotional Development on Parenting Styles: The Moderating Effect of Social Withdrawal'. University of Jyväskylä, Jyväskylä, Finland. 7, Oktober
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2021). Pengaplikasian Pendekatan Pengurusan terhadap Dua Buah Cerita Binatang. *Malay Literature*, 34(2), 183-210. 2, Disember
- Mohd Hanip Haji Hassan (2021). Perkembangan Kanak-Kanak, Apa yang perlu anda ketahui. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Sahardi bin Ismail (2018). Pembinaan dan Validas Instrument Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak Prasekolah menggunakan Model Pengukuran Rasch. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Muhammad Firwan (2017). Nilai Moral dalam Novel Sang Pencerah Karya Akmal Nasrey Basral, *Jurnal Bahasa dan Sastra* Volume 2 No 2
- Ng Sen Fa dan Sandiyao Sebastian (2005). Masalah Sosio-emosi Kanak-kanak Pintar Cerdas. Universiti Malaya

- Noermanzah (2019). Bahasa sebagai Alat Komunikasi, Citra Pikiran, dan Kepribadian. Prosiding Seminar Nasional Bulan Bahasa (Semiba)
- Nofi Antika Nurfatin & Rai Bagus Triadi (2018). Karakteristik Tokoh Kancil pada cerita Rakyat Tradisional Indonesia. Universiti Pamulang. Jurnal Sasindo Unpam, jilid 6. 2, November
- Nor Azizah Mohammad dan Suziyani Mohamed (2020). Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pembelajaran dalam Membentuk Kecerdasan Sosioemosi Kanak-kanak. *International Journal of Education and Pedagogy*. (70-82). 25, September
- Norly Jamil (2010). Tingkah Laku Kanak-kanak dan Ekspresi Emosi Ibu Bapa. Universiti Pendidikan Sultan Idris. *International Conference on Teacher Education*. 8-10, November
- Nurhasma Muhamad Saad, Kartina Kamaruzaman dan Dr. Rosni Samah (2009). Fungsi Cerita Binatang Dalam Sastra Kanak-kanak Melayu – Arab. *Universiti Sains Islam Malaysia* 335-345
- Nurul Hudani Md. Nawawi dan Mohd. Dahlan Hj A. Malek (2020). Psikologi Sosial daripada Individu kepada Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah
- Nurul Lailatul Khusniyah (2018). Peranan Orang Tua Sebagai Pembentuk Emosional Sosial Anak. *Qawwam: Journal for Gender Mainstreaming*, Vol. 12 No. 1
- Putri Oktarilla Murti, Antonius Totok Priyadi dan Agus Wartiningsih (2019). Emosi Tokoh Dalam Novel *Aku, Benci, Dan Cinta Karya Wulanfadi* Tinjauan Psikologi Sastra. Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia FKIP Untan Pontianak
- Shahidah Hassim, Chua Chu Tee, Rosadah Abdul Majid, Zalizan Mohd Jelas dan Hamizatun Akmal Md Yusof (2012). Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prsekolah Bermasalah Pendengar: Implikasinya Terhadap Penglibatan Ibu Bapa. *Akademika* 82(2) 2012: 137-142
- Silvi Aqidatul Ummah dan Novida Aprilina Nisa Fitri (2020). Pengaruh Lingkungan Keluarga Terhadap Perkembangan Sosial Emosional Anak Usia Dini. 1, Januari
- Siti Affiza Mohammad, Zaharah Osman dan Azian Niza Abdul Aziz (2021). Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak melalui Aktiviti Main Peranan dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Vol.10 (2), 47-60
- Siti Fatimah binti Mamat, Roslina binti Abu Bakar, Arbai'e bin Sujud (2019). Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. 77-89
- Siti Karomah dan Agus Hermawan (2020). Kajian Aspek Moral pada Buku Kumpulan Dongeng Si Kancil karya Mb Rahimsyah Ar. 2, September. 44-47
- Siti Nurina Hakim (2012). Menanamkan Nilai-nilai Pembentuk Karakter melalui Cerita Binatang. *Universitas Muhammadiyah Surakarta*. 189-197

- Siti Sarah Hasbullah, Kamariah Abu Bakar dan Norasmah Othman (2020). Pembelajaran Awal Sains dan Kompetensi Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah: Satu Kajian Literature Sistematis. *Journal artikel Universiti Kebangsaan Malaysia*
- Syukria dan Nina Siti Salmaniah Siregar (2018). Buku Cerita Sang Kancil dan Perilaku Meniru Siswa Taman Kanak-kanak. *Jurnal Seni dan Budaya*, 2 (2): 86-98
- Teddy Onyskow (2013). Perangkaan Buku Dongeng Si Kancil untuk Membentuk Karakter Positif Anak. Tugas Akhir program S1 Jurusan Desain Komunikasi Visual
- Teori (2013). Daripada Wikipedia, ensiklopedia Bahasa Melayu, dipetik daripada <https://ms.wikipedia.org/wiki/Teori>
- Tiara Emiliza (2019). Konsep Psikososial Menurut Teori Erik H.Erikson Terhadap Pendidikan Anak Usia Dini Dalam Tinjauan Pendidikan Islam. Skripsi Sarjana Pendidikan Islam Anak Usia Dini, Fakultas Tarbiyah Dan Tadris Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bengkulu
- Tri Amanat (2020). Licik atau Cerdik? Resepsi terhadap Si Kancil di Dunia Maya. Vol. 32, No. 2, Desember. (209-222)
- Tuan Syuhada Tuan Mohd Pani (2022). Cerita Binatang Dalam Bentuk Animasi: Analisis Nilai Murni kepada Kanak-Kanak. *Universiti Malaysia Kelantan*.
- Umar Sidik (2013). Ideologi Cerita Sang Kancil dan Implikasinya Dalam Pendidikan Anak Usia Dini. 9, Oktober
- Zaharah Osman (2015). Kesan Implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi terhadap Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah. *EDUCATUM - Journal of Social Science* ISSN 2289-9391 / Vol 1 / 2015 / 75-82
- Zaiton Nur Aqilah Zainal (2020). Tahap Kesejahteraan Psikologi Dan Kawalan Diri Pelajar Yang Tinggal Di Dalam Kampus Dan Luar Kampus Universiti Malaysia Sabah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Tesis Sarjana Muda Psikologi (Pembangunan Belia Dan Komuniti), Fakulti Psikologi Dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah